



**LAPORAN PENYATA RASMI
DEWAN NEGARA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGKAL KETIGA
MESYUARAT KETIGA**

Bil. 14

Khamis

17 Disember 2020

K A N D U N G A N

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN
BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

(Halaman 2)

RANG UNDANG-UNDANG:
Rang Undang-undang Perbekalan 2021

(Halaman 21)

**MALAYSIA
DEWAN NEGARA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGGAL KETIGA
MESYUARAT KETIGA**

Khamis, 17 Disember 2020

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Timbalan Yang di-Pertua: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya, saya telah dilantik sebagai Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara.*

*Buah duku di dalam bakul;
Diletak bersama si daun palas;
Amanah diberi akan saya pikul;
Tanggungjawab pula akan saya galas... [Tepuk]*

Saya amat berterima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang telah memberikan kepercayaan kepada saya bagi memegang jawatan ini.

*Burung merak tinggi di awan;
Anak rusa berkejar-kejar;
Terima kasih buat semua Ahli Dewan;
Mohon nasihat dan tunjuk ajar.*

Menggalas amanah dan tanggungjawab sebagai Timbalan Yang di-Pertua, merupakan sesuatu yang perlu saya beri perhatian dan tumpuan agar perjalanan persidangan Dewan Negara dapat berjalan dengan lancar.

Terima kasih khusus daripada saya buat Yang Berhormat Senator Datuk Seri Haji Abdul Halim bin Abd. Samad yang telah menjalankan tugas dan amanah sebagai Timbalan Yang di-Pertua dari tahun 2016 hingga tahun 2020. Saya berdoa semoga perjalanan persidangan Dewan Negara sentiasa berada dalam keadaan yang baik dan membantu menambah baik pertumbuhan ekonomi serta keharmonian negara dan memastikan kedaulatan agama, Raja-Raja Melayu dan undang-undang sentiasa terjaga.

Apa yang boleh saya katakan, tugas baharu ini akan saya galas dengan penuh amanah dan iltizam. Terima kasih atas doa dan sokongan dari semua pihak.

*Bunga melur bunga melati;
Mari disulam di lubuk hati;
Pada yang tua kita hormati;
Yang muda pula perlu dikasihi.*

*Udang manis, udang galah;
Mari dimasak sama dimakan;
Jika ada silap dan salah;
Mohon ditegur, mohon ditunjukkan.*

Sekian, terima kasih.

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Tuan Ir. Md. Nasir bin Hashim** minta Menteri Kerja Raya menyatakan, tindakan terhadap kontraktor utama berhubung dengan insiden sekeping *parapet* jatuh ke atas sebuah kereta yang lalu di bawah projek pembinaan *Sungai Besi-Ulu Klang Elevated Expressway* (Suke) pada 19 September 2020.

Menteri Kanan Kerja Raya [Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terlebih dahulu, izinkan saya mengucapkan tahniah kepada Timbalan Yang di-Pertua atas lantikan.

Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Tuan Ir. Md. Nasir bin Hashim atas soalan. Untuk maklum Ahli Yang Berhormat, CIDB telah menjalankan satu prosiding tindakan tatatertib kontraktor pada 17 November 2020 dan telah menjatuhkan hukuman penalti berjumlah RM180,000 kepada kontraktor utama dan subkontraktor Projek Lebuhraya Bertingkat *Sungai Besi-Ulu Klang Elevated Expressway* (Suke), Pakej CA2 kerana gagal memastikan keselamatan di tapak bina pada tarikh 19 September 2020 yang lalu.

Kontraktor utama iaitu MRCB Builders Sdn. Berhad, telah dikenakan penalti sebanyak RM80 ribu, manakala subkontraktor Makna Setia Sdn. Berhad, berjumlah RM100 ribu. Kesalahan masing-masing telah disabitkan mengikut Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan 1994 [Akta 520], seksyen 34B(1)(c), dan seksyen 34C(1) iaitu di bawah kewajipan kontraktor dalam memastikan keselamatan bangunan dan kerja pembinaan sama ada semasa atau selepas pembinaan.

Hasil siasatan CIDB mendapati subkontraktor tersebut juga telah gagal mematuhi prosedur kerja yang betul yang telah diperakui oleh perunding projek serta tidak mengajikan penyelia tapak yang diakreditasi. Melalui keputusan prosiding tatatertib kontraktor tersebut,

subkontraktor Makna Setia Sdn. Berhad juga telah diarahkan untuk membuat penambahbaikan dalam prosedur keselamatan iaitu melaksanakan program audit keselamatan melalui pihak ketiga *Safety and Health Assessment System in Construction* (SHASSIC) yang akan dilantik pada projek tersebut agar keselamatan orang awam, keseluruhan jajaran projek, amalan cara kerja dan pengendalian serta pengurusan tapak bina terjamin sepanjang tempoh projek dilaksanakan.

Para pekerja, penyelia tapak dan juga pengurus pembinaan juga telah diarahkan untuk menjalani proses akreditasi oleh CIDB. Sepanjang tempoh siasatan dan prosiding yang telah dijalankan oleh CIDB, kedua-dua syarikat telah memberikan komitmen dan kerjasama begitu baik sekali termasuk membuat aku janji untuk meningkatkan keberkesanan dan amalan prosedur pelaksanaan persekitaran kerja yang lebih selamat dan kondusif. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan tambahan?

■1010

Ir. Md. Nasir bin Hashim: Soalan tambahan saya ialah, apa SOP untuk kontraktor-kontraktor yang menjalankan kerja-kerja di tempat yang sibuk yang dilalui oleh kenderaan seperti di laluan SUKE.

Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof: Terima kasih kepada soalan tambahan Yang Berhormat Senator. Di tapak pembinaan, untuk kawasan-kawasan yang sibuk terutamanya lalu lintas yang padat dengan kenderaan, kita ada SOP tertentu. Maknanya pada waktu puncak tidak dibenarkan untuk menjalankan kegiatan pembinaan. Kalau terpaksa, maka *traffic management system* perlu dipatuhi yang mana sebahagian jalan akan ditutup untuk memastikan tiada laluan ditapak tersebut ataupun di bawah tapak pembinaan.

Kita sebenarnya juga menjalankan proses audit keselamatan jalan yang dilaksanakan secara lima peringkat iaitu peringkat pertama perancangan. Peringkat kedua kita melaksanakan reka bentuk awalan, peringkat ketiga iaitu reka bentuk terperinci, peringkat keempat waktu pembinaan dan peringkat kelima waktu operasi. Itu akan dijalankan.

Akan tetapi dalam mana-mana kawasan pembinaan, ada tiga buah agensi utama yang mengawal selia. CIDB mengawal selia kontraktor manakala untuk aspek keselamatan jalan raya di bawah PBT dan aspek keselamatan pekerja dan juga kesihatan iaitu di bawah *Department of Occupational Safety and Health* (DOSH) di bawah Kementerian Sumber Manusia. Terima kasih.

2. Puan Ras Adiba binti Mohd Radzi minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan, apa tindakan kementerian dalam menyokong Badan Bukan Kerajaan atau pusat yang menyediakan perkhidmatan sokongan dan intervensi awal kepada kanak-kanak OKU berikutan terkesan akibat pandemik COVID-19, dan kekurangan dana sumbangan masyarakat.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Dato' Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, dan saya juga mengucapkan tahniah atas pelantikan sebagai Timbalan Yang di-Pertua.

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) tetap menyalurkan bantuan kewangan kepada 565 buah pertubuhan pemulihan dalam komuniti yang menjalankan program Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) kepada anak-anak OKU di lokaliti masing-masing walaupun pengoperasian pusat pemulihan dalam komuniti tidak dijalankan sepanjang tempoh pematuhan PKB tersebut. Kerajaan sedar akan keperluan bantuan kewangan bagi pertubuhan PDK untuk membayar kos operasi, sewaan premis termasuk bil utiliti, juga pembayaran sugu hati petugas dan pelatih PDK.

Jumlah penyaluran bantuan kewangan yang telah disalurkan kepada 563 buah PDK sepanjang tempoh tahun 2020 ialah berjumlah RM85.6 juta dan memberi manfaat kepada 19,304 orang pelatih dan 3372 orang penyelia dan petugas PDK termasuk bayaran bantuan kewangan khas kepada penyelia, petugas dan pelatih di PDK. Sebagai menghargai komitmen dan kesungguhan penyelia dan petugas PDK, dalam Bajet 2021, kerajaan telah bersetuju bahawa kadar sugu hati petugas pemulihan dalam komuniti dinaikkan daripada RM800 kepada RM1200 dan kadar sugu hati penyelia PDK dinaikkan daripada RM1200 kepada RM1500. Kenaikan ini akan memberi manfaat kepada 3372 orang petugas dan penyelia PDK sekali gus menyumbang kepada pemantapan pelaksanaan program pemulihan kepada anak-anak OKU.

Kerajaan sedar bahawa pertubuhan sukarela (PSK) merupakan sebahagian daripada rakan strategi yang saling melengkapi dalam usaha kerajaan dalam menyampaikan perkhidmatan sehingga ke peringkat akar umbi. Sebagai sebahagian daripada inisiatif di bawah Pakej Rangsangan Prihatin Rakyat iaitu PRIHATIN, kerajaan telah bersetuju untuk menyalurkan bantuan makanan dan penjagaan kesihatan kepada 65 buah PSK OKU dengan melibatkan peruntukan sebanyak RM1.94 juta.

Melalui pemberian bantuan ini ia telah memberi manfaat kepada 3758 orang penghuni yang berada di bawah jagaan dan perlindungan PSK. Justeru, pemberian bantuan ini merupakan inisiatif dan keprihatinan kerajaan dalam membantu PSK yang terkesan semasa tempoh PKP yang lalu. Terima kasih.

Puan Ras Adiba binti Mohd Radzi: Soalan tambahan saya. Saya pohon pihak kementerian menyatakan, jumlah peruntukan yang telah atau akan disediakan untuk pusat-pusat intervensi awal ini serta nyatakan rancangan kementerian bagi memastikan pusat intervensi awal ini terus beroperasi dengan baik ketika, dan seterusnya selepas PKPB ini. Terima kasih.

Dato' Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff: Terima kasih Yang Berhormat Senator atas soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, peruntukan melalui Bajet 2021 bagi program pemulihan dalam komuniti ialah sebanyak RM84.4 juta iaitu bagi program khusus dan RM15.2 juta iaitu bagi program dasar bajet. Peruntukan bagi tahun 2021 ini juga meliputi elaun pelatih termasuk elaun penyelia, petugas, kenaikan sagu hati, bil utiliti dan bayaran sewa.

Jadi pusat intervensi awal dalam konteks Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat juga melalui jabatan-jabatan yang sedia ada di peringkat daerah sebab kita ada jabatan di peringkat daerah dan negeri yang sentiasa bersedia untuk menerima aduan. Ini termasuk Klinik Nur Sejahtera, termasuk program di bawah JPW dan juga kita ada Talian Kasih yang sentiasa beroperasi untuk membantu golongan yang memerlukan. Terima kasih.

3. Puan Nuridah binti Mohd Salleh minta Menteri Sumber Manusia menyatakan, sejauh mana peningkatan peratusan pekerja tempatan yang bekerja dalam sektor pembinaan, pertanian dan perladangan sepanjang tempoh pembekuan pengambilan pekerja asing dilaksanakan pihak kerajaan.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Tuan Haji Awang bin Hashim]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua, soalan nombor tiga yang dibangkitkan ini berkenaan dengan prestasi pasaran buruh yang lebih baik. Kita melihat kepada suku ketiga pada era pandemik COVID-19 ini, dijangka pergerakan untuk pemulihan yang sebahagian besar sekatan telah dikurangkan dan perjalanan merentasi negeri dibenarkan. Sekarang ini perniagaan bermula dengan pengoperasian semakin rancak apabila kita mula membuka sedikit demi sedikit PKP ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita tengok guna tenaga meningkat daripada 211.900 ribu orang kepada 15.10 juta orang, manakala kadar pengangguran turun kepada 4.7 peratus pada suku ketiga 2020 setelah merekodkan kadar pengangguran suku tahunan tertinggi iaitu 5.1 peratus pada suku kedua 2020 ini.

Untuk makluman Ahli-ahli Dewan yang mulia ini, berdasarkan kepada statistik pemegang Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) untuk pekerja asing di Malaysia yang dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia, jumlah pemegang PLKS pada Mac 2020 adalah seramai 1.92 juta orang dan bilangan ini telah menurun kepada 1.54 juta orang pada

November 2020. Ini PLKS ataupun pekerja asing. Apabila mereka balik ke negara mereka, mereka tidak dapat balik ke sini kerana pandemik COVID-19 ini. Kita membuat penutupan *border*. *Then* yang ada di sini apabila tamat permit, mereka tidak boleh keluar tetapi kita membenarkan mereka untuk *crossing* dalam bidang-bidang tertentu dalam sektor perladangan dan sebagainya walaupun permit mereka dalam bidang lain. Ini sebab mereka tidak boleh keluar.

Jadi perubahan angka ini menyebabkan kita telah berjaya mengisi pekerja-pekerja tempatan terutamanya dalam sektor pembinaan sebanyak 6,803, dan sektor pertanian dan perladangan 2,143. Pengisian ini kerana kita belum sepenuhnya lagi menjalankan operasi pembukaan PKP ini menyebabkan *ongoing* sedang berlaku, dengan izin, pekerja-pekerja tempatan sedang kita isi dalam sektor-sektor yang disebutkan dalam bentuk soalan ini seperti pembinaan, perladangan dan pertanian.

■1020

Jadi, kita melihat pemegang PLKS pada sektor pembinaan mencatatkan jumlah seramai 406,369 orang pada Mac 2020 dan menurun kepada 337,426 orang pada November 2020. Pemegang PLKS bagi sektor pertanian mencatatkan jumlah seramai 143,348 orang pada Mac 2020 dan telah menurun kepada 111,140 orang pada November 2020. Jadi jawapan saya masih lagi panjang. Saya ingat masa sudah cukup. Kalau beri masa lagi, saya akan teruskan dengan fakta-fakta.

Timbalan Yang di-Pertua: Saya ingat cukuplah ya.

Tuan Haji Awang bin Hashim: Cukup, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Alhamdulillah*.

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan tambahan ada?

Puan Hajah Nuridah binti Mohd Salleh: Tuan Yang di-Pertua, okey *alhamdulillah*, tahniah. Mudah-mudahan berpanjanganlah rakyat kita mengisi kekosongan ini. Cuma, disebabkan faktor kos, agaknya apakah mekanisme yang akan dibuat oleh pihak kementerian untuk memastikan rakyat kita akan terus mengisi pekerjaan ini berbanding dengan pekerja asing? Terima kasih.

Tuan Haji Awang bin Hashim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator Puan Hajah Nuridah binti Mohd Salleh. Dalam kita- untuk mengusahakan pengisian pekerja-pekerja asing ini, program-program yang telah diumumkan seperti PRIHATIN, PENJANA, ERP dan sebagainya, mengamalkan dasar memberikan keutamaan pengajian kepada warga tempatan. Ini usaha-usaha kerajaan untuk membuat *replacement* ataupun penempatan kepada orang tempatan.

Semua majikan yang berhasrat untuk menggaji pekerja asing melalui program pengambilan semula ataupun *rehiring* dan juga permohonan pengambilan pegawai dagang-

ekspatriat diwajibkan terlebih dahulu mengiklankan kekosongan jawatan tersebut di portal pekerjaan nasional iaitu *MYFutureJobs* yang sekarang diuruskan oleh PERKESO. Berkuat kuasa pada 1 November 2020, pengiklanan kekosongan jawatan di *MYFutureJobs*, hendaklah tidak kurang daripada 14 hari bagi program *rehiring* pekerja asing yang sedia ada dalam negara dan 30 hari bagi permohonan pegawai dagang. Hanya jawatan yang tidak dapat diisi oleh pekerja tempatan sahaja dibenarkan untuk menggaji warga asing.

Penggajian pekerja asing diluluskan kepada tujuh sektor sahaja iaitu sektor pembinaan, pertanian, perladangan, pengilangan, perlombongan dan pengkuarian. Kuari lah ataupun korek tanah serta perkhidmatan dan pembantu rumah asing. Penggajian pekerja asing dari mana-mana negara sumber hendaklah berdasarkan kepada keperluan sebenar industri dan sektor-sektor yang dibenarkan sahaja. Dengan izin, *real industrial demand*. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ada lagi soalan panjang hendak jawab.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri Sumber Manusia. Seterusnya, Datuk Haji Ismail bin Ibrahim.

Datuk Haji Ismail bin Ibrahim: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Tahniah kepada Dato' Seri atas pelantikan sebagai Timbalan Yang di-Pertua. Soalan saya nombor 4.

4. Datuk Haji Ismail bin Ibrahim minta Menteri Dalam Negeri menyatakan, jumlah Orang Diparol (ODP) dan Orang Diselia (ODS) sehingga November 2020 serta jumlah lokasi Jabatan Penjara Malaysia menjadikan bekas Kem PLKN sebagai Asrama bagi ODP dan ODS di seluruh negara serta implikasi sosial kepada masyarakat setempat.

Timbalan Menteri Dalam Negeri II [Tuan Jonathan bin Yasin]: Selamat pagi Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan kepada statistik Jabatan Penjara Malaysia sehingga 1 Disember 2020, jumlah Orang Diparol (ODP) dan Orang Diselia (ODS) seramai 1,131 ODP dan 1,215 ODS. Manakala jumlah keseluruhan ODP dan ODS yang telah selesai menjalani Program Pelepasan Secara Perintah Parol dan Program Reintegrasi Penghuni dengan jayanya adalah seramai lebih daripada 50 ribu orang, dengan kadar residivis hanya 0.44 peratus.

Bekas Kem Pusat Latihan Khidmat Negara yang terpilih akan dijadikan Pusat Reintegrasi Penghuni untuk ODS, dan bukannya ODP bagi menjalani program latihan dan pemulihan. Setakat ini, sejumlah enam bekas Kem PLKN sedang dalam peringkat akhir persiapan untuk tujuan tersebut iaitu di PRP Mantin, Negeri Sembilan, PRP Sepang, Selangor, PRP Kuala Krai, Kelantan, PRP Kluang, Johor, PRP Kuala Muda, Kedah dan PRP Tuaran, Sabah.

Penghuni yang dipilih untuk program Pusat Reintegrasi Penghuni tersebut perlu melepasi syarat-syarat pemilihan yang ketat. Antaranya kategori kes, baki hukuman, berjaya menjalani program pemulihan mengikut fasa yang ditetapkan, dan mencapai perubahan tingkah laku yang baik. Mereka juga perlu melepasi penilaian *test* psikologi, pemeriksaan perubatan yang diperakui oleh Pegawai Psikologi serta Pegawai Perubatan.

Mengenai tatacara pemilihan yang ketat serta PRP yang dilengkapi dengan ciri-ciri keselamatan serta dikawal 24 jam oleh pegawai dan anggota Penjara Malaysia, ODS tidak akan memberi ancaman keselamatan kepada masyarakat. Masyarakat juga tidak dibebankan dengan sebarang gangguan sosial kerana selain daripada kawalan sepenuhnya, ODS akan mengikuti pelbagai program sendiri dan kemahiran di PRP yang terlibat.

Kejayaan program PRP dapat dilihat melalui pelaksanaannya sejak tahun 2011. Rekod Jabatan Penjara Malaysia menunjukkan kadar kemasukan semula ke-penjara residivis, bagi banduan yang berjaya mengikuti program ini 0.44 peratus sahaja, berbanding dengan kadar kemasukan semula banduan yang tidak mengikuti program ini iaitu 10 peratus hingga 12 peratus.

Ini menunjukkan kerjasama dan penglibatan masyarakat amatlah penting dalam membantu pihak kerajaan memulihkan pesalah. Justeru itu, program reintegrasi semula banduan ke dalam masyarakat terutamanya dalam Program PRP telah dibuktikan mempunyai impak yang lebih tinggi terhadap pemulihan pesalah. Sekian terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Haji Ismail bin Ibrahim: Soalan tambahan, sejauh manakah perhatian dan akauntabiliti KDN yang telah dan bakal diambil ke atas bantahan masyarakat setempat dalam menyusun SOP dan pendekatan operasi Pusat Reintegrasi Penghuni agar kekeliruan dan kebimbangan orang awam dapat ditangani mengikut pendekatan jalinan kasih serta berteraskan prinsip koreksional berbanding dengan persepsi masyarakat keliru bahawa penjara adalah institusi menjalani hukuman sahaja. Terima kasih.

Tuan Jonathan bin Yasin: Tuan Yang di-Pertua, mengikut rekod yang ada, Pusat Reintegrasi Penghuni ini terdapat enam buah tempat yang telah dicadangkan dan cuma ada satu buah tempat yang mana terdapat bantahan daripada masyarakat iaitu di Kuala Muda, Kedah. Walau bagaimanapun, perkara ini telah diselesaikan.

Untuk makluman Yang Berhormat, memanglah salah satu tugas utama pihak kerajaan memberi penerangan yang lebih terperinci kepada program ini supaya mereka mendapat gambaran yang penuh bagaimana program ini dapat dijalankan dan bagaimana keselamatan itu dapat dijamin oleh pihak kerajaan. Ini kerana beberapa faktor penting telah diambil kira dalam pelaksanaan program ini.

Bahkan mereka yang terlibat dalam pemilihan, dalam program ini ditapis secara ketat oleh pihak kerajaan kerana mereka perlu melepasi banyak syarat seperti syarat pemilihan mengikut kategori kes, baki hukuman, berjaya menjalani program pemulihan mengikut fasa yang telah ditetapkan dan tingkah laku mereka semasa dalam tahanan bagi mereka untuk dapat dilayakkan masuk ke dalam program ini. Perkara-perkara ini sudah diambil kira oleh pihak kerajaan supaya mereka yang terlibat dalam program ini tidak mempunyai kesan negatif bila mereka mengikuti program ini. Sekian dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri. Silakan Yang Berhormat Senator Haji Mohamad Apandi bin Mohamad.

Tuan Sr. Haji Mohamad Apandi bin Mohamad: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam 1Malaysia. Sebelum itu saya hendak mengucapkan tahniah kepada Timbalan Yang di-Pertua atas pelantikan sebagai Timbalan Yang di-Pertua. Soalan saya soalan nombor 5.

5. Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad minta Menteri Pengajian Tinggi menyatakan, jumlah mahasiswa/mahasiswi mengikut pecahan negeri-negeri di seluruh Malaysia yang belajar di IPTA.

Menteri Pengajian Tinggi [Dato' Dr. Noraini Ahmad]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Saya juga bersama-sama rakan-rakan yang lain ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat *Deputy Speaker* atas lantikan, dan terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Senator Tuan Sr. Haji Mohamad Apandi bin Mohamad atas soalan yang diberikan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi tahun 2020, enrolmen pelajar warga negara Malaysia di universiti awam sehingga 13 Oktober adalah seramai 511,243 orang. Daripada jumlah tersebut, anak kelahiran Selangor mencatatkan bilangan tertinggi yang berjaya melanjutkan pelajaran ke peringkat pengajian tinggi iaitu 66,726 orang, ataupun 13.1 peratus daripada jumlah enrolmen pelajar berstatus warga negara Malaysia. Ia diikuti oleh anak negeri Johor dengan jumlah 58,156 orang iaitu 11.4 peratus pelajar, dan anak negeri Kelantan iaitu 51,043 orang ataupun 10 peratus.

Jumlah mahasiswa mengikut pecahan negeri kelahiran bagi tahun 2020, sehingga 13 Oktober secara terperinci seperti berikut:

Negeri	Bilangan Mahasiswa (orang)
Selangor	66,726
Johor	58,156
Kelantan	51,043
Perak	48,371
Kuala Lumpur	47,716
Kedah	42,301
Sabah	33,382
Sarawak	32,064
Pahang	31,246
Terengganu	28,907
Pulau Pinang	25,846
Negeri Sembilan	20,279
Melaka	16,504
Perlis	5,654
Labuan	1,320
Putrajaya	449
Luar Negara (Berstatus Warganegara)	1,279

Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan tambahan.

Tuan Sr. Haji Mohamad Apandi bin Mohamad: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Sebelum itu saya hendak ucapkan tahniah kepada Kerajaan Kelantan dan rakyat Kelantan kerana daripada segi nisbah, Kelantan merupakan pelajar mahasiswa-mahasiswi tertinggi yang memasuki, daripada segi kepada nisbah penduduk di negara kita.

Cuma saya mohon bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, adakah rancangan daripada pihak kementerian untuk memberi satu insentif kepada negeri-negeri yang telah berjaya melahirkan masyarakat berpendidikan tinggi. Umpamanya negeri paling tinggi, dalam kes ini Selangor- memberi insentif RM20 juta, negeri yang kedua, Johor- RM15 juta, di tempat kedua, Kelantan tempat ketiga- RM10 juta. Ini sebagai cita-cita kita hendak melahirkan lebih ramai penduduk negara kita yang berpendidikan tinggi. Sekali lagi saya hendak ucapkan kepada rakyat Kelantan kerana nisbah tertinggi dalam Malaysia.

Dato' Dr. Noraini Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat. KPT mengambil maklum atas cadangan Yang Berhormat Senator berhubung pemberian insentif ataupun, dengan izin, *reward* kepada kerajaan negeri yang melahirkan ramai anak negeri yang berjaya menyambung pengajian ke peringkat pengajian tinggi.

Untuk makluman Yang Berhormat, sebenarnya terdapat inisiatif yang dilaksanakan oleh pihak KPT yang mana manfaatnya turut menyasarkan kerajaan-kerajaan negeri. Sebagai contoh- saya hendak beri contoh KPT telah diperuntukkan sebanyak RM100 juta bagi tujuan meningkatkan kebolehpasaran graduan di bawah program, dengan izin, *career development*

(PENJANA KPT-CAP). Terdapat dua inisiatif yang secara *direct*-nya akan melibatkan kerajaan negeri iaitu JOBs@State dan GRADpreneur@State. Kolaborasi antara KPT dan kerajaan negeri melalui program seumpama ini dijangka akan memberikan nilai tambah terhadap kemahiran.

Selain daripada itu Yang Berhormat, kerajaan juga prihatin dengan keperluan dan kebajikan para pelajar IPT daripada pelbagai aspek khususnya meringankan beban kewangan para pelajar tersebut. Sebagai contoh bayaran yuran pengajian. Secara amnya, pelajar ini membayar yuran dua sehingga 10 peratus sahaja daripada yuran sebenar pengajian. Bakinya di-*subsidized*-kan oleh kerajaan, dan kerajaan turut menyediakan pelbagai bentuk bantuan bagi memastikan kelangsungan pengajian pelajar dengan penawaran biasiswa pengajiannya, dengan pinjaman PTPTN. Di peringkat universiti awam, pelbagai kemudahan, inisiatif, bantuan kewangan, bantuan komputer dan segala-galanya turut diberikan kepada pelajar-pelajar berkenaan. Sekian Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Pengajian Tinggi. Dijemput Tuan Adrian Lasimbang.

Tuan Adrian Banie Lasimbang: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ambil kesempatan ini juga untuk ucapkan syabas atas pemilihan lantikan sebagai Timbalan Yang di-Pertua Dewan yang mulia ini.

6. Tuan Adrian Lasimbang minta Menteri Komunikasi dan Multimedia menyatakan, adakah teknologi terkini yang digunakan untuk memastikan capaian rangkaian liputan 4G dan kelajuan *internet* mudah alih dapat dinikmati di kawasan terpencil dan titik buta di Sabah.

Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia [Datuk Zahidi bin Zainul Abidin]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Pertama sekali saya pun bagi pihak yang lain sama juga mengucapkan tahniah kepada Timbalan Yang di-Pertua atas pelantikan pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian sentiasa memberi tumpuan kepada penambahbaikan infrastruktur komunikasi melalui penyediaan liputan jalur lebar berkelajuan tinggi dengan menggunakan pelbagai teknologi di seluruh negara terutamanya di kawasan luar bandar termasuk di Sabah.

Melalui Pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA), penambahbaikan infrastruktur digital dengan dilaksanakan secara berfasa akan memberikan kualiti pengalaman yang sama rata antara kawasan bandar dan luar bandar termasuklah penambahbaikan untuk mengurangkan kawasan-kawasan kelompangan liputan. Penambahbaikan ini selaras dengan perancangan kementerian untuk menjadikan perkhidmatan telekomunikasi sebagai salah satu utiliti awam selepas air dan elektrik.

Bagi memastikan lebih banyak kawasan yang akan mendapat liputan jalur lebar, kementerian sedang berusaha untuk membangunkan perkhidmatan dan infrastruktur komunikasi dengan menggunakan teknologi 4G untuk dibangunkan dengan cepat dengan kos yang berpatutan bagi menyediakan kesalinghubungan digital yang lebih berkualiti.

Namun begitu, kementerian maklum berkenaan kawasan-kawasan yang tidak sesuai untuk dibangunkan dengan rangkaian gentian optik dan teknologi 4G iaitu dengan mendirikan *tower* dan sebagainya. Oleh yang demikian, penggunaan teknologi satelit melalui *very small aperture terminal*- VSAT, dengan izin, merupakan pilihan yang ada pada masa ini untuk menyediakan perkhidmatan *internet* di kawasan-kawasan tersebut.

Kementerian mengakui bahawa penggunaan tele-satelit yang telah pun dilaksanakan dalam penyediaan perkhidmatan jalur lebar mudah alih di kawasan-kawasan terpencil di pedalaman Sabah, Sarawak dan di Semenanjung Malaysia sebelum ini bukanlah merupakan satu penyelesaian terbaik bagi jangka masa panjang dalam menyediakan perkhidmatan jalur lebar ini.

Ini kerana perkhidmatan jalur lebar yang disediakan melalui satelit mempunyai beberapa kelemahan termasuk kemampuan berdasarkan kapasiti dan terhad, kos operasi dan kos penyelenggaraan yang tinggi serta masalah kestabilan perkhidmatan sekiranya terdapat gangguan cuaca seperti hujan ataupun bekalan kuasa. Dengan adanya perkhidmatan teknologi satelit yang berterusan, kementerian akan terus menilai dan mempertimbangkan teknologi satelit ini untuk digunakan di kawasan-kawasan yang tidak dapat dijangkau oleh gentian optik dan teknologi 4G.

Bagi memastikan kawasan terpencil dan titik buta atau kelompangan liputan di kawasan Sabah dapat dinikmati dengan kelajuan mudah alih yang sewajarnya, kajian perlu dijalankan bersama-sama pemberi perkhidmatan dan pihak Kerajaan Negeri Sabah dalam mengenal pasti langkah penyelesaian. Kajian ini perlu dilaksanakan kerana keadaan topografi serta bilangan penduduk di kawasan terpencil di Sabah memainkan peranan dalam menentukan struktur rangkaian yang berkesan, berdaya maju daripada segi ekonomi serta kalis masa hadapan.

Walau bagaimanapun, usaha bagi meningkatkan liputan dan kualiti perkhidmatan jalur lebar di seluruh negara terutamanya di kawasan luar bandar dan pedalaman bukan sahaja melibatkan Kerajaan Persekutuan malah memerlukan kerjasama pelbagai pihak termasuk peringkat kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan dalam pemudah cara proses-proses perolehan dan kelulusan tapak bagi kawasan yang terlibat.

Sehubungan dengan itu, bagi menjayakan inisiatif komunikasi menerusi pelan JENDELA ini, kementerian berharap dapat mendapat sokongan padu dan kerjasama kerajaan

negeri, pihak kementerian dan agensi yang berkaitan supaya rakyat dapat menikmati manfaatnya. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan tambahan?

Tuan Adrian Banie Lasimbang: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan tadi. Saya ingin menambah sedikit soalan tambahan saya. Adakah kementerian bercadang untuk membuka ataupun menggalakkan lebih banyak *service provider* untuk beroperasi khususnya di kawasan luar bandar untuk memastikan persaingan yang sihat dan membolehkan perkhidmatan ditingkatkan dan harga yang berpatutan untuk akses *internet* di luar bandar. Terima kasih.

Datuk Zahidi bin Zainul Abidin: Terima kasih atas soalan tersebut. Pertama sekali daripada segi *service provider* di kawasan tersebut- persaingan dan sebagainya, ia melibatkan kos seperti yang saya jawab tadi. Ia melibatkan kos di kawasan tersebut. Kadangkala di kawasan tersebut penduduknya agak kurang dan daripada segi kosnya tidak dapat menampung daripada segi kos untuk kita menyelenggarakan telekomunikasi di kawasan tersebut. Namun begitu, kerajaan sedang memikirkan di bawah pelan JENDELA ini bagaimana kerajaan seharusnya meng-*subsidize* ataupun memberi subsidi dan usaha ini akan menggalakkan *telco* untuk memberi perkhidmatan di kawasan luar bandar. Terima kasih.

■1040

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia. Dijemput Yang Berhormat Dato' Wira Othman bin Aziz.

Dato' Wira Othman bin Aziz: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya juga merakamkan ucapan tahniah diatas lantikan Tuan Yang di-Pertua untuk membantu Tuan Yang di-Pertua.

7. **Dato' Wira Othman bin Aziz** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan, perkembangan dan prospek penswastan liga dan pasukan bola sepak tempatan yang sedang berjalan, serta sejauh mana penglibatan pihak swasta dalam program ini.

Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Tuan Wan Ahmad Fayhsal bin Wan Ahmad Kamal]: Terima kasih Yang Berhormat, ucapan tahniah juga saya ingin rakamkan kepada Timbalan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek penswastan Liga Bola Sepak Malaysia telah mula diusahakan pada tahun 2012, dan dilancarkan sepenuhnya pada tahun 2015. *Football Malaysia Limited Liability Partnership* (FMLLP) yang telah ditubuhkan pada tahun 2014 mula beroperasi dan menjalankan tanggungjawab selaku badan pengendali Liga Malaysia secara sepenuhnya bermula dari tahun 2015. FMLLP telah ditukar kepada *Malaysian Football League* (MFL) pada tahun 2017.

Penswastan liga membawa maksud saingan liga profesional dan elit dianjurkan oleh sebuah entiti iaitu MFL di luar Jawatankuasa Pertandingan FAM selaku badan induk. Selaku badan penganjur, MFL diberi hak komersial termasuk hak siaran untuk semua perlawanan liga tempatan yang bernaung di bawahnya. Manakala penswastan kelab membawa maksud pembentukan Kelab Bola Sepak (FC) yang terpisah daripada persatuan bola sepak dan di takbir urus untuk bersaing dalam saingan profesional iaitu Liga Super, Liga Premier, Piala Malaysia dan Piala FA.

Selain itu, penswastan kelab ini membolehkan, dengan izin, *enabling* pemisahan antara tanggungjawab, skop dan peranan yang ketara antara Persatuan Bola Sepak (FA) dan Kelab Bola Sepak (FC). FA berperanan sebagai badan pengawal pembangunan, takbir urus, akar umbi dan pengurusan pertandingan sukan bola sepak. Manakala FC pula, secara spesifik menguruskan sesebuah pasukan bagi menyertai pertandingan profesional dan elit.

Secara umumnya, struktur pemilikan sukan bola sepak boleh dibuat menggunakan salah satu daripada kemungkinan berikut:

- (i) pemilikan penuh oleh persatuan bola sepak; dan
- (ii) pemilikan secara perkongsian di antara persatuan bola sepak dengan pihak ketiga sama ada oleh orang perseorangan atau syarikat berdaftar ataupun pemilikan penuh oleh pihak ketiga oleh orang perseorangan atau syarikat berdaftar.

Adalah dijangkakan sebilangan atau sebahagian besar dari kelab bola sepak akan dimiliki oleh syarikat swasta. Perkara ini akan hanya diketahui sepenuhnya apabila tempoh perjanjian dokumen tamat pada 18 Disember 2020.

Penswastan liga juga adalah penting untuk menginstitusikan pengurusan liga secara lebih profesional maka menjadi saingan yang lebih kompetitif. Sebagai rekod, sepanjang tempoh dari tahun 2019 hingga tahun 2020, rakan komersial MFL seperti berikut, *TM UniFi*, *Shopee*, *CIMB*, itu antara yang menyumbang kepada liga kita.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pengumuman kerajaan melaksanakan PKP sejak 18 Mac 2020 kerana penularan COVID-19 menyebabkan banyak penangguhan dan pembatalan pertandingan yang kompetitif. Ini mengakibatkan beberapa- rakan komersial mengkaji semula penglibatan mereka dalam pertandingan pada tahun hadapan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan tambahan?

Dato' Wira Othman bin Aziz: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Di luar negara seperti di UK, Itali semua liga masih berjalan. Cristiano Ronaldo, Sadio Mane dan Salah, semua pernah positif tetapi masih main. Di Malaysia kita terus tangguh menyebabkan Piala

Malaysia sekarang di peringkat suku akhir tertangguh. Kesannya sudah tentulah macam Yang Berhormat Timbalan Menteri kata tadi, penaja lari.

Apakah usaha kerajaan dan komitmen bagi memastikan komitmen penajaan ini tidak lari? Apa bentuk insentif, *tax exemptions* dan sebagainya yang boleh diberikan? Apa perancangan strategik antara kementerian dengan FAM agar liga ini bernafas semula dalam masa yang cepat. Terima kasih.

Tuan Wan Ahmad Fayhsal bin Wan Ahmad Kamal: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Sebagai peminat bola sepak, saya juga amat sedih dan kecewa. Kita terpaksa menangguhkan ataupun membatalkan saingan Piala Malaysia yang sepatutnya boleh dibuat tetapi malangnya kerana COVID-19 kita terpaksa tangguhkan kerana kita mendahulukan masalah kesihatan rakyat.

Walau bagaimanapun, di peringkat Kementerian Belia dan Sukan, *alhamdulillah* pada hari ini kita akan berbincang dengan Majlis Keselamatan Negara berhubung dengan strategi kita untuk membuka semula, bukan sahaja liga bola sepak, malah kesemua fasiliti sukan dengan menggunakan SOP yang baru iaitu gelembung sukan atau *sport bubble* sepertimana yang kita lihat berlaku di luar negara. Cuma pertimbangan terus dan juga yang muktamad akan diputuskan oleh Majlis Keselamatan Negara pada hari ini dan akan dibentangkan keputusannya pada minggu hadapan.

Walau bagaimanapun, kalau tiada aral yang melintang, mungkin awal tahun hadapan kita dapat lihat semua pertandingan sukan yang kita sudah lama tunggu akan berlangsung seperti biasa menggunakan SOP yang sedia ada iaitu kuarantin *based* dan juga gelembung sukan ini. Jadi, kita sama-sama doakan petang ini MKN terbuka hati untuk menerima cadangan daripada Kementerian Belia dan Sukan untuk membantu, menghidupkan semula sukan di Malaysia. Terima kasih.

8. Tuan Ahmad bin Yahaya minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan, perkembangan terkini rancangan pembinaan Program Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) khususnya di negeri Kedah dan apakah langkah yang diambil terhadap projek perumahan bina baru serta baik pulih yang tertangguh susulan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar I [Dato' Sri Haji Abdul Rahman bin Mohamad]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator. Saya juga pertamanya ingin merakamkan ucapan tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua atas pelantikan baru-baru ini. Terima kasih.

Untuk makluman Yang Berhormat, bagi tahun 2020 sebanyak RM20.12 juta diperuntukkan untuk negeri kedah di bawah Program Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT)

termasuk peruntukan Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin (PRIHATIN). Berdasarkan peruntukan ini, sebanyak 74 unit bina baharu dan 1,100 unit baik pulih rumah di sasaran untuk dilaksanakan.

Berikutan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di seluruh negara pada Mac 2020 dan kemudiannya PKPB dilaksanakan mengikut negeri serta daerah, hampir semua projek PPRT sama ada yang sedang berjalan atau telah diluluskan telah tertangguh pelaksanaannya di seluruh negara termasuklah di negeri Kedah.

Selepas aktiviti ekonomi dibenarkan berjalan seperti biasa, pihak kementerian telah berusaha sedaya upaya untuk memastikan pelaksanaan PPRT dapat diteruskan meskipun negara terus dilanda pandemik COVID-19. Pihak kementerian telah mengambil beberapa inisiatif antaranya pelaksanaan proses undian kontraktor secara *online* dan pemantauan secara visual selain turun padang dan meneruskan pembinaan rumah secara IBS untuk memastikan pembinaan lebih cepat.

Secara keseluruhannya, bagi status pelaksanaan semasa di negeri Kedah, kira-kira 54 peratus projek telah disiapkan, manakala baki projek di dalam pelbagai peringkat pelaksanaan disasarkan untuk disiapkan pada awal tahun 2021. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan tambahan.

Tuan Ahmad bin Yahya: Terima kasih Yang Berhormat. Soalan tambahan saya, adakah masih wujud rumah PPRT di Kedah yang sudah siap dibina tetapi belum dihuni. Jadi, soalannya apakah masalah yang dihadapi sehingga umah yang sudah siap itu tidak dihuni? Terima kasih.

Dato' Sri Haji Abdul Rahman bin Mohamad: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, pertamanya saya mohon maaf atas soalan itu kerana angka ini kami tidak dapat. Akan tetapi, mengikut lazimnya yang meletakkan nama-nama rumah tersebut kalau berdasarkan saya salah seorang yang berada di pusat khidmat masyarakat, kebiasaannya untuk mengisi kekosongan ini kita terletak di pejabat daerah dan akan dipersetujui oleh wakil rakyat di kawasan tersebut.

Jadi, saya mohon jasa baik Yang Berhormat, supaya agar dalam kes ini dapat merujuk kepada Menteri Besar Kedah untuk memastikan bahawa ia akan diisi oleh penghuni di dalam rumah-rumah yang telah disiapkan oleh pihak KPLB. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar. Dijemput Yang Berhormat Datuk Paul Igai.

Datuk Paul Igai: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, tahniah atas pelantikan Tuan Yang di-Pertua sebagai Timbalan Yang di-Pertua semalam.

9. Datuk Paul Igai minta Menteri Pertanian dan Industri Makanan menyatakan, apa rancangan kementerian untuk meningkatkan pengeluaran beras negara supaya tidak lagi

perlu mengimport 30 peratus keperluannya, dan apa hasil penyelidikan dan pembangunan padi huma atau padi bukit dalam penambahan hasil lebih produktif lagi.

■1050

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I [Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah]: *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah atas pelantikan Tuan Yang di-Pertua yang menjadi kebanggaan rakyat negeri Melaka... [Tepuk]

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah: Untuk makluman Yang Berhormat Senator, secara puratanya keperluan tahunan beras untuk rakyat Malaysia sebanyak 2,500 juta tan pada setiap tahun. Itu bermakna sebanyak 200 ribu metrik tan setiap bulan. Manakala pengeluaran kita hanyalah 70 peratus sahaja daripada keperluan tersebut dan negara masih mengimport kira-kira 700 ribu hingga 900 ribu tan metrik beras setiap tahun ataupun 30 peratus. Kementerian komited untuk meningkatkan pengeluaran beras negara sehingga tahap sara diri ataupun SSL mencecah 75 peratus seperti yang kita gariskan dalam cadangan kertas strategi RMKe-12 bagi industri padi dan beras untuk mengurangkan import beras kita sebanyak lima peratus.

Oleh yang demikian, kementerian telah melaksanakan beberapa pendekatan baharu untuk meningkatkan pengeluaran beras bagi mengurangkan kadar kebergantungan kita terhadap beras import seperti berikut.

Pertamanya, Program Pengurusan Nutrien Lokasi Spesifik ataupun *Soil Profiling*. Ia bertujuan untuk menentukan formulasi penggunaan baja dan kapur berdasarkan kepada keperluan tanah yang berbeza mengikut kawasan.

Keduanya, pendekatan sawah berskala besar.

Ketiganya, penggunaan sumber air secara konjuktif ataupun secara bersepadu untuk penanaman padi.

Keempatnya, perluasan kawasan jelapang padi.

Kelima, untuk pengguna menggunakan benih padi yang sah, yang berkualiti dengan mengelakkan daripada berlakunya kejadian benih padi angin.

Seterusnya penggunaan teknologi moden dengan mekanisasi dan automasi serta adaptasi teknologi baharu tanaman padi melalui penggunaan jentera yang moden, berkeupayaan tinggi dan dapat mengoptimumkan hasil seperti penggunaan dron, jentuai mini dan sebagainya.

Seterusnya, penglibatan golongan muda dalam rantai penanaman padi dan beras melalui pelaksanaan pertanian moden untuk meningkatkan pengeluaran padi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada tahun 2009 kementerian melalui MARDI telah menjalankan satu kajian pengurusan penanaman padi bukit di kawasan tanah darat beralun, dengan izin, *undulated land* dan berbukit di Sarawak selama tiga tahun. Kajian ini merangkumi penampakan tanah, pengurusan nutrien, pembajaan, pengurusan rumpai, serangga dan juga penyakit serta mekanisasi.

Hasil kajian tersebut mendapati hasil padi telah meningkat kepada 1.42 metrik tan sehektar berbanding 0.74 metrik tan per hektar bagi kawasan berbukit. Manakala pendekatan hasil kepada 2.78 metrik tan sehektar berbanding 1.1 metrik tan per hektar di kawasan-kawasan tanah beralun dengan menggunakan varieti benih padi yang tradisional. Terima kasih Yang Berhormat.

Datuk Paul Igai: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri atas jawapan tadi.

Soalan saya, penanaman padi bukit huma menjadi keutamaan pesawah di Sabah dan Sarawak dengan menghadapi pelbagai isu yang menyebabkan kekurangan hasil. Maka, apa sebenarnya penyelidikan yang telah dijalankan bagi penyesuaian baja, racun dan kuantiti sukatan serta kaedah-kaedah tanaman bagi meningkatkan pengeluaran? Bagaimanakah juga kaedah penyampaian dilakukan kepada pesawah padi bukit tersebut? Terima kasih.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya penanaman padi bukit ataupun padi huma ini tertumpu kepada negeri Sarawak dan Sabah. Kita mempunyai sebanyak lebih kurang 60 ribu hektar pada ketika ini. Purata hasil tanaman daripada padi bukit atau padi huma ini adalah di bawah satu metrik tan per hektar dan diusahakan hanya sekali setahun sahaja.

Jadi, bermula pada tahun 2015, kerajaan telah menggunakan Skim Baja dan Racun Padi kepada padi bukit dan padi huma dengan bantuan input seperti baja sebatian NPK 200 kilogram per hektar, baja nitrogen cecair sebanyak 15 liter per hektar dan racun rumpai bagi penyediaan kawasan. Skim ini sebenarnya telah memberikan manfaat kepada seramai lebih kurang 30 orang petani padi bukit di Sarawak dan juga Sabah yang sebelum ini tidak menerima apa-apa bantuan secara khusus.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pengurusan kementerian bagi tahun 2021 masih mengekalkan peruntukan sebanyak RM40 juta untuk tahun 2021 bagi tujuan Skim Subsidi Baja dan Racun Padi bagi padi huma yang dapat membantu lebih kurang lebih 63 ribu orang pesawah di Sabah dan Sarawak. Di Sarawak sahaja kita mempunyai seramai 45,223 orang pesawah yang akan menerima bantuan tersebut. Selepas itu, potensi hasil padi bukit ini akan mampu dipertingkatkan dengan amalan pengurusan tanaman yang terbaik seperti yang dicadangkan oleh MARDI. Jadi, kita mempunyai kaedah penanaman, pembajaan dan juga kawalan rumpai. Penanamannya kalau boleh ia berjarak kepada 25 cm

dan kedalaman lubang tugal adalah sebanyak lima hingga tujuh cm dan kadar benihnya lebih kurang 30 kilogram per hektar. Kapur cecair pada kadar 20 liter per hektar dan juga disyorkan di sembur pada tanah lembap sebelum tiga hari kita menugal.

Kaedah pembajaan pula, kadar keseluruhan NPK 75, 25 dan 35 disyorkan dengan baja dibenamkan ke dalam lubang bagi mengelakkan kehilangan baja terutama dalam kawasan-kawasan cerun. Selepas itu kawalan rumpai, ia sentiasa akan dipantau oleh pihak Jabatan Pertanian dan memberikan nasihat khidmat kepada semua pesawah.

Mekanisme sedia penghantaran skim baja dan lain-lain kepada golongan sasaran terdiri daripada tiga kategori iaitu di darat, air dan juga di tanah tinggi. Penghantaran darat melibatkan penggunaan lori dan juga penghantaran input pertanian melalui PPK. Manakala penghantaran air pula ke negeri Sarawak ini melibatkan perjalanan bukan sahaja daratan, bahkan menggunakan air yang melibatkan pengangkutan lori dan juga *vesse/* dalam tempoh 23 hari. Terima kasih Yang Berhormat.

10. Dato' Haji Husain bin Awang minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan, manfaat besar kepada sosioekonomi negara pada masa akan datang dengan penyertaan terhadap Perjanjian Perkongsian Ekonomi Komprehensif Serantau (RCEP).

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Datuk Lim Ban Hong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua atas pelantikan sebagai Timbalan Yang di-Pertua. Ini merupakan kebanggaan orang Melaka dan juga orang Tangga Batu... *[Tepuk]*

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Datuk Lim Ban Hong: Tuan Yang di-Pertua, manfaat penyertaan Malaysia dalam Perjanjian Perkongsian Ekonomi Komprehensif Serantau atau secara ringkasnya RCEP adalah seperti berikut.

Pertamanya, mengukuhkan integrasi ekonomi yang lebih baik di antara negara-negara ASEAN dengan rakan-rakan dialog ASEAN iaitu negara China, Jepun, Korea, Australia dan New Zealand. Ini adalah kerana negara-negara dalam RCEP masing-masing mempunyai kelebihan sendiri, sama ada daripada segi bahan mentah, kepakaran dan teknologi, sumber manusia yang mahir dan berkualiti mahupun pasaran yang besar. Jadi, kewujudan RCEP ini akan mengukuhkan integrasi ekonomi.

Keduanya, penyertaan dalam RCEP akan membuka akses pasaran yang lebih luas melalui penghapusan dan pengurangan tarif ataupun dan halangan bukan tarif, harmonisasi standard dan juga peraturan teknikal serta kerja ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, ini akan memudahkan perdagangan rentas sempadan untuk produk keluaran tempatan. Ketiga, penyertaan dalam RCEP akan mengukuhkan aktiviti nilai serantau melalui, dengan izin, *rules of origin* yang lebih mudah digunakan dan seterusnya ini akan mengukuhkan integrasi syarikat-syarikat tempatan dalam rantai nilai dan juga dalam rantai bekalan global, *global supply chain*, dengan izin, untuk lebih berdaya saing di persada antarabangsa dan seterusnya menjadi syarikat yang bertaraf global.

Keempat, penyertaan dalam RCEP akan memudahkan para peniaga Malaysia untuk memperoleh sumber bahan mentah yang akan digunakan dalam proses pembuatan melalui pelbagai sumber yang sedia ada dalam negara-negara RCEP.

Kelima, bagi penyedia perkhidmatan tempatan, termasuk e-dagang akan dapat menikmati akses pasaran yang lebih besar daripada segi penawaran rentas sempadan dan juga mewujudkan keberadaan komersial di pasaran RCEP memandangkan RCEP merangkumi 2.2 bilion pendudukan.

Keenam, syarikat-syarikat yang ingin menembusi pasaran RCEP dan menikmati keistimewaan tarif yang saya sebutkan tadi akan memilih untuk melabur di rantau RCEP dan ini akan meningkatkan pelaburan langsung asing dan tempatan memandangkan negara ialah destinasi pelabuhan terpilih dalam rantau ini.

Yang terakhir Tuan Yang di-Pertua, penyertaan dalam RCEP juga akan menyegerakan pemulihan ekonomi selepas COVID-19. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Ada soalan tambahan.

Dato' Haji Husain bin Awang: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan saya, apa bentuk kerjasama perdagangan yang telah dan juga sedang dirangka melalui RCEP ini khususnya menerusi negara-negara anggota yang masih berusaha bangkit daripada kesan pandemik COVID-19. Apa sasaran awal kerjasama yang sedang dan akan dibentuk dalam tempoh ini. Pohon penjelasan.

Datuk Lim Ban Hong: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator. Berkenaan dengan bentuk kerjasama. Sebenarnya dalam RCEP ini dia merangkumi 20 *chapters*. Selain daripada kerjasama pasaran yang saya sebutkan tadi, dalam jawapan tadi saya sebutkan kerjasama daripada segi pasaran, pelaburan dan juga memudahkan produk hasilan tempatan ataupun sesebuah negara ke pasaran yang lebih besar di RCEP.

Sebenarnya kerjasama-kerjasama yang kita lihat yang bakal diperkukuhkan di antara negara-negara dalam RCEP ialah yang pertama *trade-in services*, dengan izin, iaitu perdagangan perkhidmatan dan keduanya kita lihat kerjasama yang lebih erat daripada segi

intellectual property. Keempat, kita nampak juga dalam *chapter* ke-14, dan *chapter* ke-15, dalam RCEP ini menyatakan tentang, memperuntukkan tentang kerjasama perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dan juga kita kata kerjasama ekonomi dan teknikal.

Kita berharap dalam penyertaan RCEP ini, ia akan membantu kerjasama yang lebih erat di antara PKS tempatan dengan syarikat-syarikat di rantau RCEP ini khususnya dalam bidang teknologi dan teknikal dan sekali gus akan kita kata menaikkan industri dan perusahaan tempatan kita ke satu peringkat yang lebih tinggi ataupun tahap yang lebih tinggi dalam rantai nilai serantau. Ini beberapa kerjasama yang bakal, kita akan jalankan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri. Untuk hari ini, soalan lisan telah pun tamat. Terima kasih.

[Masa Pertanyaan-pertanyaan Bagi Jawab Lisan tamat]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2021

Bacaan Kali Yang Kedua

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan yang ditangguhkan atas masalah bahawa, rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang **[16 Disember 2020]**

Timbalan Yang di-Pertua: Minta Yang Berhormat Puan Lim Hui Ying untuk berbahas. Dipersilakan.

11.05 pg.

Puan Lim Hui Ying: Terima kasih. Terlebih dahulu ingin saya mengucapkan tahniah kepada Dato' Seri Yang Berhormat Senator atas pelantikan sebagai Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara dan juga terima kasih atas peluang untuk menyertai sesi perbincangan Rang Undang-undang Perbekalan 2021 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan. Belanjawan ini sepatutnya merupakan satu belanjawan yang amat penting khususnya ketika negara kita berhadapan dengan situasi pandemik COVID-19.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Ia sepatutnya mencerminkan keikhlasan dan kesediaan Kerajaan Persekutuan melawan pandemik COVID-19 dan seterusnya mengorak langkah pemulihan ekonomi dan pembangunan sosial untuk membawa rakyat dan negara mengharungi era norma baharu ini. Namun demikian adalah begitu mengecewakan di mana belanjawan ini telah mengundang kritikan dan kemarahan rakyat jelata di mana belanjawan kali ini nampaknya lebih cenderung untuk menjaga pihak-pihak tertentu sahaja. Secara keseluruhan saya percaya Ahli-ahli Dewan yang mulia ini telah pun mengikuti kritikan dan rintihan rakyat terhadap belanjawan ini sama ada melalui perbahasan di peringkat Dewan Rakyat atau media massa.

Ingin saya menarik perhatian Dewan yang mulia ini kepada implikasi belanjawan ini yang ternyata mengecewakan rakyat dan negeri Pulau Pinang. Tiga projek infrastruktur utama di Pulau Pinang telah dimansuhkan, ataupun ditangguhkan oleh Kerajaan Persekutuan. Pertama, projek pembesaran Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang bernilai RM800 juta telah ditangguhkan sehingga selepas 2023. Projek tersebut sebenarnya telah pun diumumkan dalam Belanjawan 2020 dan amat diperlukan kerana penggunaan lapangan terbang tersebut masa kini telah menjangkau lebih kurang 30 peratus kapasiti asal.

Keduanya projek Kereta Kabel Bukit Bendera bernilai RM100 juta telah pun dibatalkan oleh Kerajaan Persekutuan. Projek ini juga telah diumumkan semasa Belanjawan 2020 yang lalu. Matlamat utama untuk pembangunan fasa seterusnya Bukit Bendera sebagai antara destinasi utama sektor pelancongan negeri Pulau Pinang.

Ketiga, Kerajaan Persekutuan juga telah mengumumkan bahawa akan menarik balik jaminan pinjaman sebanyak RM32.04 bilion daripada *Asian Development Bank* untuk membiayai pembangunan LRT di negeri Pulau Pinang. Projek LRT merupakan antara projek pembangunan utama negeri Pulau Pinang bukan sahaja untuk menyelesaikan masalah kesesakan, malah menjamin pembangunan masa hadapan yang lebih lestari.

Dalam Belanjawan 2021, RM15 bilion telah diperuntukkan untuk projek pengangkutan seperti Lebuhraya Pan Borneo, Projek Landasan Berkembar Elektrik Gemas-Johor Bahru, Landasan Berkembar Lembah Klang Fasa 1, RTS Johor Bahru ke Woodlands, Singapura dan MRT3. Selain itu di bawah RMKe-12, kerajaan turut mengumumkan peruntukan RM6 bilion untuk sistem transit di Kuching dan monorel di Putrajaya. Mengapa pula jaminan pinjaman sekadar RM2 bilion untuk projek pengangkutan di Pulau Pinang dibatalkan.

Dalam keadaan ekonomi yang lembap, Kerajaan Persekutuan telah membuat keputusan yang akan merosakkan lagi ekonomi negeri Pulau Pinang dan negara kita. Tidak hairanlah ada yang berpendapat bahawa tindakan sedemikian merupakan politik balas

dendam yang akhirnya hanya akan mensabotaj diri sendiri. Kebajikan Pulau Pinang sebagaimana kebajikan negeri-negeri lain adalah terikat dengan kebajikan Malaysia.

Justeru saya memohon agar kerajaan akan mempertimbangkan keputusan-keputusan di atas dan memulihkan projek-projek pembangunan tersebut kepada rakyat dan negeri Pulau Pinang.

■1110

Tuan Yang di-Pertua, merujuk kepada ucapan Belanjawan 2021 ini, saya menyambut baik inisiatif Kerajaan Persekutuan untuk memperkenalkan pas perjalanan tanpa had My30 ke Pulau Pinang yang bertujuan untuk mengurangkan beban pengguna perkhidmatan bas di negeri Pulau Pinang.

Namun demikian, inisiatif ini sebenarnya merupakan penurunan taraf *downgrade*, dengan izin, di mana inisiatif Perjalanan Tanpa Had yang diperkenalkan oleh Kerajaan Persekutuan Pakatan Harapan iaitu Pas Mutiara bukan sahaja menyediakan pas perjalanan tanpa had perkhidmatan bas. Malah ia merangkumi perkhidmatan feri yang dikendalikan oleh Prasarana Malaysia Berhad.

Sehubungan dengan ini, ingin saya mendapatkan kepastian khususnya daripada Kementerian Pengangkutan sama ada pengumuman pas My30 di Pulau Pinang ini akan merangkumi perkhidmatan feri tanpa had.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini juga, Kerajaan negeri Pulau Pinang telah memulakan percubaan perkhidmatan bas percuma merentas jambatan CAT *bridge* pada 1 September 2020. Ini tambahan kepada perkhidmatan bas percuma *Congestion Alleviation Transport*, dengan izin, yang telah lama dilaksanakan di Pulau Pinang dan kerajaan negeri terus memperuntukkan RM15 juta untuk tujuan tersebut.

Saya ingin mencadangkan supaya Kerajaan Persekutuan dapat mencontohi Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk mewujudkan perkhidmatan pengangkutan awam sama ada secara percuma atau pada kadar yang lebih rendah sebagai galakan penggunaan perkhidmatan pengangkutan awam untuk mengatasi masalah lalu lintas di negeri Pulau Pinang. Sekurang-kurangnya saya berharap agar Kerajaan Persekutuan dapat menyokong inisiatif kerajaan negeri dalam usahanya untuk melaksanakan Pelan Induk Pengangkutan Negeri Pulau Pinang.

Kita juga mendapat berita sedih bahawa perkhidmatan feri akan dihentikan pada tahun hadapan. Rakyat Pulau Pinang khususnya dan rakyat Malaysia amnya akan berasa nostalgia terhadap perkhidmatan feri yang amat bersejarah di negeri Pulau Pinang.

Namun, pihak berkuasa pelabuhan Pulau Pinang telah mengumumkan bahawa perkhidmatan feri tersebut akan dihentikan. Saya faham masalah penyelenggaraan yang semakin memakan kos dan menyebabkan banyak kesukaran. Justeru, kerajaan akan

menggantikan feri sedia ada dengan *water bus* dan feri RO-RO untuk kenderaan dua (2) roda. Langkah ini merupakan satu pembaharuan yang tidak dapat dielakkan.

Namun, saya berpendapat jurang satu tahun untuk menggantikan perkhidmatan feri sedia ada terlalu lama dan ini menunjukkan pengurusan yang tidak cekap. Peralihan sepatutnya dilaksanakan dengan lebih lancar tanpa mendatangkan kesusahan kepada pengguna perkhidmatan feri yang sedia ada sehingga satu tahun lamanya.

Saya ingin mengemukakan tiga cadangan di sini. Pertama, perkhidmatan feri diteruskan walaupun pada tahap minimum sehingga *water bus* dan Feri Roro boleh berfungsi untuk menggantikan perkhidmatan feri masa kini. Kedua, satu atau dua buah feri lama di baik pulih dan dikekalkan bukan sebagai pengangkutan awam, tetapi sebagai tarikan pelancong. Feri-feri bersejarah tersebut boleh digunakan sebagai pengangkutan *cruise* pelancongan pelancong merentas selat Pulau Pinang.

Ketiga, perkhidmatan *water bus* yang bakal diperkenalkan patut diperluaskan bukan sahaja merentas dua buah terminal di sebelah pulau dan Seberang Perai sahaja tetapi dibenarkan untuk membuat hentian di sekitar persisiran kedua-dua belah Pulau Pinang. Ini menunjukkan satu rangkaian pengangkutan awam air sebagai alternatif kepada pengangkutan awam darat. Konsep ini telah pun dibentangkan dalam Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang.

Tuan Yang di-Pertua, saya turut menyambut baik pengumuman penyediaan pakej galakan pelaburan sebanyak RM1 bilion yang menyokong pelaburan R&D dalam bidang aeroangkasa dan kluster elektronik di kawasan perindustrian Batu Kawan, Pulau Pinang.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, negeri Pulau Pinang terus mencatatkan keputusan yang cemerlang khususnya daripada segi pelaburan domestik dan antarabangsa pada tahun ini. Meskipun berhadapan dengan ancaman pandemik COVID-19, Pulau Pinang mencatatkan pelaburan yang diluluskan bernilai RM10.6 bilion dari Januari hingga September tahun ini.

Sehubungan dengan ini, saya menyeru supaya lebih banyak tumpuan dan peruntukan dapat disalurkan ke Pulau Pinang bagi meningkatkan dan merancakkan lagi usaha peningkatan pelaburan. Atas kapasiti pentadbiran yang stabil dan progresif, negeri Pulau Pinang sememangnya kian melonjak statusnya sebagai sebuah negeri bertaraf antarabangsa yang menjadikannya sebuah destinasi pelaburan yang unggul.

Tuan Yang di-Pertua, peperangan negara terhadap pandemik COVID-19 masih belum tiba penghujungnya. Meskipun kini sumber vaksinasi dan wabak COVID-19 telah pun dikenal pasti, kami masih jauh daripada kemenangan ke atas pandemik tersebut. Oleh sebab masa suntuk, saya menyarankan agar Kerajaan Persekutuan dapat memperuntukkan sebanyak RM100 juta kepada setiap kerajaan negeri sebagai dana pengurusan COVID-19.

Perang ke atas COVID-19 hanya boleh dilaksanakan dengan berkesan jika pihak berkuasa negeri dan tempatan dilibatkan secara aktif. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, yang lain saya akan beri secara bertulis. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Kembali kepada Yang Berhormat. Saya menasihatkan Ahli-ahli sekali lagi. Seboleh-bolehnya berbahas dan tidak hanya membaca daripada teks. Ini akan membangkitkan satu aura baharu dan cara kita untuk bertentangan mata dan mengisi apa yang dianggap sebagai *senatorial speeches*. Saya jemput Yang Berhormat Dato' Haji Husain bin Awang.

Dato' Haji Husain bin Awang: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Tuan Yang di-Pertua: Tidak ada? Saya jemput Tuan Adrian Banie Lasimbang.

Dato' Haji Husain bin Awang: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Tuan Yang di-Pertua: Ada? Saya mohon maaf sebab panel ini tinggi benar. Silakan.

Dato' Haji Husain bin Awang: *Alhamdulillah... [Membaca selawat]* Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Belanjawan 2021 pada kali ini.

Saya mulakan ucapan saya ini dengan firman Allah SWT... *[Membaca sepotong ayat al-Quran]* Maksudnya, "Jika Allah mengenakan engkau dengan sesuatu yang membahayakan. Maka, tiada siapa pun yang akan dapat menghapuskannya melainkan Dia dan jika Dia menghendaki engkau beroleh sesuatu kebaikan, maka tiada siapa pun yang akan dapat menghalangi limpah kurniannya." Kita sebagai umat Islam wajib percaya dan yakin bahawa wabak yang membahayakan seperti COVID-19 yang berlaku pada hari ini tidak ada siapa yang mampu menghapuskannya melainkan dengan izin Allah SWT. Oleh itu, selain daripada kita berikhtiar dan berusaha mencari penawar, kita perlu kembali kepada jalan Allah SWT.

Tuan Yang di-Pertua, mutakhir ini kes COVID-19 di seluruh dunia terus meningkat iaitu melebihi 70 juta dengan kadar kematian 1.6 juta. Tidak terkecuali Malaysia yang berada dalam gelombang ketiga pandemik COVID-19 telah melebihi 80 ribu jumlah kes positif dengan merekodkan kes harian pada tiga atau empat digit dan kadar kematian melebihi 400. Bermula dari awal tahun sehingga Disember, wabak ini bukan sahaja menyebabkan rakyat negara kita kehilangan nyawa tetapi juga hampir puluhan ribu yang telah hilang pekerjaan sehingga berada pada tahap yang sangat kritikal untuk meneruskan kehidupan sekali gus memberi kesan kepada ekonomi negara.

■1120

Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan dan Kerajaan Perikatan Nasional yang telah membentangkan Belanjawan 2021 pada November lalu. Belanjawan kali ini bukan sahaja tertinggi dalam sejarah negara tetapi lebih inklusif dan

menyeluruh demi kemaslahatan rakyat dan daya tahan ekonomi berikutan wabak COVID-19. Malahan, pelbagai inisiatif bantuan telah disediakan oleh kerajaan seperti BPR, lanjutan moratorium dan bantuan bank bersasar, i-Lestari dan banyak lagi demi meringankan beban rakyat dan memperkasakan semula ekonomi negara.

Kita sedia maklum sebelum pembentangan Belanjawan 2021, kerajaan telah menyediakan empat buah pakej rangsangan iaitu Pakej PRIHATIN, PRIHATIN PKS Tambahan, PENJANA dan juga Kita PRIHATIN yakni Bantuan Prihatin Nasional 2.0. Dengan nilai suntikan fiskal langsung sebanyak RM55 bilion dengan pakej-pakej tersebut membuktikan kerajaan begitu menitik berat kebajikan rakyat selain memulihkan ekonomi negara. Pembukaan semula aktiviti ekonomi secara berperingkat telah menyebabkan prestasi ekonomi bagi suku ketiga bertambah baik.

Keluaran Dalam Negara Kasar Malaysia menyusut lebih perlahan iaitu 2.7 peratus berbanding penyusutan ketara 17.1 peratus pada suku tahun kedua. Ini merupakan satu fasa pemulihan selaras dengan pembukaan semula ekonomi selepas pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Namun begitu, langkah ini perlu seimbang antara usaha melawan COVID-19 dan membangun semula ekonomi negara tanpa membahayakan kesihatan rakyat. Selain itu, kerajaan juga perlu mengorak langkah untuk meneroka teknologi baharu yang mungkin dapat mengurangkan jangkitan penyakit wabak ini sekali gus dapat memulihkan ekonomi negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, pada kala negara sedang berhadapan dengan pandemik COVID-19, kemelut ketidaktentuan politik masih lagi berlaku dengan isu-isu yang terbaru dari hari ke hari. Perkara ini turut menimbulkan pelbagai respons dan spekulasi dalam kalangan rakyat sekali gus memberi kesan kepada negara.

Sekiranya krisis politik masih berterusan, tidak mustahil masalah kesihatan awam akan menjadi lebih kritikal dengan kadar jangkitan kes wabak COVID-19 yang tinggi setiap hari sehingga kembali mencecah empat angka. Sepatutnya, kita perlu mengetepikan perbezaan politik dan bersatu padu dalam usaha membanteras pandemik COVID-19 seperti mana peringatan yang telah dizahirkan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Tuan Yang di-Pertua, perkara pertama yang saya ingin sebutkan berkaitan dengan alam sekitar. Alam sekitar merupakan persekitaran semula jadi sekeliling kita yang perlu dipelihara daripada sebarang pencemaran dan kerosakan. Dunia hari ini bukan sahaja berhadapan dengan ancaman pandemik COVID-19 tetapi juga fenomena klimaks krisis selain pencemaran alam sekitar akibat tangan-tangan manusia. Tidak dapat dinafikan bahawa, perkembangan sektor ekonomi negara juga bergantung pada aset semula jadi.

Namun begitu, keseimbangan dan kelestarian alam perlu dijadikan prioriti dalam memastikan kemaslahatan rakyat sentiasa terjamin. Saya menyokong penuh dana yang diperuntukkan oleh kerajaan bagi memantapkan agenda Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) yang merangkumi pembangunan mampan.

Peruntukan dana sebanyak RM20 juta untuk Dana Amanah Malaysia SDG dengan kerjasama strategik PBB di Malaysia merupakan satu usaha kerajaan ke arah mencapai 17 Matlamat Pembangunan Lestari menjelang 2030. Meskipun dunia masih berhadapan dengan pandemik tetapi inisiatif dalam Pembangunan Lestari ini perlu diteruskan dan diperkukuhkan dengan meningkatkan lagi hubungan di peringkat global demi menjamin kesejahteraan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh berhubung dengan program Food Bank Malaysia. Berapa peruntukan yang disalurkan dalam program ini yang telah memberi manfaat kepada seluruh lapisan masyarakat? Saya menyambut baik usaha kerajaan dalam meneruskan program *Food Bank* ini secara holistik bagi meringankan kos sara hidup rakyat yang meningkat sekali gus mengurangkan kadar pembaziran dalam kalangan rakyat negara kita.

Program ini memang amat diperlukan oleh rakyat terutama golongan B40 yang begitu sukar untuk mengenyangkan perut mereka apatah lagi untuk mendapatkan makanan yang berkhasiat ketika mana tempoh PKP, PKPP dan PKPB dilaksanakan ekoran wabak COVID-19.

Namun begitu, pandemik COVID-19 juga memberi sedikit sebanyak kesan dalam mendapatkan sumbangan dan komitmen daripada pengilang, syarikat korporat dan pasar raya yang turut terkesan dengan kemelesetan ekonomi yang berlaku. Oleh itu, saya ingin mengetahui bagaimana kerajaan menghadapi cabaran tersebut ketika pelaksanaan program *Food Bank* ini.

Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab masa tidak mengizinkan saya mohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: *Alhamdulillah.* Sekiranya pandangan saya tadi, Yang Berhormat dapat menilai semula, semua poin itu boleh masuk dalam tempoh yang diberi. Saya jemput Yang Berhormat Puan Ras Adiba.

11.28 pg.

Puan Ras Adiba binti Mohd Radzi: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,* salam hormat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas ruangan yang telah diberikan. Izinkan saya terus kepada perbahasan saya.

Benar, beberapa bantuan JKM dinaikkan kadarnya namun begitu, sekadar menaikkan kadar bantuan kewangan tidak menyelesaikan isu pokok. Kenaikan kadar bantuan masih

tidak memberi manfaat kepada sebahagian komuniti OKU yang tidak layak mendapat mana-mana bantuan tersebut.

Malah, kenaikan ini tidak semestinya mencerminkan kos hidup dalam kalangan OKU di Malaysia. Misalnya, elaun pekerja cacat (EPC) hanya layak dipohon mereka yang berpendapatan RM1,200 dan ke bawah. Bagaimana pula mereka yang berpendapatan lebih RM1,200? Akan tetapi, masih menanggung kos perubatan, sara hidup, pengangkutan serta teknologi bantuan yang tinggi. Bagaimanakah pula keadaan bagi OKU di bandar yang menanggung kos sara hidup begitu tinggi? Seperti sewa bilik atau rumah, harga makanan dan seumpamanya.

Had Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) Nasional yang baharu RM2,208 berbanding RM980 yang diguna pakai sejak 2005. Jadi, tiba masanya untuk kerajaan menaikkan syarat minimum gaji bagi EPC selaras dengan kenaikan PGK. Saya juga berharap agar kerajaan dapat menaikkan bantuan bulanan JKM buat warga OKU kepada RM1,000 di mana ia juga disebut oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sekitar bulan Ogos yang lalu.

Bantuan bulanan ini penting dengan mengambil kira keadaan ekonomi negara dan kos sara hidup yang tinggi. Kami komuniti OKU juga mempunyai hak sebagai rakyat Malaysia. Seharusnya diberi peluang sama rata untuk menjalani kehidupan seperti anggota masyarakat yang lain.

Sementara itu, saya berpendapat bahawa tanggapan terhadap sektor pekerja penjagaan atau *care worker* masih seperti ia kerja sukarela, kerja kebajikan. Salah tanggapan begitu kerana itu tidak hairanlah mereka yang berkhidmat dalam program Khidmat Bantu di Rumah (KBDR) masih disebut sebagai sukarelawan.

■1130

Ini di mana kadar honorarium mereka hanya dinaikkan sedikit iaitu daripada RM150 kepada maksimum RM400, bukan di transformasi selaras dengan gaji minimum.

Tuan Yang di-Pertua, sudah tiba masanya sektor pekerja penjagaan ataupun *care worker* diangkat sebagai sektor pekerjaan profesional dengan jaminan gaji minimum serta hak-hak perburuhan setara dengan pekerja dalam sektor-sektor lain. Saya juga berpandangan program KBDR boleh diintegrasikan dan diselaraskan sebagai sebahagian daripada jaringan perlindungan sosial yang lebih besar dengan menghubungkan program KBDR, Program Pusat Kehidupan Berdikari (ILC) serta Pusat-pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK).

Beralih kepada impak psikososial. Talian sokongan psikososial Kementerian Kesihatan telah menerima lebih 35 ribu panggilan telefon sejak bulan Mac hingga Oktober 2020 yang antaranya mengenai masalah tekanan perasaan, kegelisahan dan kemurungan. Kesihatan mental menjadi sesuatu yang sangat nyata dalam agenda. Tiada sesiapa yang

terlepas daripada impak dan ketidakpastian COVID-19 dan ini penting kerana kita pun sedar bahawa kita sedang melalui krisis ini. Saya menyokong penuh peruntukan yang dikhaskan untuk kesejahteraan psikologi ini. Saya juga berharap agar akan ada peruntukan disalurkan kepada NGO kerana banyak inisiatif kesihatan mental memerlukan sokongan signifikan secara berterusan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Belanjawan 2019, kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM50 juta untuk Penyakit Jarang Jumpa dan rawatan virus Hepatitis C tetapi dalam belanjawan kali ini, tidak ada peruntukan spesifik seperti sebelum ini. Saya ingin mendapatkan pendirian serta perancangan kerajaan khususnya Kementerian Kesihatan Malaysia berhubung Penyakit Jarang Jumpa ini.

Saya berharap agar pihak kerajaan menyediakan peruntukan dan memberikan insentif untuk penglibatan syarikat swasta dan badan-badan kebajikan untuk merawat Penyakit Jarang Jumpa terutamanya dalam kalangan golongan kurang berada dan untuk membantu keluarga yang mempunyai anak berkeperluan khas.

Contohnya di negara India, kerajaan mereka mewujudkan Dasar Khas Penyakit Jarang Jumpa yang dikenali sebagai *National Policy for Rare Disease* bagi memastikan semua pesakit penyakit ini mendapat rawatan secukupnya. Ia merangkumi kaunseling genetik, bantuan kewangan serta insurans kesihatan di bawah Skim *Ayushman Bharat-Pradhan Mantri*. Dengan itu saya mencadangkan agar ditingkatkan akses kepada rawatan dengan menubuhkan tabung amanah khas buat Penyakit Jarang Jumpa.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mempengerusikan Majlis Pekerjaan Negara yang fokusnya untuk mewujudkan peluang pekerjaan. Saya ingin mencadangkan agar ada wakil OKU dilantik dalam Majlis ini supaya dapat bersama-sama memantau keberkesanan segala inisiatif dalam memastikan OKU terus mendapat peluang pekerjaan. Dengan izinnya, *nothing about us without us*.

Menyentuh lagi mengenai peluang pekerjaan iaitu cadangan kerajaan untuk memulakan MySTEP ataupun *Short Term Employment Programme*, dengan izin, yang bakal menawarkan 50 ribu peluang pekerjaan secara kontrak dalam sektor awam dan GLC. Saya ingin bertanya, adakah terdapat kuota khas bagi OKU untuk turut mendapat manfaat daripada program ini? Apakah program ini boleh diperluaskan untuk menyerap lebih ramai OKU berkebolehan untuk berkhidmat di sektor awam atau bekerja di GLC dalam skop-skop pekerjaan yang lebih luas?

Tuan Yang di-Pertua, beralih kepada topik pendidikan. Kementerian Pengajian Tinggi turut mendapat peruntukan sebanyak RM14.4 bilion termasuk RM50 juta bagi projek membaik pulih infrastruktur dan peralatan usang di universiti-universiti awam. Persoalannya, adakah peruntukan berjumlah RM14.4 bilion itu meliputi perkara-perkara berikut.

Peruntukan bagi IPTA, menambah baik atau mengubahsuai persekitaran fizikal mengikut MS1184 serta konsep reka bentuk sejagat? Jika ya, jumlah peruntukan untuk setiap universiti awam, kolej komuniti dan politeknik?

Kedua, peruntukan bagi projek-projek kebolehcapaian laman sesawang ataupun *web accessibility*, dengan izinnya di setiap IPTA. Jika ya, jumlah peruntukan untuk setiap universiti awam, kolej komuniti dan politeknik?

Ketiga, peruntukan bagi penubuhan unit berkaitan hal ehwal OKU di setiap IPTA termasuk kos-kos logistik berkaitan. Jika ya, jumlah peruntukan untuk setiap universiti awam, kolej komuniti dan politeknik?

Seterusnya, peruntukan bagi bantuan kewangan OKU untuk siswa siswi kurang upaya di IPTA. Jika ya, berapakah jumlah pihak kerajaan bersedia untuk menggantikan skim bantuan tersebut dengan biasiswa penuh khusus untuk OKU di setiap peringkat pengajian?

Pandemik COVID-19 menyebabkan masyarakat global terpaksa berubah norma dan gaya hidup mereka sekali gus keluar daripada kebiasaan sedia ada. Bidang pendidikan tidak terkecuali apabila implikasi COVID-19 mengubah struktur sistem pembelajaran yang berpaksikan guru-murid secara langsung atau fizikal kepada kaedah pembelajaran secara dalam talian. Pembangunan infrastruktur dan penaiktarafan rangkaian asas telekomunikasi adalah perlu bagi menampung keperluan gaya hidup digital. Akan tetapi kita terlepas pandang akan OKU buta, pekak, mempunyai keperluan khas seperti autisme dan OKU pembelajaran yang mengalami masalah untuk mengikuti pembelajaran secara atas talian.

Soalan saya Tuan Yang di-Pertua, apakah usaha dan langkah yang telah diambil oleh kerajaan bagi mengatasi perkara ini? Kami dilupakan sewaktu COVID-19. Saya menyambut baik Tuan Yang di-Pertua, pengumuman peruntukan sebanyak RM45 juta bagi memperkasakan pendidikan khas. Sungguh pun setiap kali diumumkan oleh pihak kerajaan, tetapi sehingga kini tidak nampak signifikan peruntukan ini digunakan. Saya mohon pihak Kementerian Pendidikan menyatakan, apakah rancangan dan cadangan program secara spesifik yang bakal dijalankan dengan menggunakan peruntukan ini?

Dalam Belanjawan 2021 turut diumumkan peruntukan sebanyak RM800 juta bagi kerja-kerja penyelenggaraan dan pembaikan sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan. Saya percaya, peruntukan ini adalah untuk menambah baik infrastruktur serta prasarana yang sedia ada. Jadi, adakah peruntukan ini akan digunakan untuk menambah baik prasarana di sekolah-sekolah supaya lebih mesra OKU dengan mematuhi MS1184? Saya bertanya kerana masih banyak sekolah yang tidak mempunyai kemudahan yang kondusif dan inklusif bagi murid-murid berkeperluan khas.

Masih berkaitan prasarana dalam cadangan Belanjawan 2021, pihak kerajaan berhasrat menyalurkan sejumlah RM50 juta bagi projek-projek pembaikan penyelenggaraan

dan pembangunan kecil rumah-rumah ibadat di kawasan pihak berkuasa tempatan (PBT). Namun demikian, adakah peruntukan untuk PBT di seluruh negara buat kerja-kerja penambahbaikan, pengubahsuaian persekitaran fizikal supaya mematuhi seksyen 34A UBBL di kawasan mereka. Terutamanya penambahbaikan kebanyakan perhentian bas serta tandas-tandas awam yang tidak mesra OKU? Penting untuk diingat bahawa kami juga seperti yang lain ingin menggunakan kemudahan awam tetapi malangnya ia tidak mesra OKU.

Saya ingin menekankan agar PBT dan KPKT memainkan peranan yang penting dalam memastikan kemudahan awam yang disediakan khusus buat OKU tidak disalahgunakan oleh orang bukan OKU. Penguatkuasaan yang serius seperti denda maksimum sehingga RM500 dan saman jika menyalahgunakan parkir khas OKU amat perlu. Denda dan penalti seperti ini sudah lama dilaksanakan di negara luar seperti Australia dan Ireland. Sudah tiba masanya mereka yang menyalahgunakan kemudahan OKU ini didenda, disamakan dan diheret mereka yang tidak bertanggungjawab ini ke mahkamah. Seperti yang sering saya katakan sebelum ini kepada umum, sabar, jangan terlalu ingin untuk jadi OKU.

Banyak lagi sebenarnya Tuan Yang di-Pertua yang ingin saya katakan. Antaranya, untuk kita memastikan negara kita adalah mesra OKU, bukan sahaja daripada segi *accessibility* tetapi juga daripada segi pemikiran- mengah saya Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Laju juga bunyinya ya.

Puan Ras Adiba binti Mohd Radzi: Ya, nasib baik saya ini dahulu pengulas sukan [Ketawa] Jadi, terima kasih saya ucapkan. Saya ingin...

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Puan Ras Adiba binti Mohd Radzi: ...Menyampaikan pantun sedikit- boleh Tuan Yang di-Pertua?

*Dagang gaharu ke rumah Laksamana;
Bungkusan kain dedaun lemuni;
Inklusif kebaikan OKU dilaksana;
PRIHATIN Malaysia rakyat harmoni.*

Saya mohon menyokong RUU Perbekalan ini. *Assalamualaikum*. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Akan tetapi lain kali kalau rangkap itu dibaca perlahan sedikit, agaknya lebih sasar. Ada lagi pada masa yang lain. Terima kasih Yang Berhormat Senator. Dijemput Yang Berhormat Senator Tuan Liew Chin Tong.

11.38 pg.

Tuan Liew Chin Tong: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertama sekali saya ingin mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua bagi isu kesesakan

penjara yang baru-baru ini diambil dan diangkat oleh Tuan Yang di-Pertua. Ini kerana saya dan rakan-rakan terlibat bersama-sama dengan Tuan Yang di-Pertua, saya rasa Tuan Yang di-Pertua telah memberikan suntikan nafas baharu untuk peranan Dewan Negara dan juga saya harap ini permulaan yang baik yang mana Dewan Negara boleh memainkan peranan yang penting dalam membantu kerajaan, membantu bidang Eksekutif untuk menjalankan tugas-tugas mereka terutamanya dalam keadaan COVID-19 dan selepasnya. COVID-19 telah mengubah keadaan, bukan sahaja di negara kita tetapi juga di seluruh dunia.

■1140

Banyak isu yang kita abaikan dahulu seperti kesesakan dalam penjara memerlukan idea baru kerana di kalangan pesakit positif COVID-19, 10 peratus daripadanya dari penjara. Di antara banduan dan juga pegawai, 10 peratus banduan telah mengalami kes positif COVID-19. So, ini sebenarnya satu masalah yang memerlukan perhatian kita.

Menurut Tuan Yang di-Pertua, sebuah jawatankuasa Dewan Negara bersama dengan Dewan Rakyat akan ditubuhkan. Kita menunggu Menteri di Jabatan Perdana Menteri untuk membentangkan usul di Dewan Rakyat dan juga di Dewan Negara supaya mewujudkan sebuah jawatankuasa bersama Dewan Negara, Dewan Rakyat untuk kesejahteraan rakyat.

Saya rasa ini satu perkembangan yang baik. Dalam keadaan politik yang ada masanya mengelirukan tetapi apa yang penting semangat *bipartisanship*, semangat dwipartisan dan semangat menyelesaikan masalah bersama harus digalakkan.

Saya berharap Dewan Negara di bawah pimpinan Tuan Yang di-Pertua boleh menjadikan pengasas ataupun promoter untuk mempromosikan idea bahawa ahli-ahli politik dan juga pemimpin negara ini memerlukan satu budaya baru supaya kita boleh bekerjasama atas isu. Kita memang ada perbezaan parti, kita ada perbezaan mungkin ideologi, mungkin idea tetapi apa yang paling penting ialah isu-isu yang kita hadapi terutamanya isu COVID-19 isu bersama dan rakyat memerlukan kerjasama di antara kita tanpa mengira parti untuk menyelesaikan masalah ataupun membawa idea baru dalam keadaan pasca COVID-19.

Saya juga ingin menyentuh isu berkenaan *littoral combat ship* (LCS). *Littoral combat ship* satu isu yang saya bawa pada bulan September dan sekarang ini apa yang saya difahamkan ialah satu, bahawa PAC sedang membuat siasatan dan juga Kementerian Pertahanan telah melaporkan kepada SPRM. Difahamkan bahawa SPRM telah menjalankan siasatan tetapi apakah hasilnya itu saya mohon kepada Kementerian Pertahanan untuk memberikan penjelasan dan juga memaklumkan Dewan ini supaya Dewan ini dimaklumkan apakah status siasatan yang telah dijalankan oleh SPRM dan juga oleh Kementerian Pertahanan berkenaan dengan isu LCS.

Isu LCS ini seperti yang saya katakan juga pada bulan September, ia melibatkan sekurang-kurangnya RM1 bilion yang telah hilang dan tidak dapat dikesan. Saya difahamkan

bahawa satu forensik audit telah dijalankan oleh Boustead. Forensik audit yang dijalankan oleh Boustead ini, saya difahamkan merangkumi satu tempoh yang berakhir pada 2014. Saya tidak pasti so, saya memohon kepada Kementerian Pertahanan supaya memberikan penjelasan dan maklumkan Dewan ini adakah betul bahawa forensik audit yang dijalankan hanya sampai tempoh 2014 dan tidak sampai sekurang-kurangnya 2019. Saya mencadangkan forensik audit ini harus sampai ke tahun 2019, kalau tidak sampai setakat ini. So, ini permohonan saya kepada rakan-rakan di Kementerian Pertahanan.

Saya juga ingin membawa kepada rakan-rakan di sini dan juga Tuan Yang di-Pertua, bahawa pada 2 Disember 2019, mantan Menteri Pertahanan, Yang Berhormat Tuan Mohamad bin Sabu telah membentangkan satu *Defense White Paper*, atau Kertas Putih Pertahanan. Kertas Putih Pertahanan itu diterima oleh dua buah parti, *bipartisan acceptance*, diterima oleh pembangkang pada masa itu, dan Ketua Pembangkang pada masa itu ialah Menteri Pertahanan sekarang, dan Menteri Pertahanan sekarang telah berjanji bahawa Kertas Putih Pertahanan akan diteruskan dan akan menjadi rangka untuk Kementerian Pertahanan dan juga negara kita.

Saya ingin mencadangkan di sini di bawah Kertas Putih Pertahanan tiga buah pelan harus dirancang dan diuruskan. Satu ialah Pelan Pelaburan Pertahanan Negara, kedua ialah Dasar Industri Pertahanan Negara dan ketiga ialah Rangka Tindakan Kapasiti Pertahanan. Mungkin umum tidak semestinya faham bahawa *procurement* atau pembelian aset-aset pertahanan tidak semestinya boleh dilaksanakan dalam tempoh lima tahun di bawah rangka Rancangan Malaysia. Amnya, biasanya satu pembelian mungkin memerlukan satu pemikiran ataupun rangka fikiran sepanjang 20 tahun. Satu buah aset yang dibeli memerlukan *maintenance*, MRO, *human capital*, pegawai-pegawai dan juga pekerja sivil dan pekerja tentera untuk jangka panjang sekurang-kurangnya 20 tahun.

So, ini memerlukan pelan yang lebih panjang daripada segi perseptif sekurang-kurangnya 10 tahun dan mungkin lebih. Ini ketiga-tiga pelan yang dicadangkan oleh Kertas Putih Pertahanan. Pada Hari Ulang Tahun Ke-87 Angkatan Tentera Malaysia, Panglima Angkatan Tentera, Jeneral Tan Sri Dato' Sri Haji Affendi bin Buang TUDM telah menjelaskan dalam ucapannya tentang penelitian semula pelan-pelan pembangunan keupayaan pertahanan, Strategi Ketahanan Negara (SKN) akan disemak semula agar ia selaras dengan suasana strategik semasa yang telah dijelaskan dalam Kertas Putih Pertahanan.

Berdasarkan SKN yang baru ini, pelan pembangunan keupayaan bersepadu atau *joint capability development plan* akan dihasilkan juga. So, saya cadangkan kepada Kementerian Pertahanan supaya menggariskan ketiga-tiga pelan ini dan yang penting ialah kita perlukan *joiners* ketiga-tiga cabang ATM. ATM tidak boleh beroperasi secara berasingan. Apa yang kita hadapi di suasana strategik sekarang ini tidak lagi seperti dahulu. Dahulu mungkin kita

boleh fokuskan *army* ataupun tentera darat tetapi sekarang ini kita memerlukan *joiners* operasi yang bersama dan juga *strategic picture* bersama supaya kita boleh menghadapi cabaran-cabaran yang akan datang termasuk dari Laut China Selatan. Laut China Selatan- satu buah medan di mana kita memerlukan lebih perhatian daripada Ahli-ahli Parlimen dan juga dari kerajaan supaya kita boleh mengatasi apa sahaja cabaran yang mungkin kita hadapi pada masa akan datang. Sekian terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada semua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Yang Berhormat Senator Dr. Yaakob bin Sapari.

11.49 pg.

Dr. Yaakob bin Sapari: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas kesempatan kepada saya. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Kalau kita lihat belanjawan kali ini merupakan belanjawan yang sangat penting kerana ia merupakan belanjawan COVID-19 untuk memerangi pandemik ini. Inilah belanjawan terbesar dan merupakan belanjawan hutang terbesar juga kepada negara menjadikan hutang negara terus meningkat kepada RM1.25 trilion.

■1150

Pertamanya, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pasukan barisan hadapan terutamanya Kementerian Kesihatan yang telah mengawal pandemik COVID-19 ini. Kalau kita lihat sehingga 14 Disember yang lalu, jumlah kes ialah 84,846. Kes kesembuhan kalau kita lihat sekitar 83 peratus dan jumlah yang meninggal ialah 419 kes yang sekitar 0.49 peratus. Sementara, kes yang masih aktif ialah 13,830 iaitu sekitar 16.3 peratus.

Kalau kita melihat jumlah kematian, sebahagian besar mereka- mempunyai sejarah lampau iaitu mereka yang ada penyakit kencing manis, darah tinggi, penyakit jantung, kanser dan sebagainya. Apa yang saya nyatakan di sini ialah, kejayaan kita sekitar 99.5 peratus kejayaan untuk memulihkan ini, menunjukkan bahawa pada saya, COVID-19 ini tidak *acute*. Oleh sebab, yang meninggal hanya seramai 0.49 peratus dan mereka yang mempunyai sejarah lampau yang kronik.

Apa yang saya hendak nyatakan di sini ialah pendekatan kerajaan sepatutnya lebih positif. Kalau kita lihat ketika ini, nampak rakyat ketakutan dengan COVID-19 ini. Akan tetapi, sebenarnya hanya 0.49 peratus sahaja yang meninggal dan mereka adalah yang *acute*. Jadi, saya cadangkan supaya kita lebih positif melihat bahawa pandemik ini boleh kita atasi dengan *immune* yang ada dalam diri kita sendiri.

Satu lagi ialah, saya melihat pendekatan PKPB dan PKPD ini kalau boleh tidak boleh terlalu menyeluruh. Sepanjang tempoh yang lepas, Pahang antara negeri yang kurang untuk pandemik ini tetapi keseluruhan sekolah di Pahang ditutup. Kalau boleh, kita lebih fokus pada kawasan-kawasan yang terkena. Contohnya, kalau terkena itu Klang, kenapakah hendak

tutup sampai Sabak Bernam dan sampai Hulu Selangor? Ini memberikan kesan besar kepada ekonomi negara.

Jadi, kalau boleh, untuk masa hadapan Kementerian Kesihatan dan juga MKN untuk menyemak semula polisi-polisi yang ada. Baru-baru ini saya melihat- saya bersama-sama *Conference* IPU. Sekarang *conference* tidak payah pergi *oversea*, *conference* hanya di rumah, 79 buah negara terlibat dalam *conference* secara maya. Saya tertarik dengan pendekatan Thailand. Thailand telah mengaktifkan yang dipanggil *health volunteers*. Sejak tahun 1980, sukarelawan kesihatan Thailand yang jumlahnya mencapai satu juta orang. Kalau kita lihat di Malaysia, operasi pencegahan COVID-19 ini dilakukan oleh polis dan tentera. Pemulihan dibuat oleh Kementerian Kesihatan.

Akan tetapi, di Thailand operasi ini dijalankan oleh *volunteers* yang ada. Setakat, kalau kita lihat dalam *Google*, pada 14 Disember yang lalu, jumlah pesakit COVID-19 di Thailand ialah sebanyak 4,246 kes dan jumlah meninggal hanya 60 kes, antara yang terbaik. Thailand mendapat *World Award* untuk pencegahan ini dan kosnya lebih rendah berbanding kita di Malaysia, barisan hadapan dikerah seluruh negara, polis dan tentera untuk menjalankan operasi.

Akan tetapi, di Thailand, menggunakan *health volunteers* yang sedia ada. Saya perhatikan di negara kita ada pasukan *Communication for Behavioural Impact* (COMBI) untuk menangani denggi. Saya cadangkan supaya COMBI ini diaktifkan di seluruh negara, menjadi satu pasukan barisan hadapan untuk memberikan kesedaran kesihatan. Apa yang lebih penting ialah kesedaran kesihatan. Kalau boleh elakkan rakyat pergi hospital. Ini kerana kalau sudah sampai hospital, kosnya sangat tinggi. Akan tetapi, ramai rakyat pergi hospital setelah sakit. Ini menjadikan ia sudah kritikal dan kosnya sangat tinggi. Oleh sebab itu, COMBI ini kena diaktifkan. Kena ada peruntukan khas, macam juga KRT untuk mengawal perpaduan dan sebagainya.

Oleh sebab itu pendekatan ini nampak lebih baik. Saya cadangkan supaya diaktifkan *volunteers* seperti di Thailand. Kalau kita lihat *world practice*, Vietnam di antara yang terbaik. Vietnam ya. Kementerian Kesihatan sepatutnya melihat perbandingan *best practice* dengan negara-negara jiran seperti Vietnam, jumlah kes ialah sebanyak 740 keseluruhan dan kes sembuhnya sebanyak 606. Taiwan juga antara yang terbaik dia menggunakan *Internet of Things* (IoT) untuk mengawal pergerakan rakyatnya. Ini kerana, hari ini hampir keseluruhan rakyat ada *handphone*. Seandainya *handphone*-nya mati, polis pergi rumah dia.

Kalau dia keluar rumah, polis tahu dia pergi mana. Berbanding kita, menggunakan gelang tangan. Jadi, kalau boleh kita lihat macam mana negara lain buat *best practice* dalam mengawal COVID-19 ini. Seterusnya, kita lihat di Amerika, boleh mengadakan pilihan raya

Presiden dan minggu lepas Indonesia pilihan raya Gabenor. Akan tetapi, di Malaysia, kita buat peraturan baharu, kita buat darurat supaya tidak ada pilihan raya.

Jadi, macam mana kita nak bersaing dengan dunia dalam kita mengawal aktiviti COVID-19 ini? Ini pandangan pertama saya. Seterusnya, saya memang suka untuk bahaskan bidang saya iaitu bidang pertanian dan juga ekonomi. Saya hendak menyentuh soal FELCRA dalam membangunkan tanah-tanah terbiar. Kalau kita berjalan daripada Selatan ke Utara, Timur dan Barat, banyak tanah terbiar yang ada di negara ini.

Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Persekutuan (FELCRA) ini diberikan peranan untuk memulihkan tanah-tanah terbiar. Dalam bajet kali ini, peruntukan sebanyak RM85,636,000 secara langsung diberikan kepada FELCRA dan FELCRA kena buat pinjaman sebanyak RM396,500,000. Ini satu jumlah yang besar diberikan kepada FELCRA pada tahun hadapan dalam bajet untuk membangun tanah-tanah terbiar.

Saya lihat banyak program FELCRA yang telah berjalan sekitar 25 ke-30 tahun yang lepas. Tanaman getahnya, tanaman sawitnya sudah perlu di *re-planting*. Akan tetapi, saya cadangkan ada tanaman-tanaman yang lebih ekonomi berbanding getah. Saya pergi ke Raub di Dong, ratusan ribu tanah getah sudah terbiar. Saya pergi ke Slim River, tanah-tanah FELCRA juga sudah terbiar. Saya pergi ke Ulu Selangor, yang sudah sampai masanya, FELCRA untuk buat *re-planting*, sama ada getah mahupun sawitnya.

Malangnya, pemilik tanah tersebut tidak mampu untuk membangunkan tanah tersebut. Oleh sebab itulah peruntukan yang begini besar diberikan kepada FELCRA untuk membangunkan tanah-tanah terbiar. Saya cadangkan, supaya FELCRA- tukar sebahagian *crop* yang ada. Ini kerana getah tidak ekonomi mungkin boleh tanam dengan Musang King. Hari ini antara *yield per hectare* yang tinggi, daripada tanaman Durian Musang King. Ini kerana getah ini sukar untuk kita mengusahakannya sebab kena menghadap getah tiap-tiap hari. Jadi, tukar *crops* yang lain.

Seterusnya ialah saya hendak menyebut soal- saya ucap terima kasih banyaklah kepada Kementerian Pertanian yang telah melantik NAFAS sebagai pembekal tunggal benih padi sah. Ini antara usaha kami, ketika saya dalam *Board* NAFAS, mencadangkan supaya melantik NAFAS sebagai pembekal tunggal benih padi sah. Ini kerana sebelum ini ada pembekal-pembekal cara berasingan dan petani terpaksa terus pergi kepada pembekal.

Kali ini NAFAS diberikan peranan untuk mengagihkan. Mudah-mudahan peranan Pertubuhan Peladang Kebangsaan (PPK) akan lebih berkesan dalam membantu petani, memastikan benih padi sah sampai kepada mereka dalam masa yang ditetapkan.

Namun, saya melihat ialah Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) ini merupakan agensi yang menjadi pengawal kepada NAFAS dan juga PPK ini supaya- saya tanya, adakah

ROI diberi? Setiap perbelanjaan kerajaan ini, adakah satu jangka- ia punya *return of investment* diberikan kepada mereka supaya setiap perbelanjaan itu diberi?

Saya ingin tahu daripada LPP, prestasi PPK-PPK seluruh negara. Berapa banyak PPK yang mendapat keuntungan lebih RM1 juta, berapa banyakkah PPK yang mendapat keuntungan di bawah RM1 juta hingga RM500 ribu? Berapa banyakkah PPK yang mendapat keuntungan antara RM500 ribu kah, RM100 ribu? Berapa banyakkah PPK yang mendapat keuntungan di bawah RM100 ribu?

Saya rasa Tuan Yang di-Pertua, banyak lagi poin hendak diberi, tetapi setakat itu masa saya. Terima kasih banyak Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Boleh simpulkan, mungkin satu dua ayat kah?

Dr. Yaakob bin Sapari: Satu lagi, saya nak lihat kalau boleh Kementerian Pertanian melihat pembangunan di jelapang padi, Kota Belud iaitu kalau boleh Kementerian Pertanian ini memberikan fokus kepada industri-industri pertanian yang ada supaya dapat meningkatkan peningkatan pertanian di negara ini. Ketika ini kita bergantung kepada import dalam menghasilkan barang-barang pertanian. Tuan Yang di-Pertua, itulah pandangan saya. Terima kasih.

■1200

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Dijemput Tuan Ahmad bin Yahaya.

12.00 tgh.

Tuan Ahmad bin Yahaya: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua, kelulusan Bajet 2021 membuktikan keabsahan kerajaan sekali gus memberi sinar baharu kepada rakyat untuk bingkas bangun bagi menghadapi pelbagai cabaran ekonomi pasca COVID-19.

Namun, bajet bukan sekadar angka, bukan sekadar beberapa peruntukan yang diberi tetapi yang lebih utama ialah sistem penyampaian kepada sasaran mesti diberi perhatian. Justeru, ketirisan salah urus rasuah mesti dibanteras habis-habisan. Biarlah setiap peruntukan sampai kepada sasaran dan mencapai tujuan.

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Tuan Yang di-Pertua, isu sumber air masih berlarutan antara Kedah dan Pulau Pinang. Ia berpunca daripada gangguan Kerajaan Pulau Pinang terhadap usaha Kerajaan Negeri Kedah untuk meneroka galian nadir bumi sebagai sumber baharu negeri. Kononnya tindakan Kedah akan mengorbankan kawasan tadahan yang membekalkan sumber air termasuk ke

Pulau Pinang. Justeru Kedah, membangkitkan soal tanggungjawab bersama untuk menjaga sumber bekalan air tersebut.

Semua mengakui bahawa sumber air yang mengalir dalam Sungai Muda bermula di hulunya iaitu di dalam kawasan Hutan Simpan Ulu Muda negeri Kedah Darul Aman. Ini bermaksud sumber air tersebut berpunca dari kawasan tadahan yang melibatkan sebahagian besar tanah dalam wilayah negeri Kedah sebelum mengalir menerusi Sungai Muda merentasi Kedah melewati negeri Pulau Pinang sebelum memasuki Selat Melaka. Sebanyak 163 ribu hektar tadahan itu memerlukan pemuliharaan tidak diusahakan dengan aktiviti ekonomi yang mengubah rupa bumi dan fungsinya.

Untuk pengetahuan Ahli sidang, kerajaan ataupun Pulau Pinang mengekstrak sebanyak 80 peratus sumber air mereka dari Sungai Muda iaitu sebanyak 1,100,000 liter setiap hari di Kedah. Lembaga Sumber Air Negeri Kedah (LSANK) mengenakan caj kepada pihak Syarikat Air Darul Aman (SADA) bagi setiap meter padu yang di ekstrak bagi tujuan membekalkan bekalan air terawat kepada seluruh rakyat Kedah. Kenaan caj yang sama patut dikenakan kepada pihak Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang yang mengekstrak setiap meter padu.

Perjanjian tahun 1985 perlu disemak semula memandangkan keperluan bekalan air semakin meningkat di samping keperluan kepada pembangunan dan pengekalan kelestarian alam semula jadi bagi tujuan mengekalkan sumber air terus meningkat. Bagi tujuan pengekalan dan kelestarian alam semula jadi, ia memerlukan kos pemeliharaan dan pemuliharaan yang tinggi untuk memastikan sumber asli tersebut benar-benar terjamin.

Dengan demikian, Pulau Pinang patut membayar caj pengestrakan air daripada sumber air mentah negeri Kedah agar manfaatnya dapat dikongsi secara bersama bagi rakyat kedua-dua negeri. Adalah tidak wajar Kedah perlu korbankan tanah hutan yang luas dan menanggung kos penyelenggaraan sumber dan aliran sementara Pulau Pinang pula menikmati faedah dan keuntungan secara percuma. Oleh itu, Kerajaan Persekutuan terutamanya KASA diharap dapat campur tangan dalam isu ini sekurang-kurangnya menjadi pemudah cara untuk menjayakan rundingan antara kedua-dua negeri dan agensi terbabit. Harus diingatkan jangan sampai orang Kedah marah, sungai pun *depa* boleh ubah.

*Burung Tempua terbang rendah;
Hinggap sebentar di tanah rata;
Jangan main orang Kedah;
Lawaknya kasar tetapi mesra.*

Tuan Yang di-Pertua, perkara ketiga yang saya ingin bangkitkan ialah sekali lagi masalah benih padi yang sering berulang hampir setiap musim penanaman padi. Saya

ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Pertanian atas jawapan soalan lisan saya semalam di Dewan yang mulia ini. Saya menyokong pelantikan NAFAS sebagai pengedar tunggal benih padi atas faktor *practicality*, dan *database* yang telah ada pada NAFAS.

Penetapan harga siling benih padi juga amat baik untuk mengelakkan eksploitasi harga secara total sebagaimana kerajaan mengawal harga barangan keperluan asas yang disubsidikan seperti tepung dan gula. Cuma soalan saya, bilakah harga siling tersebut akan diperkenalkan? Apakah pula bentuk tindakan yang akan diambil terhadap mana-mana pihak yang melanggar penetapan harga siling tersebut?

Saya ingin mencadangkan agar penyelesaian jangka panjang. Pertama, dengan membuka pasaran bekalan benih padi. Kedua, dengan menghapuskan sistem kuota yang diamalkan selama ini dan yang ketiga, dengan pemberian subsidi melalui kupon supaya petani mempunyai lebih banyak pilihan.

Tuan Yang di-Pertua, saya pohon agar kerajaan memberi perhatian yang baik kepada pusat-pusat pengajian khususnya pusat-pusat pengajian janaan rakyat. Saya melihat bagaimana peruntukan yang diberikan oleh kerajaan kepada JAKIM pada Bajet 2021 memperuntukkan sebanyak RM1.4 bilion dalam usaha memartabatkan syiar Islam iaitu meningkat sebanyak RM100 juta berbanding peruntukan yang diberikan pada tahun 2020.

Saya mengharapkan agar dengan peruntukan sebanyak ini yang sudah tentu pelbagai aktiviti yang dicadangkan sebahagiannya diharapkan peruntukan itu diberikan kepada sekolah-sekolah janaan rakyat iaitu pusat-pusat pendidikan yang dibangunkan oleh rakyat atas keprihatinan mereka untuk membangunkan Islam dalam Malaysia.

Saya mencadangkan agar sekolah-sekolah janaan rakyat diberikan peruntukan khas khususnya di dalam menghadapi COVID-19 di mana banyak sekolah yang tidak dapat beroperasi, sekolah janaan rakyat bergantung penuh kepada yuran. Justeru apabila sekolah-sekolah tersebut tidak dapat beroperasi kerana halangan PKP dan sebagainya menyebabkan kutipan yuran juga tidak dapat dilaksanakan.

Justeru, saya mengharapkan kepada kerajaan agar memberi perhatian khusus kepada sekolah-sekolah seumpama ini. Terlalu banyak kewujudan sekolah-sekolah ini di serata negeri khususnya di negeri Kedah. Kami ada banyak pondok, kami ada banyak sekolah agama janaan rakyat yang semuanya itu mengharapkan bantuan daripada orang ramai. Semoga keprihatinan kerajaan khususnya dengan peruntukan yang banyak iaitu sebanyak RM1.4 bilion ada bahagian yang diberikan kepada sekolah-sekolah tersebut. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, pohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Ahmad bin Yahaya. Dijemput Yang Berhormat Dato' Wira Othman bin Aziz.

■1210

Dato' Wira Othman bin Aziz: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh...* [Berselawat] Tuan Yang di-Pertua, kalau kita tengok perspektif ekonomi global, sudah tentulah semua orang sedar, ia agak hambar dan malap.

Krisis sekarang dijangka jauh lebih buruk daripada krisis kewangan global pada tahun 2008. Malah dengan adanya COVID-19 yang menyerang seluruh dunia, situasi ini dianggap akan menyebabkan kemelesetan terburuk sejak *The Great Economic Depression* pada tahun 1930. Malah, *International Monetary Fund* (IMF) mengunjurkan pertumbuhan ekonomi dunia agak sederhana 3.5 percent dalam jangka sederhana ini. *Asian Development Bank* pula mengunjurkan untuk Malaysia KDNK berkembang sekitar 6.5 peratus, manakala Bank Negara sendiri mengunjurkan sekitar antara 5.5 peratus sehingga lapan peratus. Laporan tinjauan ekonomi mengunjurkan pertumbuhan sekitar 6.5 peratus hingga 7.5 peratus iaitu naik sedikit daripada penguncupan 4.5 peratus pada tahun ini.

Keadaan pemulihan dijangkakan lebih positif dengan sokongan pakej rangsangan fiskal dan *monetary* yang telah dibuat oleh kerajaan. Cumanya soalan kita ialah, sejauh manakah kemampuan kewangan kerajaan ini dapat bertahan dan apakah mekanisme strategik bagi mengelak krisis kewangan dan ekonomi yang lebih teruk melanda kita?

Oleh sebab kita perlu sedar bahawa, negara bergantung kepada pendapatan minyak ataupun petroleum yang harganya telah pun turun mendadak. Manakala, seperti yang semua sedia maklum, penghapusan cukai GST telah merugikan pendapatan kerajaan sekitar RM50 bilion. Kita juga kena sedar bahawa sesungguhnya apabila diperkenalkan GST dahulu oleh Kerajaan Barisan Nasional, kebergantungan negara kepada minyak hanya kepada tahap 14 peratus. Akan tetapi kini, kita terpaksa bergantung balik dengan pendapatan minyak, tetapi minyak pula menjadi masalah kerana harganya yang agak rendah.

Kita kena sedar, kita bimbang dan takut sekiranya negara terpaksa meminjam sehingga untuk menutup atau *cover* OE atau Belanja Mengurus. Sudah tentulah ia akan membawa kesan yang buruk untuk jangka panjang.

Selain daripada itu, kita juga tidak dapat menafikan ia diburukkan lagi dengan suasana keadaan politik negara yang tidak stabil. Tidak stabil ini bukan kerana apa? Ini kerana perbuatan kita juga sendiri yang mana pada bulan Februari Perdana Menteri yang dahulu telah meletakkan jawatan. Kemudian Yang Amat Berhormat Pagoh telah naik pada bulan Mac. Akan tetapi selepas Pilihanraya Sabah, ada pula orang mengatakan dia ada majoriti dalam Dewan dan sebagainya, ada senarai nama. Ini semua telah menyebabkan pasaran saham di negara kita naik turun dengan mendadak. Jikalau dibandingkan dahulu zaman BN pada bulan Mei 2018, mata KLCI lebih kurang 1,840 tetapi telah turun hampir-hampir 350-mata.

Ini menunjukkan bahawa keadaan kestabilan politik itu amat penting. Ini juga terbuktilah dua hingga tiga hari lepas apabila bajet ini telah diluluskan di peringkat Dewan Rakyat hanya melalui seramai 111 orang menyokong, dan seramai 108 orang tidak menyokong.

Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab masa yang tidak mengizinkan, kita buat cara di Peringkat Dasar dan Jawatankuasa sekali.

Saya hendak rujuk sekali terus kepada Kementerian Pertanian dan Industri Makanan yang mana Butiran 00800 iaitu untuk Pembangunan MADA. Pada tahun 2019, MADA diberikan peruntukan pembangunan sebanyak RM13 juta tetapi pada tahun ini senarai tersebut telah pun dimansuhkan. Kalau kita tengok di muka surat 516, Buku Belanjawan ini ia telah dimasukkan sebagai senarai projek pembangunan ataupun butiran yang dimansuhkan. Soalannya, adakah tidak ada lagi projek pembangunan baru CAPEX di MADA?

Begitu juga di bawah Butiran 12800 – Pemodenan Sistem Pengairan Padi yang mendapat peruntukan sebanyak RM115.2 juta. Soalannya, adakah ini termasuk juga untuk meneruskan sistem perparitan tersier di kawasan MADA dan jika ya, berapakah blok sistem pengairan ini yang akan ditawarkan dan dilaksanakan untuk tahun 2021 dan berapakah peruntukan?

Selanjutnya, dalam senarai yang sama juga, muka surat 516, bagi FELDA di bawah Jabatan Perdana Menteri, Butiran 16200 – Projek Jalan FELDA. Projek Jalan FELDA ini belanja sebenar sehingga tahun 2019 adalah sebanyak RM100 juta dan peruntukan untuk tahun 2020 adalah sebanyak RM70 juta. Namun, bagi tahun 2021, tajuk ini telah dikeluarkan dan dimansuhkan daripada anggaran pembangunan. Soalannya, adakah selepas ini projek Jalan FELDA ini dimasukkan di Butiran 16500 – Kelestarian FELDA ataupun diletakkan di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar atau bagaimana? Mohon penjelasan.

Selanjutnya, di bawah Kementerian Kerja Raya, Butiran 60000 – Naik Taraf Jalan Raya dan Laluan, serta Butiran 61000 – Naik Taraf Jalan-jalan. Banyak peruntukan yang diberikan, cuma soalan saya. Adakah ini juga termasuk bagi projek menaik taraf Jalan Putera, Alor Setar-Mergong ke sempadan Kedah-Perlis iaitu menaik taraf menjadikan empat buah lorong? Apakah status projek ini? Mohon pencerahan daripada kementerian, tahap kemajuan dan *progress* projek sehingga kini? Bilakah kerja-kerja fizikal akan bermula?

Satu lagi untuk penjelasan daripada Kementerian Kerja Raya. Ini kekeliruan dan masalah yang kita hadapi terutama di Kedah, malahan di Jalan Duta ini pun, iaitu pengenalan penggunaan sistem tol *MyRFID* berbanding dengan *Touch N Go* dan *SMART Tag*. Di sesetengah tempat ada *MyRFID* tetapi tidak ada *SMART Tag*, tetapi ada juga hendak masuk tol Jalan Duta, tiada *RFID*, ada pakai *SMART Tag*. Jadi, soalnya ialah, siapakah yang

mengawal sistem pembayaran tol? Sama ada Rangkaian Segar ataupun pengoperasi lebuh raya seperti PLUS dan sebagainya.

Oleh sebab ini memberikan masalah kepada pengguna. Ini kerana pengguna SMART Tag terpaksa membeli gajetnya yang bernilai RM120 kemudian ditambah nilai daripada masa ke masa. Begitu jugalah kalau hendak masukkan RFID ini kena *invest* sedikit RM20 hingga RM30. Kemudian ada *eWallet* dan sebagainya. Jadi, kalau hendak buat, buatlah kesemuanya, satu sistem ataupun kalau hendak buat *dual system* dan sebagainya, agar perbelanjaan yang dibuat oleh pengguna itu tidak akan merugikan untuk kesemua.

Tuan Yang di-Pertua, Kedah juga ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada Kerajaan Pusat yang memberikan peruntukan khusus bagi pembangunan naik taraf jalan antara Gerik ke Kulim. Begitu juga pembangunan kawasan khas di bawah NCER di Baling dan juga Yan dan begitulah juga termasuk dalam insentif RM1 bilion galakan- RM1 bilion bukan untuk Kedah sahaja, tetapi di bawah *heading* insentif galakan pelaburan yang akan diberikan juga ruang pada *Kulim Hi-Tech Park*.

Selain daripada itu, oleh sebab ada sedikit masa lagi, saya juga ingin menyentuh seperti mana sahabat saya tadi Yang Berhormat Tuan Haji Ahmad Yahaya berkaitan dengan industri padi. Kita mengharapkan kerajaan melalui bajet yang dibentangkan pada kali ini, kita lihat peruntukan bagi pembangunan industri padi ini di sesetengah tempat ada berkurangan. Contohnya, subsidi harga padi yang berkurangan sebanyak RM50 juta. Soalannya, adakah kerajaan mengunjurkan hasil keluaran akan menurun bagi tahun 2021? Sedangkan kita bercakap di mana jua, kita perlu meningkatkan tahap SSL, meningkatkan hasil pendapatan dan sebagainya. Akan tetapi dalam bajet, subsidi harga padi dikurangkan sebanyak RM50 juta.

Kita juga menggalakkan- menyeru kepada kerajaan untuk memberi galakan penggunaan teknologi dengan menyediakan insentif penggunaan teknologi umpamanya mempergiatkan lagi pengguna dron dalam setiap lapangan sama ada untuk menganalisis tanah, penyelenggaraan, kajian dan sebagainya. Ini supaya kita menggalakkan rakyat menggunakan teknologi dengan mendapat insentif tertentu daripada kerajaan di masa yang akan datang.

Jadi saya, oleh sebab masa sudah tidak ada, saya hendak ucap tahniah dan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan mohon menyokong. Sekian. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

■1220

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Dato' Wira Othman bin Aziz. Sekarang dijemput Yang Berhormat Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad Baharuddin Shah.

12.20 tgh.

Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad Baharuddin Shah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera.

Situasi ekonomi Malaysia hari ini telah terjejas teruk dengan pandemik COVID-19. Dengan itu kita sedia maklum begitu banyak tekanan dikenakan ke atas isi-isi rumah terutamanya mereka yang tidak mempunyai pendapatan yang tetap dan perlulah kerajaan mengambil langkah-langkah berhati-hati untuk memantau situasi ini kerana sudah berlaku. Pengambilan nyawa sendiri di kalangan mereka-mereka yang tidak dapat menangani masalah tersebut.

Berikutan pandemik COVID-19 juga, ramai terjejas mata pencarian dan pekerjaan tetap mereka. Ada juga juruterbang- *pilot*, dan profesional lain yang terpaksa mencari pekerjaan dan perniagaan lain untuk menampung hidup untuk keluarga mereka. Lebih teruk lagi ramai anak-anak muda yang tiada pengalaman yang baru keluar daripada universiti dan kolej, mencari-cari kerja di tempat yang agak susah untuk mereka mencari tempat tinggal yang bersesuaian. Kerana itulah perlu kerajaan menambah dan meningkatkan lagi usaha untuk menyediakan tempat tinggal bagi anak-anak muda ini supaya mereka boleh bertumpu ke bandar-bandar besar seperti Kuala Lumpur dan Johor Bahru untuk mencari peluang pekerjaan.

Kita telah mendengar cadangan daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) yang akan bekerjasama dengan institusi kewangan terpilih untuk sediakan skim *rent-to-own* tetapi sehingga kini kita masih belum mendengar skim tersebut secara detil atau terperinci. Jadi eloklah kalau kita segerakan penyediaan ini untuk anak-anak muda. Kita minta spesifik apakah yang akan disediakan supaya kos tinggal di Kuala Lumpur di mana kos sewa, membeli dan kos pengangkutan akan menjadi satu bebanan besar kepada anak-anak muda.

Kita telah tahu bahawasanya sebelum pada ini KPKT telah banyak berusaha untuk membantu pemaju-pemaju besar dan yang lama untuk cuba menjual stok-stok rumah mereka yang lama. Akan tetapi masih juga tidak berjaya kerana diskaun yang diberi tidak begitu menggalakkan pembeli-pembeli baharu. Jadi saya rasa perlulah KPKT mengalih tumpuan kepada mereka yang paling memerlukan iaitu golongan anak muda dan saya rasa pemaju-pemaju besar bolehlah menguruskan masalah mereka bersendirian.

Saya ingin menyentuh tentang menuju ke arah status negara maju yang Malaysia hajatkan dan sebagai negara berpendapatan tinggi mesti dicapai dalam waktu yang terdekat, dengan kualiti kerja dan projek yang berkualiti tinggi. Kalau kita ingin mencapai status tersebut, pekerja-pekerja teknikal dan yang lainnya mesti ditingkatkan sikap dan budaya profesional mereka dan juga ditingkatkan budaya di mana mereka diberi imbuhan yang

sepatutnya. Malangnya di Malaysia hari ini, golongan profesional seperti *engineer*, juruukur bahan dan sebagainya, jurang bayaran khidmat mereka tidak mengikut kadar yang telah ditetapkan oleh Parlimen.

Ini agak luar biasa kerana kadar bayaran profesional ini telah digazet tetapi bagi projek-projek kerajaan banyak dibuat dengan tender iaitu dengan mengambil tawaran yang selalunya yang paling rendah atau yang hampir paling rendah. Ini akan menjejaskan atau *compromise quality of production of professional service*. Jadi kita rasa ini perlu dikaji kembali oleh kerajaan kerana perunding-perunding profesional seperti jurutera dan sebagainya sepatutnya menjaga kepentingan kerajaan dan rakyat dengan memantau perjalanan kerja, memastikan pemborong atau kontraktor membuat kerja mereka dengan baik.

Namun malangnya keadaannya terbalik, pihak pemborong ataupun kontraktor selalunya diadakan atau dibenarkan rundingan terus di mana harga boleh dirunding tidak mengikut peraturan tender. Akan tetapi mereka yang menjaga atau dipertanggungjawabkan untuk menjaga projek seperti jurutera dan sebagainya, diturunkan jurang bayaran mereka. Jadi saya rasa perkara ini perlu kita ambil berat kerana kalau tidak akan banyaklah berlaku masalah dan juga kekurangan kualiti kerja dari apa kerja-kerja yang telah disiapkan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam bajet Malaysia baru-baru ini, RM1.4 bilion telah disebut untuk memartabatkan syiar Islam. Kita perlu ingat bahawasanya memartabatkan syiar Islam ini amat luas skopnya. Malangnya sekolah agama dan tahfiz telah diturunkan peruntukan kepada hanya lebih kurang RM30 juta sahaja kalau dibandingkan pada tahun sebelumnya iaitu RM100 juta. Kita rasa ini perlu dikaji semula kerana ini tidak memberi tekanan yang sepatutnya kepada sekolah-sekolah agama dan tahfiz seperti yang sepatutnya.

Menyentuh tentang definisi syiar Islam, sebenarnya kalau mengikut tafsiran-kebesaran atau kemuliaan Islam- amat luas maknanya. Ini termasuklah persaudaraan Islam atau *universal Muslim brotherhood* di mana tidak terhad kepada negara Malaysia sahaja. Di sini saya ingin menyentuh tentang isu Palestin di mana sangat lemah pendirian Kerajaan Malaysia hari ini di mana semasa pihak Amerika Syarikat dan Israel memanipulasi negara-negara Islam lain di seluruh dunia untuk memihak kepada mereka, kita Malaysia makin kurang bersuara atau membuat pendirian yang jelas dalam isu ini.

Contohnya negara Arab seperti UAE, Mesir dan Bahrain telah mengiktiraf *diplomatic relationship* dengan Israel. Daripada negara Arab, mereka telah memujuk negara Afrika seperti Sudan dan baru-baru ini Maghribi- *Morocco*, untuk mengiktiraf Israel juga. Dalam kes *Morocco*, satu *negotiation* telah dibuat di mana Amerika Syarikat telah bersetuju untuk mengiktiraf *Western Sahara* sebagai sebahagian daripada *Morocco*, bagi *Morocco* untuk mengiktiraf Israel dengan hubungan diplomatik.

Adakah Malaysia akan mengikut umpan-umpan yang akan diberi oleh Israel, dengan gula-gula yang akan dihulurkan. Kita minta satu penjelasan daripada kerajaan apakah pendirian Malaysia kerana Malaysia begitu lama sunyi dan sepi tentang pendirian terhadap negara Israel, malahan pada awal tahun 2018, delegasi Israel telah masuk ke Kuala Lumpur selama satu minggu.

Ini adalah satu *precedent* yang luar daripada biasa, di mana telah dibuat secara senyap dan tidak ada satu penjelasan yang meyakinkan kita kenapa walaupun di pasport rakyat Malaysia disebut bahawasanya kita tidak boleh memasuki negara Israel tetapi bagaimana pula rakyat mereka dibenarkan masuk ke Malaysia selama satu minggu. Inilah perkara yang kita perlu dapat penjelasan daripada kerajaan.

Menyentuh sedikit tentang projek-projek semasa di waktu ekonomi Malaysia waktu ini mengalami satu kemelesetan yang agak teruk, kita perlulah memberi keutamaan kepada roh perniagaan di mana keutamaan diberi kepada peniaga, pemborong dan pengusaha-pengusaha tempatan seperti yang pernah disebut dalam kempen BMF iaitu ada yang mengatakan '*Buy Malaysian First*' atau ada yang mengatakan '*Buy Muslim First*'. Dengan semangat yang sama saya rasa projek-projek mega di Malaysia hari ini seperti ECRL di mana sudah ada juga rundingan semula dengan syarikat-syarikat gergasi Negara China.

Selain daripada rundingan harga, perlulah juga syarat-syarat *participation* atau mengambil bahagian syarikat-syarikat tempatan ditambah, supaya tidak ketinggalan. Ini kerana sekarang ini situasi memerlukan *intervention* ataupun penglibatan kerajaan untuk memastikan penglibatan yang lebih besar.

Baru-baru ini kita ada mendengar satu projek besar, lebih dari RM1 bilion yang melibatkan Petronas yang akan diserahkan atau dianugerahkan kepada sebuah syarikat asing tanpa menyebut apa-apa penglibatan syarikat tempatan.

■1230

Kita minta penjelasan adakah benar ya berita yang dikatakan, sebuah syarikat gergasi besar dari Jepun, akan diberi satu pakej dengan Petronas berjumlah kosnya lebih daripada RM1 bilion tanpa apa-apa penyertaan kontraktor tempatan. Itulah yang kita harap kerajaan dapat lakukan pada waktu ekonomi terjejas di mana kerajaan perlu memberi tumpuan atas penglibatan orang-orang tempatan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah Raja Ahmad. Sekarang dijemput Yang Berhormat Puan Raj Munni Sabu.

12.30 tgh.

Puan Raj Munni binti Sabu: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh... [Membaca sepotong doa]* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas ruang dan peluang membahaskan Belanjawan 2021 pada hari ini.

Ali bin Abi Talib- Sayidina Ali menyebut, "Tidak ada kekayaan yang lebih besar daripada kebijaksanaan, tidak ada kemiskinan yang lebih besar daripada kejahilan, tidak ada warisan yang lebih besar daripada budaya dan tidak ada sokongan yang lebih besar daripada perundingan." Usaha kerajaan untuk mengambil, terlibat dalam membentuk Bajet 2021 ini kami, bagi pihak saya menjunjung terima kasih.

Walau bagaimanapun, saya juga ingin merakamkan bahawa ada beberapa perkara yang barangkali tidak diberi perhatian oleh pihak kerajaan dalam cadangan-cadangan yang diberikan, dalam rangka Bajet 2021. Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan 2021 ini merupakan belanjawan yang terbesar yang tidak pernah dibentangkan oleh negara melainkan pada tahun ini dan ia merupakan 8.7 peratus lebih tinggi daripada tahun 2020. Terbesar dari sudut peruntukan dan terbesar juga dari sudut defisit. Defisitnya mengambil jumlah kurang lebih RM84.84 bilion dengan kadar hutang berbanding keluaran dalam negara kasar adalah pada kadar 56.8 peratus.

Pada saya ini satu keberanian yang harus dipuji, dan apa yang lebih penting keberkesanan. Kejayaan Bajet 2021 ini Tuan Yang di-Pertua, sangat bergantung kepada kecekapan institusi kerajaan mentadbir dan melaksanakan amanah sama ada dalam bentuk pelaksanaan mahupun penyampaian. Besar macam mana sekalipun, niat ikhlas kita untuk membantu rakyat bagaimana baik sekalipun tetapi sekiranya pelaksanaan dan penyampaiannya tidak dapat dibuat dengan baik, maka bajet yang sebegini besar tidak akan memberikan keuntungan yang baik kepada rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian kita tentang apa yang dilaporkan oleh Dato' Seri Azam Bakri, Ketua Pesuruhjaya SPRM yang menyebutkan bahawa lebih 50 peratus daripada kes-kes SPRM yang disiasat oleh SPRM adalah terkait dengan agensi-agensi kerajaan dan juga terkait dengan melibatkan kepimpinan-kepimpinan tertinggi di sektor awam. Fokus kita bukan sahaja ia rasuah, tetapi ia juga melibatkan tentang keselamatan rakyat dan negara, kualiti-kualiti servis, kualiti-kualiti kalau bangunan contohnya, jalan raya contohnya. Kualiti yang dipersembahkan kepada rakyat. Sekiranya rasuah ini berterusan, penyelewengan itu berterusan, penyusunan dana tidak dibuat dengan baik, maka keselamatan rakyat juga akan menjadi taruhan.

Disebutkan juga oleh Ketua Pesuruhjaya SPRM bahawa semakin tinggi perolehan, semakin tinggi juga kadar ketirisan dan kita perlu ingat bahawa belanjawan negara kita pernah dilaporkan tiris sehingga RM10 bilion, angka yang bukan sedikit. Lalu, keadaan ini menggamit

kebimbangan saya Tuan Yang di-Pertua. Justeru itu, saya ingin bertanya kepada kerajaan beberapa soalan.

Pertama, sejauh mana Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Antirasuah memberi perhatian dan tindakan serius terhadap isu-isu ini.

Yang kedua, jumlah peruntukan yang diberikan ke Pusat Governans, Integriti dan Anti Rasuah Nasional (GIACC).

Ketiga, bagaimanakah Belanjawan 2021 ini dapat memperkasakan lagi peranan GIACC dan semua agensi yang berkaitan dengan anti rasuah serta pelbagai inisiatif yang telah digerakkan oleh pentadbiran sebelum ini termasuklah Pelan Anti Rasuah Nasional 2019-2023?

Soalan saya yang keempat ialah, sejauh mana kerajaan memberi perhatian terhadap pelaksanaan dasar pengisytiharan harta oleh anggota-anggota pentadbiran. Saya difahamkan masih ada anggota-anggota pentadbiran yang belum mengisytiharkan harta sedangkan Tan Sri Muhyiddin Yasin, Perdana Menteri kita menyebutkan bahawa dasar yang telah dilaksanakan oleh Pakatan Harapan itu akan diteruskan di bawah pentadbiran beliau.

Kelima, pentadbiran PH yang lepas mempunyai agenda untuk merangka satu rang undang-undang yang membolehkan tindakan punitif diambil terhadap pegawai-pegawai yang sengaja menyebabkan ketirisan, pemborosan dan pembaziran. Saya ingin bertanya, sejauh mana kerajaan yang ada pada hari ini mempunyai keinginan dan akan melaksanakan, akan membentangkan rang undang-undang berkaitan.

Keenam adakah kerajaan akan meneruskan hasrat pentadbiran yang lepas untuk menggubal Akta Pembiayaan Politik bagi mempertingkatkan integriti sistem politik negara. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil perhatian juga bahawa penghujung Januari tahun 2020 dilaporkan oleh Transparency International bahawa indeks persepsi rasuah di Malaysia meningkat kepada 53 mata- pada tahun 2019 berbanding 47 mata- pada tahun 2018 sekali gus menduduki tangga ke-51 daripada 80 buah negara dan membawa kepada lonjakan sepuluh anak tangga.

Maknanya Tuan Yang di-Pertua, usaha-usaha anti rasuah yang telah dilaksanakan oleh pentadbiran lepas, PH berjaya dan ini seharusnya perlu dilaksanakan. Saya juga agak berdebar Tuan Yang di-Pertua untuk menunggu apakah hasilnya selepas daripada Januari hingga ke Disember tahun ini. Sebab itu laporan sehingga Januari 2020.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga menarik perhatian berkaitan dengan vaksin. Saya telah membaca beberapa laporan mengenai ekonomi vaksin COVID-19 yang telah, yang ada sekarang ini. Menurut Pertubuhan Kesihatan Sedunia, terdapat sekitar 50 buah syarikat penyelidikan sedang giat menjalankan penyelidikan untuk menghasilkan vaksin COVID-19 dan dilaporkan syarikat gergasi BioNTech dan Pfizer telah mendapat kelulusan

untuk memasarkan vaksin covid-19 pada beberapa buah negara termasuklah di Amerika Syarikat.

Saya difahamkan hujung minggu ini akan diedarkan sejumlah 2.9 juta vaksin kepada rakyat. Termasuk juga di Singapura akan mula mengedarkan kepada rakyat vaksin COVID-19. Justeru saya ingin bertanya kepada pihak kerajaan bilakah rakyat negara ini akan menerima vaksin covid-19 dan bagaimanakah caranya, termasuk apakah implikasi-implikasi kewangan yang mungkin terpaksa dilihat oleh rakyat?

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyebut tentang pandemik COVID-19 ini telah mengikis tentang kesetaraan gender dan juga kepada anak-anak daripada tiga aspek. Pertamanya keganasan, untuk wanita keganasan, pekerjaan dan juga penjagaan kesihatan dan untuk kanak-kanak, keganasan, pelajaran dan juga penjagaan kesihatan. Untuk kanak-kanak, untuk anak-anak kita di sekolah, saya difahamkan sejumlah 36.9 peratus daripada anak-anak kita gagal untuk mengikuti sistem pembelajaran atas talian hanya kerana mereka tidak mempunyai kecukupan dari sudut *laptop* ataupun alat-alat yang diperlukan.

Saya ingin memohon kepada kerajaan untuk menjelaskan kepada kita, tidakkah daripada jumlah yang begini besar dalam sejarah negara kita boleh diperuntukkan bantuan sekurang-kurangnya satu buah komputer untuk satu keluarga, dan bagaimana juga saya pergi- rupanya masalah internet ini bukan sahaja ada di Sabah, bukan saja terkena kepada Veveonah, tetapi saya baru-baru ini telah turun di Larut, salah sebuah kampung yang juga antara masalah anak-anak di sana selain tidak ada komputer Tuan Yang di-Pertua, tiga orang dalam sebuah keluarga itu, ibu tinggal dan ibu tunggal, opahnya ibu tunggal, ibunya pula ibu tinggal. Mereka tidak mempunyai kelengkapan-kelengkapan itu dan kawasan itu juga tidak boleh akses kepada internet.

Saya ingin mencadangkan supaya perkara ini diberi perhatian Tuan Yang di-Pertua. Untuk wanita, saya memohon tempat untuk perlindungan sementara ini diberikan perhatian. Saya ambil maklum bahawa ada RM20 juta sekurang-kurangnya diperuntukkan untuk pembinaan tempat-tempat perlindungan sementara tetapi masalah berkaitan dengan keganasan terhadap wanita ini Tuan Yang di-Pertua, ia ada di seluruh negara. Lalu, kita perlu mengambil kira penyediaan, aksesibiliti, perlindungan ini, tempat perlindungan sementara ini di seluruh negara juga. Lalu ini perlu diberi perhatian dan talian psikologi yang disebutkan, saya mohon supaya kerajaan menimbangkan untuk memperluaskannya kepada NGO-NGO bukan hanya di bawah Talian Kasih, di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat tetapi mengizinkan beberapa buah badan NGO turut sama membantu.

Saya juga ingin menyebutkan tentang isu yang berkaitan dengan *flexible working hours* untuk wanita khususnya bila ada masalah pandemik ini dengan tadika-tadika

dihentikan, ibu-ibu terpaksa bekerja dari rumah dan ada yang terpaksa pergi bekerja di tempat kerja dan meninggalkan anak-anak.

■1240

Saya mohon supaya perkara-perkara ini Tuan Yang di-Pertua, diberikan perhatian oleh kerajaan dan saya ingin bertanya *last* sekali, adakah kerajaan berhasrat untuk membentangkan satu rang undang-undang psikologi kerana pada waktu ini kita melihat dalam tempoh pandemik ada ramai yang menghadapi *stress*. Bila menghadapi *stress*, mereka mencari jalan untuk nasihat-nasihat di luar sana. Ada kalangan termasuk guru-guru agama ataupun pihak-pihak yang tertentu termasuk ustaz, dai yang memberikan nasihat. Akhirnya mereka itu telah menjadi mangsa kepada orang-orang yang memberikan harapan kepada mereka.

Tuan Yang di-Pertua, justeru saya ingin bertanya kepada pihak kerajaan. Adakah kerajaan pada masa akan datang ini sedang menimbangankan untuk memperkenalkan satu rang undang-undang psikologi bagi memastikan semua yang terlibat dalam memberi psikologi dan nasihat kaunselor kepada rakyat kita mempunyai kelayakan yang sepatutnya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Puan Raj Munni binti Sabu. Sekarang dijemput Yang Berhormat Dato' Haji Jefridin bin Haji Atan.

12.41 tgh.

Dato' Haji Jefridin bin Haji Atan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertama, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua atas pelantikan sebagai Timbalan Yang di-Pertua.

Bismillahi Rahmani Rahim. Sebagaimana yang kita maklum bahawa belanjawan kali ini satu belanjawan yang besar dalam sejarah negara. Bajet ini menjadi tumpuan kerana ia dibentangkan dalam masa kerajaan yang kurang stabil dan juga kita menghadapi masalah pandemik COVID-19.

Namun yang demikian, kita juga ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Ahli-ahli Parlimen yang telah mengetepikan segala perbezaan serta bersatu padu menyokong Belanjawan 2021 demi kepentingan rakyat dan juga memastikan kesejahteraan rakyat terus terpelihara. Pada umumnya kita sedar bahawa belanjawan yang dibentangkan ini sememangnya menyentuh kepada keperluan rakyat yang terkesan COVID-19. Terutamanya golongan yang berpendapatan rendah B40, peniaga, agensi-agensi kerajaan yang bertungkus-lumus, yang berhadapan dengan ancaman pandemik ini.

Dengan bertemakan belanjawan pada kali ini iaitu "Teguh Kita, Menang Bersama", merentasi tiga matlamat utama yang digariskan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan iaitu

kesejahteraan rakyat, kelangsungan perniagaan dan ketahanan ekonomi dengan pelbagai strategi yang telah diatur bagi mencapai matlamat yang telah dinyatakan. Apakah reaksi rakyat di luar sana?

Kalau kita lihat hari ini apabila selepas pembentangan belanjawan, pihak kerajaan dan para penyokong menyatakan belanjawan sebagai pendekatan berani yang dapat membantu segenap lapisan masyarakat dan membantu dalam pemulihan ekonomi yang terjejas akibat pandemik COVID-19. Seseengah golongan rakyat berpendapat bahawa belanjawan ini berjaya membantu golongan kelas pendapatan sederhana M40 melalui beberapa inisiatif yang diperuntukkan kerajaan.

Seseengah pihak juga mengkritik belanjawan tersebut kerana disifatkan sebagai tidak berpusatkan rakyat. Pihak persatuan pelajar melihat belanjawan mengabaikan golongan mahasiswa. Pihak dalam pelancongan juga dan juga penerbangan menyatakan kerisauan tentang inti pati belanjawan yang dilihat tidak berpihak kepada nasib sektor pelancongan negara yang sudah menerima padah akibat pandemik COVID-19 kerana dikatakan tidak memberi jaminan menyeluruh kepada pekerja-pekerja untuk mengelakkan pemberhentian kerja, ketiadaan inisiatif untuk menggalakkan pelancongan domestik dan jaminan yang dilihat tidak menyeluruh secara keseluruhannya. Inilah rasa hati dan luahan rakyat di luar sana. Bagaimanakah kerajaan harus menggagas perkara ini?

Namun yang demikian, kalau kita lihat bahawa Belanjawan 2021 perlu dijadikan satu buah landasan reformasi yang lebih menyeluruh dan konkrit dalam sistem ekonomi yang berdaya tahan kerana sifat belanjawan ini adalah bersifat tahunan. Pihak kerajaan perlu merangka polisi yang lebih berdaya tahan, *sustainable*, khususnya dalam merangka Rancangan Malaysia Kedua Belas nanti.

Kerajaan juga perlu melihat dari sudut ekonomi *humanistic* atau insani. Ekonomi insani- ekonomi yang kembali kepada memperkasakan asas dalam ekonomi seperti makanan, tempat tinggal dan pakaian termasuklah pekerjaan. Bahawa tujuan utama daripada ekonomi adalah untuk memenuhi keperluan konkrit manusia melalui pengorganisasian sumber pencarian atau pendapatan manusia. Ekonomi insani- ekonomi yang mengintegrasikan kembali ke dalam hubungan sosial ekonomi manusiawi. Mekanisme pasar tidak boleh dianggap sebagai ekonomi itu sendiri. Mekanisme pasar sesuatu yang menjadi asas dalam realiti sosial konkrit kemanusiaan. Pihak kerajaan harus memainkan peranan penting dalam meningkatkan maruah insani.

Bajet 2021 ini perlu dijadikan platform bagi kesaksamaan dan keadilan agihan kekayaan dan kemakmuran negara. Isu ini penting kerana ia pernah dibangkitkan dalam seluruh dasar negara seperti Dasar Ekonomi Baharu, Dasar Pembangunan Nasional dan

Dasar Wawasan Negara. Adalah berpunca daripada persoalan pertumbuhan dan agihan sumber kekayaan ekonomi negara sejak merdeka sehingga ke hari ini.

Justeru itu, strategi membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat impak kebaikan yang tersurat dan tersirat daripada segi agihan pendapatan, sumber kekayaan ekonomi negara yang banyak dan melibatkan pelbagai sektor, politik, sosial, pendidikan, etnik, budaya dan kepercayaan. Tuan Yang di-Pertua, tumpuan dan keutamaan perlu diberikan kepada:

- (i) program latihan;
- (ii) peningkatan kemahiran pekerja bumiputera;
- (iii) membaiki mekanisme subsidi;
- (iv) menangani diskriminasi dalam sektor pekerjaan;
- (v) memperkemaskan perundangan;
- (vi) pengawalan dan penguatkuasaan terhadap pekerja asing;
- (vii) memperkenalkan dasar mengenai peningkatan dan pengawalan pendapatan pekerja;
- (viii) menambah mekanisme percukaian yang lebih berstruktur; dan
- (ix) meningkatkan inisiatif bagi membantu keluarga menambah kekayaan.

Tumpuan juga diberi untuk menyediakan ekosistem kondusif kepada pelajar luar bandar dan miskin bandar, menekankan semula pembangunan luar bandar, memperluaskan jaringan keselamatan sosial dan menyarankan tindakan *affirmative* berdasarkan keperluan khususnya kumpulan isi rumah 40 peratus terbawah tanpa mengira kaum. Bagi kita melihat sejauh mana belanjawan boleh melonjakkan pertumbuhan ekonomi, mencipta peluang pekerjaan dan meringankan beban rakyat.

Selain itu, adakah strategi yang diambil oleh kerajaan menepati sasaran? Adakah inisiatif yang diambil mencukupi dan adakah masih ada ruang untuk boleh diperbaiki. Perkara inilah yang perlu diambil perhatian oleh pihak kerajaan. Saya juga ingin menarik satu- dalam ketahanan ekonomi, dalam strategi yang keempat iaitu menjamin kelestarian sumber. Inisiatif yang kelima melaksanakan program penanaman pokok bakau bagi memelihara kawasan paya bakau serta spesifik pokok lain di persisiran pantai antaranya di Tanjung Piai, Johor.

Saya ingin menegaskan di sini bahawa keadaan di Tanjung Piai hari ini sudah semakin rumit apabila banyak pokok bakau yang ditanam pada masa-masa yang dahulu telah pun tumbang kerana hakisan yang kuat. Ini akan sudah tentu meletakkan masyarakat Tanjung Piai di Johor dalam keadaan yang bahaya kerana paras air yang semakin tinggi dan banyak pembangunan seperti pulau tiruan, PTP dan sebagainya telah mengubah cara air pasang surut.

■1250

Inilah yang memastikan rakyat rasa dalam keadaan yang kurang selamat. Oleh itu, oleh sebab adanya kelestarian dan ketahanan ekonomi di Tanjung Piai ini, saya memohon kepada pihak Kementerian Kewangan supaya menyediakan bajet yang sesuai bukan sekadar hanya 'melepaskan batuk di tangga'. Hari ini tanam, esok masih lagi menanam. Ini kerana, kita harus lihat Tanjung Piai merupakan penghujung Benua Asia yang boleh memastikan daripada segi strategi pelancongan dan juga mendatangkan ekonomi. Di situ kita juga harus menyelamatkan flora dan fauna Tanjung Piai khususnya di Taman negara.

Disebabkan itu, saya menyeru kepada pihak kementerian mengambil perkara ini serius agar Tanjung Piai tidak hilang di dalam peta dunia. Sekian, Tuan Yang di-Pertua saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat Dato' Haji Jefridin Haji Atan. Sekarang dijemput Tuan Alan Ling Sie Kiong.

12.51 tgh.

Tuan Alan Ling Sie Kiong: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas peluang yang diberikan kepada saya turut menyertai perbahasan Belanjawan 2021 yang disampaikan oleh Menteri Kewangan di Dewan yang mulia ini tempoh hari.

Oleh sebab masa yang singkat, saya akan terus kepada dua perkara pokok yang saya ingin bangkitkan dalam ucapan Belanjawan 2021. Iaitu di muka surat ke-45 mengenai tajuknya, "*Langkah Kelangsungan Industri Pelancongan*".

Tuan Yang di-Pertua, saya telah nampak ada usaha-usaha gigih yang ingin dilaksanakan oleh Kementerian Pelancongan Seni dan Budaya (MOTAC). Saya berharap sekiranya boleh, Kementerian Pelancongan mengaji sama ada yang dipanggil *travel bubble* ataupun gelembung perjalanan boleh diadakan bukan sahaja secara domestik tetapi secara dengan negara-negara jiran kita. Cadangan saya, bolehkah Kementerian Pelancongan mengaji adakah *travel bubble* ini boleh dilancarkan untuk negara jiran Brunei dengan Malaysia. Khususnya negeri Sarawak dengan Brunei yang berdekatan.

Sekiranya- kerana negara jiran kita Brunei dalam keadaan zon hijau setelah sekian lama berada dalam zon hijau dan juga Sarawak. Sekiranya ini boleh di-*experiment*-kan, dengan izin, saya rasa *travel bubble* ini satu usaha yang baik untuk kita cuba memulihkan balik industri pelancongan kita dan merancang segmen pelancongan di negara kita.

Saya harap bahawa Menteri yang juga berasal dari Sarawak Yang Berhormat Dato' Seri Nancy Shukri boleh meneliti cadangan saya ini supaya kita dapat mengaji sama ada hal ini dapat diwujudkan.

Satu lagi isu yang berhubung dengan sempadan Brunei-Malaysia yang selalu saya bangkitkan Tuan Yang di-Pertua mengenai pembukaan sempadan. Isu ini saya harap Kementerian Luar Negeri mengadakan usaha yang lebih gigih lagi. Mengadakan rundingan bersama Brunei supaya kita membenarkan pelancong ataupun rakyat di Brunei memasuki ke Sarawak. Khususnya di utara Sarawak. Ini bukan sahaja saya hendak mengambil berat tentang sektor ekonomi sahaja tetapi oleh sebab persaudaraan dan isu kekeluargaan di antara dua buah tempat ini.

Kebanyakan orang Sarawak bekerja di sana dan sejak PKP ini mereka tidak balik ke Sarawak lebih daripada sembilan bulan. Ini isu kekeluargaan dan persaudaraan. Ada juga di Miri, di Limbang, di Lawas tidak dapat bertemu dengan keluarga mereka yang di Brunei. Ini kerana hubungan yang terjalin, persaudaraan yang begitu dekat di antara dua buah negara ini. Oleh itu saya memanggil supaya Kementerian Luar Negeri dapat meneliti hal ini ataupun melalui Pesuruhjaya Tinggi Malaysia di Brunei mengadakan satu pertemuan bersama rakyat-rakyat Malaysia di Brunei yang terkandas di Brunei untuk mendengar keluhan, rintihan mereka terhadap keadaan terkini.

Tuan Yang di-Pertua, isu yang seterusnya mengenai pemerksaan penyampaian perkhidmatan awam iaitu pada muka surat 59 dalam ucapan Belanjawan 2021. Saya telah meneliti dan pada tahun ini, *soft copy* disampaikan dan juga QR kod disampaikan oleh Kementerian Kewangan. Ini satu usaha baik untuk kita menuju ke arah *paperless*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua.

Akan tetapi, saya juga memerhatikan banyak kali rakyat ataupun pemohon yang pergi berurusan dengan agensi kerajaan seperti Jabatan Pendaftaran Negara, seperti Jabatan Imigresen, Jabatan Pengangkutan Jalan. Selalunya kita hadir secara sendiri bawa *MyKad* original yang asal tetapi disuruh untuk fotokopi, fotostat lagi *MyKad*. Pelik sekali JPN sendiri yang mengeluarkan *MyKad*. Kita hadir, kita disuruh ambil salinan dan kita disuruh *certified true copy* depan mereka. Saya rasa kita sudah *in the mode* era digital.

Pihak jabatan boleh *check* secara terus, *online, they can check*. Kenapa diambil lagi salinan kalau orang yang dari jauh di kampung sampai, lupa untuk fotostat disuruh balik. Sedangkan mesin fotostat di belakang pegawai itu. Betul. Saya rasa *why are you photostating MyKad so many times? I think, this should be cut off*. Tidak payahlah lebih-lebih lagi JPN-minta, Imigresen- minta *MyKad* itu.

Saya rasa inilah yang saya hendak bangkitkan supaya ada agensi-agensi boleh kita kurangkan barang-barang sebegitu yang tidak diperlukan. *Paperless, environmentally friendly*. Itu saya harap kita boleh menyahut seruan penyampaian Perkhidmatan Awam yang dibawa norma baharu yang juga berdigital.

Satu lagi isu yang saya ingin bangkitkan di sini ialah saya telah menerima satu pesanan *WhatsApp* berhubung dengan JPJ di Miri. Pusat JPJ di Miri di mana kaunter dibuka diasingkan kepada kaunter *renew road tax* dan kaunter *renew driving license*. Ini telah mengakibatkan *traffic jammed* di kaunter-kaunter *road tax* sebab *road tax* dia lebih ramai pelanggan. *Renew license* sebab tarikh luput dia *every five years*.

So, itulah mengakibatkan kaunter khusus untuk *road tax*, *traffic jammed* di JPJ Miri. Saya harap, saya ingin bertanya kepada Kementerian Pengangkutan adakah ini polisi yang baharu. Juga saya nampak dalam ucapan belanjawan ada kios yang akan disediakan untuk pembaharuan *driving license*. Dikatakan di sini ada 50 buah kios akan diletakkan di lokasi strategik di seluruh negara bagi memudahkan orang ramai mendapatkan perkhidmatan di luar waktu bekerja iaitu untuk pembaharuan lesen kenderaan bermotor. Saya harap inilah satu usaha yang baik supaya kita boleh *cut down all the bureaucracy* dan memudahkan orang ramai semasa berurusan dengan pihak jabatan.

Isu yang seterusnya adalah berkenaan dengan Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Tuan Yang di-Pertua. Saya telah bangkitkan isu ini secara bertulis tetapi tidak berkesan. Di Miri ini telah berlaku ada tangkapan yang dibuat oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia ke atas kenderaan berdaftar Brunei.

■1300

Kesalahan-kesalahan mungkin adalah kerana orang Sarawak itu, orang Malaysia tidak mempunyai *work permit*. Oleh sebab itu, dia tidak dibenarkan memandu kereta Brunei ataupun dia tidak mempunyai pas, pas dia sudah *expired*. Akan tetapi semasa tangkapan dibuat, tempoh siasatan itu begitu lama sekali sehingga 10 bulan, satu tahun dan kereta itu disimpan di depot *parking*.

Mereka memang sanggup menerima hukuman yang setimpal dengan kesalahan mereka. Akan tetapi tempoh siasatan itu saya harap Jabatan Kastam Diraja Malaysia dapat dipendekkan. Ini supaya kita nak kutip cukai negara, sekiranya tempoh yang panjang, maka *justice delayed is justice denied*. Saya tidak menyokong mereka yang membuat salah, tetapi apa yang saya minta adalah supaya mereka meningkatkan kecekapan dalam menjalankan siasatan. Saya ada banyak lagi tetapi tidak sempat, Tuan Yang di-Pertua.

Akhir sekali adalah berkenaan dengan Kementerian Pengangkutan juga. Ramai pemandu yang mempunyai *e-hailing vehicle permit* (EVP) tidak dapat memperbaharui lesen kenderaan mereka ataupun *road tax* setelah mereka hendak menamatkan perkhidmatan dengan sesebuah syarikat *e-hailing*. Keadaan ini berlaku kerana mereka memerlukan sepucuk surat daripada syarikat *e-hailing MyCar* dan *GrabCar*.

Akan tetapi dalam soal ini, sebuah syarikat bernama Platform Apps Sdn. Berhad (MyCar) tidak memberikan maklum balas kepada pemandu mereka yang ingin berhenti

berkhidmat dengan mereka. Oleh itu, pemandu sendiri pun tidak dapat memperbaharui *road tax* mereka kerana kenderaan mereka itu kenderaan pengangkutan komersial. Oleh itu, saya harap Kementerian Pengangkutan dapat meneliti masalah ini dan mencari penyelesaian supaya pemandu EVP ini dapat membatalkan permit mereka dan juga dibenarkan memperbaharui *road tax* mereka tanpa harus mempunyai kebenaran daripada syarikat tersebut.

Itu sahaja sedikit sebanyak isu-isu yang saya bangkitkan untuk perhatian dan tindakan kementerian. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Alan Ling Sie Kiong. Seterusnya saya menjemput Yang Berhormat Senator Puan Hajah Nuridah binti Mohd Salleh.

1.02 tgh.

Puan Hajah Nuridah binti Mohd Salleh: *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh* dan salam sejahtera... *[Membaca sepotong hadis]*

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ucapkan terima kasih kerana memberikan keizinan kepada saya untuk turut serta dalam perbincangan tengah hari ini.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Puan Hajah Nuridah binti Mohd Salleh: Tuan Yang di-Pertua, terlepaslah saya nak baca teks ni *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Tidak apa, tidak baca teks lagi bagus.

Puan Hajah Nuridah binti Mohd Salleh: *[Ketawa]* Ingat nak baca teks, dapat Tuan Yang di-Pertua pula *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Ambil topik, jalan.

Puan Hajah Nuridah binti Mohd Salleh: Okey.

Tuan Yang di-Pertua: Itu dia.

Puan Hajah Nuridah binti Mohd Salleh: Okey. Nasib sayalah ni.

Saya ingin menyentuh beberapa perkara iaitu yang pertama tentang COVID-19. *Alhamdulillah*, dengan izin Allah, walaupun suasana COVID-19 ini masih lagi beredar dalam masyarakat negara kita dan juga dunia, tetapi kita masih lagi *alhamdulillah* diberikan kesempatan oleh Allah SWT untuk bersama-sama bersidang dalam Dewan yang mulia ini, *insya-Allah*.

Di luar sana sebenarnya ramai rakyat yang kehilangan pekerjaan sebagaimana yang telah pun dinyatakan oleh ramai sahabat Yang Berhormat saya tadi. Sebelum terlupa, saya juga ingin mengatakan sokongan saya kepada apa yang disebut oleh Yang Berhormat Senator Dr. Yaakob bin Sapari tentang COVID-19. Saya harap apa yang disebutkan itu juga diberikan perhatian. Kalau boleh masuk juga dalam ucapan saya [*Ketawa*] Jadi, selain daripada pekerjaan rakyat kita yang terpaksa menghadapi masalah- begitu juga dengan masalah perniagaan yang mereka terpaksa kecilkan saiz operasi, malahan banyak terpaksa gulung tikar.

Selain daripada itu juga, ialah tentang masalah rumah tangga di mana sepatutnya rumah itu menjadi tempat yang paling selamat untuk seseorang mendapatkan perlindungan. Akan tetapi *masya-Allah*, kita diuji di antaranya ada rakyat yang kurang bernasib baik, mereka terpaksa menghadapi suasana rumah yang ibarat neraka dunia. Berlaku pelbagai keganasan yang meningkat dalam rumah tangga. Hal ini bukan sahaja berlaku dalam negara kita, tetapi juga di peringkat- hampir seluruh dunia, *insya-Allah*.

Sebagai contoh, dinyatakan di Hubei, China terdapat peningkatan sebanyak tiga kali ganda kes keganasan rumah tangga dilaporkan ketika berlakunya wabak COVID-19 ini. Untuk negara kita pula sebagai contoh di Selangor, terdapat 254 kes keganasan rumah tangga direkodkan sejak bulan Januari hingga bulan September tahun ini. Sebanyak 224 daripada keseluruhan kes membabitkan wanita. Hampir 50 peratus kes yang dilaporkan melibatkan kecederaan fizikal, manakala selebihnya berbentuk penderaan psikologi dan emosi.

Berdasarkan satu artikel yang ditulis oleh Persatuan Psikiatri Malaysia, antara punca utama peningkatan kes keganasan rumah tangga sepanjang PKP ini disebabkan si pendera menghabiskan seluruh waktunya bersama mangsa menyebabkan konflik lebih senang terjadi walaupun atas sebab yang remeh. Selain itu, pengasingan sosial juga menjadikan si pendera ketiadaan saluran lain untuk melepaskan tekanan.

Faktor keluasan rumah yang sempit juga terpaksa mereka hadapi bersama-sama dengan ahli keluarga yang lebih ramai. Selain daripada masalah kewangan serta ketidaktentuan masa depan menimbulkan masalah yang begitu ketara. Kesannya, akibat tekanan yang tidak terkawal, pendera menjadikan pasangan dan anak-anak mereka sebagai objek. Oleh itu, saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, terutamanya Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat juga Kementerian Kesihatan, apa langkah-langkah proaktif yang diambil untuk membendung kelakuan-kelakuan ganas yang mengakibatkan trauma dan kecederaan fizikal ke atas mangsa. Itu yang pertama.

Kemudian, kedua- bersangkutan paut juga dengan COVID-19 iaitu tentang SOP aktiviti masjid dan surau. Tuan Yang di-Pertua, dalam hal ini kita melihat ada beberapa kekeliruan

yang berlaku kepada rakyat khususnya iaitu tentang SOP di masjid ataupun di surau. Walaupun kita tahu para mufti bertanggungjawab dalam urusan ini bagi menjamin *survival* ummah, mereka telah pun mengadakan mesyuarat, perbincangan bagi mengeluarkan satu pandangan atau fatwa bertujuan untuk memelihara maslahat umat Islam. Namun, dari sudut yang lain, pelbagai kritikan yang dilontarkan oleh golongan tertentu terhadap keputusan yang telah disepakati.

■1310

Jadi, di sini saya ingin mengutarakan beberapa rungutan sejak SOP peribadatan di masjid dilaksanakan mengikut negeri-negeri. Ini disebabkan- kita tahu antara negeri-negeri ini ia ada perbezaan dalam pelaksanaan ini. Ya, umum mengetahui kebenaran solat fardu dan juga solat Jumaat di masjid adalah berbeza mengikut negeri-negeri. Sebagai contoh, pelaksanaan solat Jumaat di kawasan zon hijau di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, dibenarkan dengan kapasiti satu per tiga- dewan solat. Akan tetapi sebaliknya di Selangor, di kawasan zon hijau hanya melibatkan 23 orang pegawai dan AJK Masjid sahaja.

Jadi apabila tiba waktu solat Jumaat ini, sebahagian rakyat dari zon hijau yang tidak dibenarkan solat Jumaat ini, mereka berbondong-bondong pula ke kawasan yang dibenarkan solat Jumaat itu lebih ramai. Jadi, hal ini akan mendatangkan kekeliruan kepada masyarakat. Pada masa yang sama, ia seolah-olah menggambarkan sistem pengurusan peribadatan dalam Islam celaru ataupun tidak sistematik. Justeru, saya ingin mencadangkan kepada pihak berkuasa agama terutama di negeri-negeri agar dapat menyelaraskan prosedur operasi standard ini. Hal ini bagi memastikan SOP yang ditetapkan tidak mendatangkan kekeliruan kepada rakyat terbanyak, *insya-Allah*.

Seterusnya tentang Belanjawan 2021 ini- masa sudah hendak habis dah rupanya. Okey, macam ini. Saya hendak beritahu, saya harap belanjawan yang telah diperuntukkan itu ia dapat diselia dengan sebaiknya oleh pihak yang berwajib agar ketirisan, kebocoran di mana-mana itu tidak akan berlaku bahkan ia akan dapat dinikmati khususnya oleh rakyat yang memerlukan.

Kemudian seterusnya- sempat lagi kah ini? Tentang banjir... *[Ketawa]* Tentang banjir di negeri Pantai Timur yang mana memang saban tahun bila sudah hujung-hujung tahun ini akan berlaku.

Okey jadi akhirnya saya mohon supaya pihak- apa ya hendak cakap? Nanti sekejap...

Tuan Yang di-Pertua: Pihak banjir.

Puan Hajah Nuridah binti Mohd Salleh: Ya?

Tuan Yang di-Pertua: Pihak yang bertanggungjawab tentang banjir.

Puan Hajah Nuridah binti Mohd Salleh: Okey. Pihak yang bertanggungjawab dapat menyelia hal ini. Antaranya saya mencadangkan, tempat rumah yang setingkat yang memang

tempat biasa banjir itu mungkin diberi peruntukan untuk menaikkan rumah. Kemudian, soal perparitan perlu diseliasa urus dengan sebaiknya.

Saya minta maaf. Ada lagi beberapa isu. Nampak gayanya ini sahajalah yang sempat saya sampaikan. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Tuan Yang di-Pertua: *Waalaikumussalam.* Terima kasih Yang Berhormat Senator. Dijemput supaya Yang Berhormat Senator Tuan Adrian Banie Lasimbang.

1.13 ptg.

Tuan Adrian Banie Lasimbang: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Kopivosian,* salam sejahtera.

Pertama sekali saya ingin berterima kasih kerana diberi peluang untuk berbahas untuk Rang Undang-undang Perbekalan 2021 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri kelmarin di Dewan yang mulia ini. Sebelum itu saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk menyambut baik usaha Tuan Yang di-Pertua berkenaan dengan menangani isu kesesakan di penjara dengan pelaksanaan ataupun cadangan untuk menubuhkan satu Jawatankuasa Bersama di antara Dewan Negara dan Dewan Rakyat. Saya rasa ini satu isu yang sangat penting Tuan Yang di-Pertua sebab saya sendiri sebagai seorang Senator yang datang dari Penampang dan Penjara Kepayan itu antara satu dari penjara yang sangat banyak terkesan.

Baru-baru ini ketika penularan wabak COVID-19 dan semasa menjalankan beberapa siri bantuan untuk bukan sahaja kakitangan dan keluarga yang terlibat yang bertugas di Penjara Kepayan, saya mendapati bahawa kesesakan di penjara ini memang sangat serius Tuan Yang di-Pertua. Saya sangat mengharapkan bahawa tindakan penyelesaian ini dapat dilaksanakan dengan sebaik mungkin dan sungguh hebat. Diharapkan juga bajet yang secukupnya dapat diperuntukkan melalui Belanjawan 2021 untuk menangani bukan sahaja kesesakan di penjara-penjara di negara ini juga di pusat tahanan-tahanan sementara khasnya tahanan imigresen ataupun pendatang asing tanpa izin ini Tuan Yang di-Pertua.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, isu yang ingin saya bangkitkan dalam perbahasan saya adalah berkenaan dengan bajet untuk Kementerian Pendidikan. Ini kerana saya dapati bahawa bajet kali ini seperti bajet yang sebelumnya telah memperuntukkan belanjawan yang cukup besar. Ini menunjukkan bahawa pendidikan itu satu perkara yang sangat penting dan menjadi tonggak utama dalam pembangunan negara ini.

Jadi saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, sebab dalam pembentangan bajet ini, saya telah dapati bahawa sejumlah RM720 juta telah diperuntukkan untuk membaik pulih ataupun menaik taraf 50 buah sekolah untuk kali ini. Pada hemat saya, 50 buah sekolah

ini saya rasa tidak cukup kerana secara purata, kalau RM720 juta itu diperuntukkan hanya 50 buah sekolah, ia akan memberikan purata bajet sebanyak RM15 juta.

Akan tetapi apa yang saya tahu Tuan Yang di-Pertua, di Sabah sendiri, saya pernah terlibat dengan satu proses libat urus yang telah dijalankan oleh Kementerian Pendidikan dan Inovasi Sabah sebelum ini, bukan sahaja 50 buah tetapi beberapa ratus buah sekolah yang daif sebenarnya ada di Sabah sendiri.

Jadi saya ingin bertanyalah kepada kementerian, bagaimanakah dan apakah kriteria yang diambil untuk mereka memilih 50 buah sekolah ini? Adakah mereka harus membina sekolah baharu ataupun membuat pembaikan-pembaikan yang perlu dahulu iaitu *urgent repairs*. Ini disebabkan baru-baru ini Tuan Yang di-Pertua, saya juga berkesempatan untuk melawat beberapa buah sekolah di luar bandar khususnya baru-baru ini saya ke daerah Ranau di SK Malinsau. Saya nampak sendiri kelas yang ada pada sekolah rendah tersebut hampir roboh tetapi tidak ada pilihan lain malah guru-guru terpaksa menjalankan juga aktiviti di bangunan yang tidak berapa selamat.

Walau bagaimanapun, keadaan ini tidaklah seberapa serius kerana kebanyakan dari kelas-kelas ini yang dibuat secara *online*, yang membawa kita kepada isu yang kedua iaitu capaian internet dan juga mutu perkhidmatan internet untuk sekolah-sekolah ini. Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, kebanyakan daripada sekolah-sekolah di luar bandar ini memang dilengkapi dengan capaian internet melalui VSAT.

Akan tetapi apa yang saya nampak di sini ialah teknologi memang ada kelemahannya. Saya rasa pihak kementerian harus melihat dan mempelajari sedikit pembelajaran tentang projek yang pernah dilaksanakan sebelum ini iaitu projek Clawback yang telah gagal untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik untuk capaian internet luar bandar khususnya untuk sekolah-sekolah. Ini disebabkan- saya sangat kasihan dengan guru-guru kita yang terpaksa bangun pukul 3 pagi untuk *upload* hasil-hasil kerja dan laporan mereka hanya untuk memastikan bahawa internet itu ada kelajuan sedikit. Ini kerana banyak masalah penyelenggaraan terhadap sistem VSAT ini.

Saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, adakah peruntukan untuk RM500 juta untuk jalinan digital negara itu (JENDELA) itu yang akan memanfaatkan 430 buah sekolah itu juga akan menggunakan teknologi yang sama ataupun ada teknologi yang baharu yang telah dirasakan lebih sesuai untuk memberikan perkhidmatan ini?

Kemudian Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga mengulas ataupun membangkitkan isu sedikit berkenaan dengan perkhidmatan awam. Baru-baru ini ramai di antara rakan-rakan dan kawan saya yang bertugas sebagai penjawat awam, juga telah mengeluh berkenaan dengan adanya sedikit dua darjat berkenaan dengan kadar bayaran insentif wilayah dan elaun perumahan wilayah bagi kakitangan dan pegawai dari Sabah yang bertugas di Semenanjung.

■1320

Saya dapati, *rate* ataupun kadar yang diberikan untuk pegawai ataupun kakitangan dari Semenanjung bertugas di Sabah itu ada perbezaannya. Jadi saya ingin bertanya kenapa ada dua darjat dalam memberikan elaun ketika orang Sabah dan Sarawak bertugas di Semenanjung manakala orang Semenanjung bertugas di Sabah itu dia punya elaun lebih besar.

Jadi saya ingin bertanya kenapa perlu ada dua standard ini? Kalau boleh standard ini harus diselaraskan supaya kita boleh meningkatkan lagi peluang bagi pegawai dan juga kakitangan di Sabah untuk bertugas di Semenanjung sebagai satu insentif bukan sahaja untuk menimba pengalaman tetapi juga dapat meningkatkan integrasi nasional di kalangan penjawat-penjawat awam.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya akan juga masuk terhadap isu pembangunan luar bandar. Sekarang ini selalu apabila kita menyebut pembangunan luar bandar ini, kita selalu menyebut api, air dan jalan raya. Akan tetapi sekarang ini, Internet juga sudah menjadi satu perkhidmatan asas yang juga harus diberikan bukan sahaja untuk memberikan ekonomi bertumbuh dengan lebih pesat tetapi juga untuk memudahkan urusan-urusan khasnya untuk masyarakat luar bandar.

Saya ambil contoh ketika COVID-19 ini menular memang banyak bantuan kerajaan telah diberikan tetapi masalah di sini, bantuan-bantuan ini terpaksa mereka turun ke bandar untuk mengeluarkan bantuan itu, kenapa tidak Internet ini dapat diperluaskan supaya *eWallet* sebagai contoh dapat ditingkatkan supaya mereka ini dapat memanfaatkan bantuan-bantuan daripada kerajaan ini dengan lebih baik.

Kemudian, berkenaan dengan alternatif-alternatif untuk membawa pembangunan ini. Contohnya, daripada segi bekalan elektrik sebab kebanyakan daripada usaha yang dijalankan oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar kebanyakannya berpusat kepada memanjangkan jaringan grid ke kampung-kampung ini. Akan tetapi kalau kita lihat daripada segi konteks Sabah Sarawak ini kerana taburan geografi, satu alternatif perlu dibuat.

Saya mencadangkan supaya KPLB membuat kajian bagaimana alternatif khasnya tentang sistem mini grid ini dapat dikembangkan dan juga membuka peluang ini kepada sektor swasta untuk membangunkan sistem mini grid ini supaya dapat memberikan akses 24 jam elektrik untuk kampung-kampung.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyambut baik usaha untuk memberikan, mengangkat peranan *civil society* ataupun kumpulan masyarakat madani ini dalam mempromosikan kelestarian alam. Dalam bajet ini, saya menyambut baik peruntukan RM20 juta sebagai *matching grant* kepada SDG untuk mempromosikan *Sustainable*

Development Goals (SDG) ini untuk memastikan bahawa kita juga dapat meneruskan kelestarian alam.

Saya sebagai ahli Kumpulan Parlimen Rentas Parti (APPGM) juga menyambut baik peruntukan yang telah diberikan sebanyak RM5 juta untuk kumpulan ini. Dengan ini Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih sekali lagi ke atas peluang yang telah diberikan kepada saya untuk membahaskan Bajet 2021 ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, berada dalam lingkungan masa yang ditentukan. Yang Berhormat Senator Datuk Abdul Ghani bin Mohamed Yassin.

1.23 ptg.

Datuk Abdul Ghani bin Mohamed Yassin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas kesempatan ini. Tuan Yang di-Pertua, saya akan terus kepada perbahasan ini. Pada saya Bajet 2021 merupakan atau boleh diibaratkan sebagai sebuah *war time budget*. Negara kita sebenarnya sedang berperang dengan musuh yang tidak nampak dan kelangsungan hidup dan nyawa rakyat yang terancam dalam dan bahaya. Kita juga jangan lupa kelangsungan syarikat-syarikat kecil dan sederhana atau *small and medium, micro enterprises* yang betul-betul terkesan, sebanyak lebih kurang 32,000 buah syarikat SME telah gulung tikar atau terlingkup sejak krisis COVID-19 bermula.

Kerajaan perlu memahami apa yang sedang dialami oleh rakyat serta ketakutan dan kerisauan yang sentiasa berlegar dalam fikiran rakyat kini. Apatah lagi sentimen rakyat yang berpandangan pengorbanan dan usaha mereka semasa tempoh PKP yang lepas telah menjadi sia-sia. Rakyat mengharapkan agar kerajaan sentiasa memastikan mereka berasa terbela dan kerajaan dapat menunjukkan jalan keluar bagi mereka dan negara daripada situasi yang amat menggerunkan ketika ini. Oleh sebab itu Tuan Yang di-Pertua, bajet kali ini bukan sahaja memerlukan pendekatan yang luar biasa tetapi juga mesti berani ataupun *bold reactive* dan memberi inspirasi dan pengharapan kepada rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, bajet negara perlu dilihat sebagai *inclusive* kepada sebuah kaum supaya mereka berasa terbela, pastikan tidak ada mana-mana kaum ataupun golongan yang tercicir misalnya jika ada peruntukan tertentu sila nyatakan dengan jelas, jika tidak ada sila sediakan.

Sehubungan dengan itu, saya merasa amat gembira apabila Yang Berhormat Timbalan Ketua Negeri Sabah memberitahu PETRONAS telah berjanji untuk membayar cukai jualan petroleum sebanyak RM1.5 bilion kepada negeri Sabah pada tahun hadapan. Akan tetapi ia tidak termasuk dalam Bajet 2021. Jika ia benar, saya harap kita boleh mempertimbangkan bayaran segera tambahan sebanyak RM1,000 untuk setiap penerima

BPN khususnya untuk rakyat Sabah. Rakyat Sabah memerlukan bantuan segera, kalau boleh jangan tunggu tahun hadapan.

Oleh sebab negeri Sabah telah melaksanakan PKPD paling lama tempohnya dan merupakan negeri yang paling jejas dalam gelombang ketiga COVID-19. Di Sabah antara yang terjejas ramailah, termasuk penjaja, peniaga kecil dan dalam sektor pelancongan seumpamanya, *the most effected sector* dengan izin ialah pelancongan dan mereka banyak terlibat dalam sektor ini.

Pertumbuhan Sabah 8.2 peratus dalam tahun 2017. Paling tinggi antara semua negeri dalam Malaysia. Menjunam paling rendah untuk dua tahun berturut-turut, kadar pertumbuhan hanya 1.5 peratus pada tahun 2018 dan 0.5 peratus pada tahun 2019. Kita jangan biarkan jurang pembangunan antara Sabah dan Semenanjung bertambah besar. Oleh yang demikian, kami memohon kerajaan Pusat harus membantu Sabah dengan kadar segera.

Tuan Yang di-Pertua, pada pendapat saya penumpuan bajet tidak boleh terbatas kepada soal kebajikan rakyat sahaja tanpa memastikan pemulihan ekonomi secara mampan. Justeru, langkah kedua ialah kita memerlukan sebuah pelan pemulihan strategik yang menggambarkan hala tuju yang jelas. Bidang-bidang yang akan diberikan keutamaan dan jentera pelaksanaan yang mampu memastikan pelan ini dilaksanakan mengikut jadualnya.

Saya amat menghargai usaha kerajaan untuk meneruskan projek-projek *connectivity* seperti infra rakyat yang telah diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan contohnya *Pan Borneo Highway* khususnya di negeri Sabah. Projek ini mestilah disegerakan pelaksanaannya kerana ia akan memberi ribuan pekerjaan dan juga kesan berganda kepada ekonomi di samping menambah daya saing negara jangka panjang atau *long term competitiveness*. Kerajaan perlu memberi perhatian kepada jentera pelaksanaan projek tersebut seperti keputusan oleh kerajaan sebelum ini yang telah memansuhkan projek *Delivery Partner* yang mengendalikan projek Lebuhraya Pan Borneo hendaklah dihidupkan semula.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan perlu juga memastikan sebanyak mana kerja-kerja boleh diagihkan kepada kontraktor-kontraktor kecil terutama dalam kategori kontraktor Kelas F secara telus. Mereka berada dalam keadaan tertekan kerana sudah kekurangan kerja selama dua tahun semenjak kerajaan lalu memerintah. Seperkara lagi yang boleh mencetuskan pertumbuhan ekonomi ialah projek *Digital Free Trade Zone* yang telah dirancang bersama dengan syarikat tersohor Alibaba dari China. Projek ini membolehkan SME mengimport barang-barangan mereka ke pasaran luar negara secara dalam talian atau *online*. Mohon kerajaan untuk meneruskan semula.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyambut baik penubuhan Majlis Pekerjaan Negara seperti yang telah diumumkan dan dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana

Menteri bertujuan untuk mewujudkan hampir 500 ribu peluang pekerjaan baharu selain menangani isu pengangguran di kalangan rakyat.

■1330

Akan tetapi soalnya di mana dan sektor apa pekerjaan-pekerjaan diwujudkan adalah sama penting dengan bagaimana untuk mewujudkan pekerjaan. Dalam hal ini, satu sektor yang perlu dilihat semua dan dirangsang semula sektor pertanian yang mana ia ada kaitan dengan *food security* dan juga kebimbangan bahawa rantai makanan seluruh dunia mungkin terancam atau terganggu semasa COVID-19 ini. Bidang-bidang baharu yang berpotensi perlulah dikenal pasti dan diberi keutamaan untuk dimajukan.

Sebagai contoh, pengeluaran susu segar oleh Syarikat Holstein dengan jenama *Farm Fresh* yang telah berjaya menguasai 30 peratus daripada pasaran susu segar. Produknya mendapat sambutan yang hangat sehingga permintaan melebihi bekalan. Pengeluaran susu segar ini merupakan projek yang boleh disifatkan sebagai *import substitution* yakni mengganti barangan makanan yang diimport dan berpotensi untuk menjana keuntungan. Projek ini juga membuktikan bahawa Malaysia mampu mencapai *self sufficiency* dalam industri yang berkenaan. Kerajaan juga perlu mengubah persepsi bahawa sektor pertanian tidak setanding dengan sektor-sektor lain seperti pekerjaan dalam bandar. Hakikatnya, sektor pertanian merupakan industri yang disanjung tinggi serta memberi pulangan yang lumayan kepada rakyat di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mengakhiri ucapan perbahasan saya, saya ingin menyampaikan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, Timbalan Yang di-Pertua, Setiausaha Dewan, Ahli-ahli Dewan Negara serta seluruh pegawai kanan Parlimen dan juga pihak kementerian, agensi berkaitan atas kesempatan yang diberikan kepada saya setelah dapat berkhidmat sepanjang tiga tahun sebagai Ahli Dewan Negara yang akan tamat pada 4 Januari 2021. Pada kesempatan ini juga, saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada pengundi di kawasan saya yang telah memilih saya sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri N.46 Nabawan pada Pilihan raya Negeri Sabah baru-baru ini yang telah membawa kemenangan tetapi bukan hanya untuk rakyat di kawasan saya tetapi Sabah seluruhnya.

Dengan rasa rendah diri, saya berasa amat berbangga sekali dapat bersama rakan-rakan berkhidmat terus-menerus menabur bakti. Setiap kali sidang Dewan berlangsung, kita dapat menyuarakan keluh kesah serta rintihan rakyat demi masa depan negara yang lebih terjamin pada masa hadapan. Tuan Yang di-Pertua, saya akhiri ucapan saya dengan dua rangkap pantun.

*Pohon sirih pohon selasih;
Tumbuh merimbun di hujung laman;
Kalungan budi junjungan kasih;
Menjadi kenangan sepanjang zaman.*

*Terbang selisih si Burung Kedidi;
Terbang berduyun di waktu pagi;
Terima kasih daun keladi;
Di lain masa kita berjumpa lagi.*

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong... [Tepuk]

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih dan selaras dengan ucapan tersebut, saya percaya Ahli-ahli Yang Berhormat Senator mengiktiraf sumbangan Yang Berhormat Datuk Abdul Ghani sebagai cemerlang. Jadi, kami terasa bahawa kehilangan sahabat namun perutusan dan perjuangan- terus.

*Hari lah sedang tengah hari;
Sedanglah buntar bayang-bayang;
Kenapa Datuk sama ke mari;
lalah untuk sama berjuang.*

Alhamdulillah. Saya ambil kesempatan untuk menjemput Yang Berhormat Senator Tuan Ismail bin Yusop.

1.34 ptg.

Tuan Ismail bin Yusop: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakatuh.* Salam sejahtera. Salam *rahmatan lilalamin.* Terima kasih kerana diberi peluang untuk turut sama membahaskan Belanjawan 2021 ini.

*Terbang tinggi Burung Tempua;
Tinggi-tinggi si Burung Punai;
Belanjawan ini Tuan Yang di-Pertua banyak isunya;
Takut hasrat rakyat tak dapat nak di tunai.*

Tuan Yang di-Pertua, latar belakang Belanjawan 2021 ini terkait dengan tiga perkara. Pertamanya ialah pandemik COVID-19 sebagaimana yang disebut oleh teman-teman yang lain. Impaknya ialah kepada perkara yang kedua iaitu krisis ekonomi akibat daripada pandemik ini dan juga krisis ekonomi global yang berlaku. Dalam konteks kita di Malaysia yang ketiga, ia juga terkait dengan krisis politik apabila berlaku peralihan kuasa daripada Pakatan Harapan kepada Perikatan Nasional.

Pada hemat saya Tuan Yang di-Pertua, tumpuan pencerahan yang sepatutnya diberikan dalam belanjawan ini yang paling penting ialah pernyataan-pernyataan bagaimana maksud yang terkandung dalam belanjawan ini dapat dilaksanakan pelaksanaannya dan sampai kepada kumpulan sasaran yang dimaksudkan khususnya, mereka yang paling terkesan dengan pandemik COVID-19. Oleh sebab itu saya bersetuju dengan saranan beberapa orang teman yang menyebut tentang soal ketelusan dan untuk memastikan tidak ada ketirisan dalam pelaksanaan belanjawan ini pada tahun hadapan. Termasuklah juga dalam konteks, dengan izin, *good governance*.

Seperkara lagi yang ingin saya bangkitkan tentang belanjawan ini saya lihat ia diletakkan atas premis yang agak kurang tepat berasaskan andaian ekonomi dunia yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri sewaktu pembentangan di Dewan Rakyat, dengan izin, akan *rebound strongly* pada tahun 2021. Pada hemat saya, *strong economy recovery* ini sukar untuk berlaku pada tahun hadapan lebih-lebih lagi dalam keadaan kita sedang menghadapi gelombang ketiga COVID-19 yang sedang berlaku sekarang, yang masih bersifat, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *vulnerable* yang saya jangka akan berlanjutan sehingga pertengahan tahun hadapan.

Sebagaimana yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan, jumlah belanjawan yang disebut semula kelmarin iaitu sebanyak RM307 bilion iaitu RM236.5 bilion untuk Belanja Mengurus, sementara RM71 bilion, lagi 23.1 peratus ialah Belanja Pembangunan. Sekadar hendak membuat perbandingan, Belanjawan Kerajaan Negeri Selangor ialah RM2.3 bilion tetapi jumlah untuk belanja pengurusannya ialah RM1.22 bilion iaitu 53 peratus, sementara belanja pembangunannya ialah sebanyak RM1.1 bilion iaitu 47 peratus.

Saya menyebutkan angka ini kerana ternyata perbelanjaan yang dikemukakan di Negeri Selangor nampaknya jelas lebih seimbang dibandingkan dengan perbelanjaan Pusat yang bersifat defisit kali ini sebagaimana yang disebutkan oleh sahabat saya, Dr. Ahmad Azam semalam untuk kali yang ke-22.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga hendak mengingatkan diri saya dan Dewan yang mulia ini, Belanjawan 2021 ini belanjawan yang terbesar dalam sejarah Belanjawan Negara. Barangkali kerana itu agaknya ia menyebabkan ramai dan banyak pihak yang berbahas, berbincang dan menganalisis belanjawan yang dibentangkan ini. Saya berharap ia tidak terkait dengan jentera dan Kabinet yang paling besar dalam sejarah Malaysia yang pernah dibentuk oleh kerajaan dengan seorang Perdana Menteri, empat Menteri Kanan, 27 Menteri, 37 Timbalan Menteri, dan ada 26 kementerian. Saya harap perkara ini bukanlah satu norma baharu yang dijadikan fakta dalam menghasilkan belanjawan yang dibentangkan.

Hanya ada dua perkara sahaja Tuan Yang di-Pertua, dalam masa yang singkat ini yang saya hendak sentuh iaitu pertama, dalam soal IKS dan PKS. Pada fasa pertama MCO, Perintah Kawalan Pergerakan bermula 18 Mac 2020 hingga 9 Jun 2020, 9,675 PKS telah menghentikan operasi.

■1340

Sementara pada fasa kedua MCO yang bermula dari Jun 2020 hingga September 2020, sebanyak 22,794 PKS telah menghentikan operasi. Ini merupakan statistik rasmi yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri. Pastinya, saya yakin jumlahnya lebih tinggi sekarang dan implikasi besar ialah kehilangan dan pemberhentian operasi PKS dan IKS ini ialah pengangguran.

Isu yang kedua inilah Tuan Yang di-Pertua, walaupun ada disebut tentang skim jaminan peluang pekerjaan JanaKerja dalam pembentangan belanjawan yang dibentangkan dengan menyatakan bahawa ada kebarangkalian 500 peluang pekerjaan. Pada bulan Mei yang lepas sahaja, seramai 820 ribu, mereka telah kehilangan pekerjaan. Saya percaya angka ini jadi lebih besar. Ini tidak termasuk 300 ribu setiap tahun bilangan mereka yang meninggalkan pusat pengajian. Oleh sebab itu, penubuhan Majlis Pekerjaan Negara adalah sesuatu yang amat kita alu-alukan.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya ingin merumuskan bahawa ternyata Belanjawan 2021 ini mencerminkan betapa kerajaan lebih mengutamakan hayat politik pemerintah daripada keterdesakan hidup rakyat. Saya menyebutkan hal ini kerana rata-rata sehingga waktu ini, kebimbangan masyarakat sivil di luar sana terhadap isu penting terutamanya isu pengeluaran wang KWSP. Kurangnya jalan keselamatan yang melibatkan warga yang tiada simpanan KWSP. Peruntukan JASA atau J-KOM. Walaupun telah dipotong, tetapi tidak dinyatakan di mana saluran pengaliran wang yang dipotong itu. Pastinya, ia akan jadi *outfit* kepada propaganda kerajaan yang ada sekarang.

Dengan prestasi dan markah tata kelola Malaysia yang turut melemah pada tahun ini seperti yang dilaporkan oleh Bank Dunia dan indeks rasuah dan kebebasan media yang turut merudum keyakinan daripada pelabur-pelabur asing akan turut terkesan dan berkemungkinan memberi impak kepada sektor ekonomi dan pembangunan.

Tuan Yang di-Pertua, sejujurnya negara memerlukan satu anjakan baharu tentang bagaimana kita harus bangkit daripada tragedi pandemik ini. Terbukti belanjawan ini tidak berkeupayaan untuk mencapai maksud yang tersebut dengan hanya undian 111 yang menyokong dan 108 yang menolak di Dewan Rakyat. Jelas bahawa belanjawan ini tiada dokongan yang kukuh. Ini sebenarnya mengambil iktibar maksud daripada nasihat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang mahu supaya bajet ini, belanjawan ini dibincangkan, dan diperhalusi agar dia benar-benar memberi impak

menyelesaikan masalah rakyat yang cukup terkesan akibat daripada pandemik COVID-19 dan juga kemelut politik yang sedang dihadapi.

Adalah suatu yang khilaf saya anggap untuk menyatakan isu penolakan belanjawan ini terkait dengan cita-cita pengalihan kuasa atau mengangkat mana-mana individu sebagai Perdana Menteri yang baharu. Ini pembuktian bahawa, demokrasi di Parlimen masih subur dan Wakil-wakil Rakyat kita benar-benar melaksanakan tanggungjawab mereka untuk melakukan semak dan imbang terhadap belanjawan yang dibentangkan.

Puan Raj Murni binti Sabu: Yang Berhormat. Minta laluan.

Tuan Ismail bin Yusop: Tidak cukup masa dah. Hendak habis dah.

Puan Raj Murni binti Sabu: Sikit sahaja Tidak boleh?

Tuan Ismail bin Yusop: Saya hendak teruskanlah. Minta maaf ya [*Ketawa*] Memanglah kalau sebenarnya banyak lagi yang hendak dibangkitkan tetapi izinkan saya untuk mengakhiri. Pertamanya, hendak mengambil peluang ini untuk menzahirkan jutaan terima kasih dan penghargaan semua *frontliner* dan mereka yang terus memberikan komitmen untuk memastikan kita boleh meneruskan kelangsungan hidup harian kita. Ganggu tadi, habis.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak mengapa, tengok Yang Berhormat.

Tuan Ismail bin Yusop: Sebelum saya berundur Tuan Yang di-Pertua.

*Dua tiga kucing berlari;
Mana nak sama si kucing Tuan Haji Ahmad;
Banyak perkara yang berlegar di hati;
Apakan daya masa dah tamat.*

Tuan Yang di-Pertua: Ada masa lagi.

Tuan Ismail bin Yusop: Terima kasih. *Wabillahitaufik walhidayah. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Tuan Yang di-Pertua: *Alhamdulillah*, terima kasih. Kobaran perasaan itu kita genapkan dahulu. Kita dengar Yang Berhormat Tuan Aknan A/L Ehtook. Kalau kita cermat, mungkin kita habiskan seorang lagi selepas ini. Silakan.

1.45 ptg.

Tuan Aknan A/L Ehtook: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak pendek-pendekkan juga kerana ramai sudah lapar ni. Pertama sekali, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana bersetuju meneruskan pelantikan saya untuk mewakili masyarakat Siam di Dewan yang mulia ini... [*Tepuk*] Saya juga ingin merakamkan terima kasih kepada semua NGO masyarakat Siam dan juga seluruh

masyarakat Siam kerana terus bersama saya untuk membantu kerajaan membangunkan seluruh masyarakat Siam.

Jadi, bertolak dari situ, apabila dilantik semula, ibu saya berpesan kepada saya Akan kamu dilantik semula maknanya mungkin kamu boleh jadi Menteri *kot* tetapi- itu bukan *point* dia. Akan tetapi dia kata, kalau kamu jadi Menteri, jangan hanya jadi Menteri Siam. Bukan untuk orang Siam sahaja. Kalau jadi Menteri, Menteri untuk semua seluruh rakyat Malaysia. Jadi, bertitik tolak dari situ juga, saya ingin menyeru kepada para Menteri-menteri yang sedang memegang jawatan, jadilah Menteri kepada seluruh rakyat Malaysia. Bukan kepada puak sendiri, parti sendiri, negeri sendiri. Kita sudah jadi Menteri, tidak ada lagi sempadan tersebut. Jadilah Menteri terbaik kepada semua rakyat Malaysia.

Jadi, apabila Yang Berhormat Menteri Kewangan menyebut tentang Kementerian Kewangan berjiwa besar untuk menyediakan peruntukan untuk semua, saya amat gembira. Ini kerana ia secukupnya dengan apa yang saya bayangkan kerana apabila membuat satu-satu dasar, fikiran ataupun kita berfikir mestilah jangan dikongkong oleh sempadan-sempadan bangsa, agama dan sebagainya. Jadi pentingkan negara, adil kepada semua. Anggaphlah seluruh rakyat Malaysia ini anak kita. Jadi kepada anak kita kalau ada lima orang, adilah kepada lima orang. Janganlah yang perempuannya dibeli gelang emas tetapi yang lelakinya berjalan seluar pendek separuh bogel. Itu tidak adil dan sebaliknya.

Jadi, sekiranya kita dapati bahawa dasar-dasar yang sedia ada gagal untuk mencapai matlamatnya, usahlah takut untuk mengubahnya. Kalau dasar-dasar itu boleh diubah ataupun diperbaiki buatlah yang sepatutnya kerana itulah yang diharapkan oleh setiap rakyat apabila kita mendapat kerajaan untuk memerintah negara.

Jadi menyentuh Bajet 2021, setiap kali bajet semua orang menunggu. Petaninya menunggu untuk dibantu. Peniaga menunggu untuk diberikan suntikan modal, yang dicukai menunggu untuk dikurangkan cukai dan kontraktornya pula menunggu untuk diberi projek yang lebih. Jadi saya nampak itu simptom kepada sakit besar yang kita ada. Itu sakit-sakit kecil, kita masih ada sakit besar. Sakit besarnya kalau kita tidak ubah betul-betul, tidak buat betul-betul, tidak pulihkan ekonomi, tidak tingkatkan peluang pekerjaan, tidak perangi COVID-19 dengan baik, tidak uruskan wang dengan baik dan tidak adili kes-kes rasuah untuk dijadikan tauladan kepada orang ramai dan kita masih lagi membeza-bezakan rakyat Malaysia mengikut kulit, rambut dan sebagainya, itu sakit besar itu akan berpanjangan.

Saya harap semua akan ambil iktibar daripada itu dan apabila kita membuat bajet, buatlah sebaik mungkin. Jadi bila menyentuh bajet ini pula, sebanyak RM322.5 bilion telah disediakan ataupun diperuntukkan.

■1350

Jadi setiap tahun kita dapati bahawa, peruntukan untuk *operating expenditure* (OE), dengan izin, sentiasa lebih tinggi. *Of course*, lebih tinggi tetapi kita juga ingin lihat apabila kita menyediakan peruntukan, tingkatkanlah peruntukan untuk pembangunan juga. Ini kerana kalau kita ada rumah, gaji kita asyik belanja makan, makan, makan, rumah tak baiki, bocor sana, bocor sini kita tidak akan ke mana. Jadi, kita carilah jalan bagaimana untuk mengurangkan OE dan tingkatkan juga DE.

Saya harap bila kita sebut tentang RM322.5 bilion ini, saya harap kerajaan tahu di mana hendak dapatkan duit tersebut. Ini kerana kalau kita asyik meminjam tanpa cara yang lestari, hutang itu akan turun-temurun bukan setakat anak cucu mungkin sampai anak cicit kita tidak habis hendak dibayar. Jadi pastikanlah cukai yang patut kita kutip itu, kutip dengan betul. Jangan ada ketirisan dan sebagainya. Kita harus juga tutup segala ruang di mana salah guna duit, salah guna wang dan sebagainya. Setiap kementerian dan jabatan perlu bertanggungjawab kerana apabila duit kita pinjam, ada kosnya dan kos tersebut perlu kita bayar.

Jadi menyentuh tentang perbezaan peruntukan ini. Pertama sekali, saya hendak sentuh tentang peruntukan yang disediakan untuk pembangunan bumiputera dan bukan bumiputera. Jadi, kalau kita lihat jumlah yang diberikan untuk bumiputera ini sebanyak RM11 bilion dan bila dikira lain-lainnya tak sampai pun RM300 juta.

Akan tetapi alasan yang digunakan untuk menyediakan jumlah tersebut bahawa 71 peratus daripada B40 bumiputera, yang bakinya bukan bumiputera. Akan tetapi angka yang digunakan untuk tujuan peruntukan tidak mencerminkan angka-angka tersebut. Jadi, saya harapkan benda ini diperbaiki kerana saya lihat dalam elemen satu lagi adalah tentang- selain daripada Cina dan India ada komuniti lain.

Jadi kami Orang-orang Siam ini sentiasa di lain-lainkan, jadi dengan RM5 juta itu saya pun tak tahu apa hendak buat. Terlalu sedikit. Kita juga perlu- kalau tadi kita cakap tentang berhak sebagai rakyat Malaysia, saya rasa orang Siam pun tidak kurang haknya untuk mendapat apa yang kerajaan sediakan. Jadi, saya harap kerajaan dapat menyediakan peruntukan yang secukupnya. Setiap tahun saya memohon untuk sekolah bahasa Siam, bahasa ibunda di 65 buah tempat di seluruh negara. Saya harap Kementerian Kewangan dapat meletakkan sejumlah RM1.3 juta setiap tahun untuk membantu 65 buah sekolah bahasa Thai.

Kemudian saya juga ingin menarik perhatian kepada Kementerian Kerja Raya dan Kementerian Pembangunan Luar Bandar Malaysia tentang sebuah jalan di antara Kampung Terbok dan Kampung Kok Seraya yang menjadi laluan utama kerana itu jalan pintas. Kalau boleh, lihatlah macam mana hendak perbaiki keadaan kerana sering kalinya anjing pun sudah

tak berani lalu kerana kereta banyak dan laju. Asalnya jalan kampung sahaja tapi oleh sebab itu jalan pintas, ramai telah menggunakannya.

Seperkara lagi yang saya ingin sentuh ialah tentang masyarakat Siam juga iaitu tentang saya hendak ucapkan terima kasih kepada MOF, Kementerian Kerja Raya kerana memberi usahawan Siam sijil bertaraf bumiputera untuk mereka masuk tender dan sebagainya. Jadi, saya hendak menyeru kepada Kementerian Pendidikan Tinggi kerana apabila berlaku pertukaran pegawainya, definisi Siam itu berubah-ubah.

Jadi dahulu saya pernah pergi jumpa pegawai MARA bahagian pembiayaan, mereka benarkan berikan pembiayaan kepada pelajar-pelajar Siam tapi apabila tukar pegawai, definisi berbeza. Itu jadi susah. Orang Kedah kenal orang Siam, tapi orang Johor tu kurang sedikit. Itu masalahnya. Jadi kalau kerajaan boleh sediakan, keluarkan pekeliling yang boleh difahami oleh semua, senang. Tidak payahlah kita setiap tahun tercari-cari, setiap tahun berubah-ubah. Pekeliling itu akan menyelesaikan masalah semua, mengatakan bahawa masyarakat Siam layak ini dan ini, satu dua tiga. Senang untuk pegawai menjalankan tugas. Kalau tidak mereka akan *interpret* sendiri.

Satu perkara lagi yang saya hendak bangkitkan sebelum habis masa. Kita tahu bahawa semua agama mengajar ke arah kebaikan. Jadi kita perlulah- dan apabila rakyat kita beragama maksudnya dia ada pendirian beragama dan sebagainya, kita akan menghasilkan rakyat yang terbaik. Akan tetapi daripada segi kerajaan pula, menyediakan peruntukan yang berbeza.

Dalam menyediakan peruntukkan ini, agama-agama lain tidak diberi peruntukan apa-apa. Jadi saya harap kerajaan dapatlah menyediakan juga peruntukan kepada agama lain untuk mereka meningkatkan ilmu agama mereka, untuk menyediakan bahan bacaan, menyediakan guru-guru, memperbaiki tempat ibadat dan sebagainya. Ini kerana kalau kita tidak buat sebegitu mungkin sebahagian daripada rakyat kita tidak berkualiti sebagaimana yang kita harapkan.

Jadi, saya ingin memohon kepada Kementerian Kewangan tengok balik, tengok semula peruntukkan yang disediakan untuk masyarakat bukan bumiputera dan juga untuk agama-agama lain kerana kalau katakanlah benda itu tersilap kira, saya harap kiralah semula. Sekiranya terlepas pandang, tolehlah semula dan sekiranya tidak sengaja, buatlah semula kerana itulah yang kita harapkan, asalkan semua rakyat Malaysia diberi keperluan yang seadilnya. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Dipersilakan Dato' Isa Ab. Hamid.

1.56 ptg.

Dato' Isa bin Ab Hamid: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim...* [Membaca selawat ke atas Nabi] Saya mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Perikatan Nasional dan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana pada bajet kali ini telah memberi satu peruntukan yang istimewa kepada komuniti Orang Asli.

Dengan peruntukan RM158 juta, saya melihat suatu peningkatan yang agak tinggi berbanding sebelum ini dengan tambahan kepada pembangunan RM158 juta itu serta kos mengukur tanah dan pengambilan tanah bagi komuniti Orang Asli, tambahan RM5 juta menjadikan RM163 juta. Ini lebih tinggi berbanding tahun 2020, RM140 juta.

Ingin saya bertanya kepada JAKOA untuk dapat menyenaraikan projek-projek jalan bagi tahun 2021. Saya juga mengucapkan terima kasih kepada kerajaan kerana telah meluluskan projek jalan Pos Betau ke Pos Lenjang sejauh RM15 juta dan dijangka siap pada April 2022. Saya juga meminta kepada JAKOA untuk menjelaskan projek jalan Pos Kema ke Pos Baung yang melalui Pos Piah dan Pos Poi dan jarak ini akan mengurangkan perjalanan satu pertiga jarak- menjimatkan perjalanan satu pertiga di antara laluan Gerik dengan laluan *shortcut* ataupun jalan pintas ke Baung melalui Ipoh. Saya melihat juga bahawa jalan-jalan-mohon juga JAKOA menjelaskan status pembinaan jalan yang telah diluluskan bagi daripada RPS Kuala Betis ke pedalaman Gua Musang.

Seperkara yang saya ingin bahaskan juga tentang di sini, tentang jalan yang telah banyak diluluskan oleh kerajaan supaya KPLB dapat melihat suatu tindakan yang proaktif. Banyak jalan-jalan yang telah diluluskan oleh kerajaan, berjuta-juta tetapi rosak akibat pembalakan.

Baru-baru ini saya pergi ke pedalaman Pos Yong melalui Jajaran Baung ke Pos Kuala Mu, dimaklumkan dan saya sendiri melihat bahawa lebih 40 peratus jalan itu rosak. Saya telah mengira anggaran kos yang diperuntukkan oleh kerajaan pada jalan ini, lebih RM66 juta, tahun 2016, 2017 tetapi oleh sebab ada pembalakan yang dikeluarkan oleh kerajaan negeri, menjadikan jalan ini rosak. Sebab itu saya sendiri bercakap dengan kementerian melalui dengan KSU supaya ada jawatankuasa pemantauan jalan luar bandar ini.

Kita melihat bahawa kerajaan contohnya di Jajaran Baung ini RM66 juta tetapi kerajaan dapat premium balak RM2-RM3 juta. Mungkin tokeh balak dapat berpuluh juta lagi. Akibatnya jalan yang banyak ini dikeluarkan oleh Kerajaan Persekutuan musnah oleh projek balak kerajaan negeri. Belum saya melihat Jajaran Pos Lenjang- RM15 juta- jalan itu dibuat. Pos Induk hampir RM30 juta. Kalau lihat Gua Musang yang lulus baru-baru ini RM200 juta. Kita kluatir bila tidak ada pemantauan, jalan yang beratus juta ini akan rosak kerana pembalakan yang diluluskan oleh kerajaan negeri.

■1400

Seperkara lagi yang saya sentuh, isu yang agak penting Pusat Intelek Pelajar Orang Asli di Putra, Kuala Terengganu. Saya dimaklumkan oleh JAKOA bahawa pusat ini akan menempatkan pelajar Tingkatan 4 dan 5.

Untuk makluman Ahli Dewan bahawa, Pusat Intelek Pelajar Orang Asli yang pertama adalah di Rompin, menempatkan hampir 100 orang pelajar dan pusat ini ditempatkan untuk pelajar Tingkatan 1, 2, 3 menangani keciciran yang sangat besar daripada Darjah 6 ke Tingkatan 1. Maka ini kita tempatkan pelajar Tingkatan 1, 2, 3.

Apa yang dibuat oleh JAKOA sekarang ini merancang untuk menempatkan Tingkatan 4 dan 5, saya sebagai Ahli Dewan sangat tidak bersetuju. Saya mohon Pusat Putra ini masih menempatkan Tingkatan 1, 2, 3 untuk fokus kepada pendidikan Orang Asli di Kelantan dan Terengganu. Kita sedia maklum bahawa pendidikan Orang Asli Kelantan sangat jauh ketinggalan. Maka sekiranya pelajar Tingkatan 1 ini tidak diberi ruang yang lebih luas maka lebih besar lagi keciciran di Kelantan dan Gua Musang.

Kita hendak bahawa pelajar Tingkatan 4 dan 5 ini diserap ke arus perdana. Kita hendak pelajar Tingkatan 4 dan 5 ini bercampur, bergaul dengan komuniti arus perdana, kaum Melayu, kaum Cina di asrama penuh dan sekolah vokasional dan sekolah-sekolah harian. Oleh sebab itu saya meminta JAKOA mengambil tindakan penting bahawa Pusat Intelek Pelajar Orang Asli (PIPOA), Putra di Kuala Terengganu ini mesti difokuskan untuk Tingkatan 1, 2, dan 3. Saya ingin bertanya pada JAKOA, jumlah kemasukan yang dirancang atau dijangka pada kemasukan Januari ini bagi pusat Putra di Kuala Terengganu. Saya juga ingin bertanya kepada JAKOA supaya melihat- dan bertanya, jumlah kemasukan pelajar Orang Asli ke IPTS dan IPTA pada tahun 2020 pada tahun ini.

Seperkara yang saya sangat tekankan bahawa isu wang saku pelajar sekolah menengah, yang ini setiap kali saya bahas, saya tekankan dan saya minta JAKOA dan juga Menteri Kewangan wang saku RM2 sebagai galakan pendidikan kehadiran sekolah menengah sangatlah tidak relevan lagi. Oleh sebab itu saya dengan Yang Berhormat Menteri sudah bercakap, dia sudah bersetuju bahawa RM2 ini perlu ditingkatkan dengan kadar yang munasabah. Kalau RM5 itu mungkin belanjanya sesuai untuk sarapan pagi. Akan tetapi mencadangkan RM10 supaya ada belanja untuk makan tengah hari.

Kita lihat ada pelajar Orang Asli yang duduk di asrama. Mungkin masalah sarapan pagi selesai. Makan waktu rehat tidak ada, mungkin dapat di cover dengan sumbangan wang saku ini. Namun, 60 peratus pelajar Orang Asli bersekolah dari rumah. Sarapan pagi RM5, sebelum balik tengah hari, sebelum tengah hari hendak balik ke rumah, dia naik bas satu jam lagi. Berjalan kali lagi setengah jam ke rumah. Mungkin pukul 2 hingga 3 petang baru sampai rumah. Bagaimanakah mengurus makanan tengah hari?

Ini yang saya cakap kalau dapat kementerian dan JAKOA meletakkan kos RM10 dengan kadar yang sesuai. Begitu juga dengan kos pelajar yang saya katakan elaun makan IPTS yang hanya RM150, tidak cukup, yang ini perlu ditingkatkan dengan kadar RM450. Saya ingin berkongsi dengan suatu kisah hebat komuniti Orang Asli pedalaman di Pos Beswok.

Pos Beswok ini di pedalaman Sungai Siput yang melalui juga jajaran Bawong, saya nyatakan tadi bahawa suatu yang saya kongsi, saya telah hadir pada 24 November untuk program UNDP untuk menjana program sosioekonomi di kampung Pos Beswok. Mereka telah membina setiap penerima Bantuan Prihatin Nasional dengan sebuah chalet. Tiap-tiap keluarga ini yang menerima Bantuan Prihatin Nasional RM1,600 membina sebuah chalet dan ada sekarang hampir- yang sudah siap hampir 10 buah chalet dan akan dibina lagi 10 buah chalet.

Dijangka dalam 40, ke 50 buah chalet, bahawa tiap-tiap keluarga yang menerima bantuan ini menggunakan Bantuan Prihatin Nasional itu untuk membuat chalet dan diberikan atau dipasarkan oleh koperasi untuk menerima kunjungan daripada peminat-peminat kepada ekosistem alam semula jadi di luar bandar.

Ini suatu yang perlu diberi perhatian oleh kerajaan, bagaimana kalau kita memikirkan RM1,600 itu lebih kepada makan, untuk anak sekolah, untuk belanja *handphone* dan sebagainya. Akan tetapi mereka dapat membina sebuah rumah yang boleh dikatakan saiz 20 ke-30 buah chalet yang daripada *bamboo*, daripada buluh dan juga dinding kelarai dan saya juga mencadangkan kepada JAKOA dulu supaya Orang Asli diberi insentif RM5 ribu, RM10 ribu untuk buat rumah. Dari rumah PPRT yang RM60 ribu, yang kadang-kadang tahun depannya sudah musnah, lantai sudah pecah, bumbung sudah rosak dan sebagainya.

Lebih baik kalau kita kerajaan memikirkan bagaimana rumah yang cantik dari pelepah kelarai ini dan buluh, mungkin diawet lebih baik supaya tahan 20 tahun, 30 tahun dan diberi insentif kepada Orang Asli. Tidak perlu kerajaan menyediakan banyak rumah, yang dibuat projek yang tidak bermakna kepada komuniti. Sedangkan kalau RM60 ribu buah rumah PPRT, boleh buat enam unit rumah chalet yang cantik dengan identiti orang Asli. Ini pandangan saya terhadap JAKOA dan KPLB, dapat melihat jangka masa panjang untuk perkara ini.

Seperkara yang penting juga saya melihat isu yang- sangat singkat masa. Isu eKasih. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengumumkan RM106.8 juta untuk meningkatkan taraf eKasih dan saya berharap juga supaya eKasih ini dapat melibatkan komuniti Orang Asli secara total, secara keseluruhan. Tidak perlu lagi e-Damak, tidak perlu lagi SPMOA- sistem kajian penduduk Orang Asli, sebab bila ada dua sistem ini, Orang Asli akan jadi mangsa, tercicir saja dalam sistem eKasih.

Oleh sebab itu saya mohon JAKOA, dan juga Jabatan Perangkaan Negara supaya meletakkan- dalam kajian sekarang pun Jabatan Perangkaan Negara sedang membuat kajian

e-Census dan kita melihat bahawa 30 peratus rakyat Malaysia telah *online system* ini. Saya melihat 90 peratus Orang Asli tidak dapat *online* dengan sistem, dan juga Internet di luar bandar. Oleh sebab itu saya melihat bahawa dengan kaedah manual yang akan datang ini ataupun sistem *online* bahawa libatkanlah 100 peratus Orang Asli supaya tidak tercicir daripada pelbagai sumbangan dan bantuan seperti elaun nelayan, bantuan PeKa 40, BPN, i-Suri, JKM dan sebagainya.

Saya berharap dengan perbahasan yang singkat hanya 10 minit pada hari ini, saya dapat memberi impak kepada komuniti Orang Asli dan juga kepada agensi kerajaan yang sepatutnya mengambil tindakan. Akhir sekali saya menyokong bahas bajet pada kali ini. Sekian, terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Tuan Yang di-Pertua: *Walaikumsalam.* Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Isnin, 21 Disember 2020.

[Dewan ditangguhkan pada pukul 2.07 petang]